

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV Bil. 16 Hari Rabu 22 April 1998

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 26 dan B. 27

(Ruangan)

Maksud B. 30

(Ruangan)

Maksud B. 34

(Ruangan)

Maksud B. 36 dan B. 40

(Ruangan)

Maksud B. 45

(Ruangan)

Maksud B. 47

(Ruangan)

Maksud B. 51

(Ruangan)

Maksud B. 52

(Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 3) 1997

Jawatankuasa:

Maksud P. 26

(Ruangan)

Maksud P. 28

(Ruangan)

Maksud P. 44

(Ruangan)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S, J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Puan Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Hajah Supiah binti Dewak
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 22 April 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sabah (Baram) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) tidak hadir]

PELABURAN KWSP TAHUN 1997 - KEUNTUNGAN/KERUGIAN

5. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) portfolio utama pelaburan KWSP, keuntungan atau kerugian pelaburan dalam saham pada tahun 1997; dan
- (b) jumlah caruman KWSP pada tahun 1997 dan kadar pulangan daripada pelaburan-pelaburan yang telah dijalankan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Setakat 31 Disember 1997 pelaburan KWSP berjumlah RM129.6 bilion merangkumi sebanyak 30% di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), 26% dalam pinjaman dan bon, 25% dalam pasaran wang dan 19% dalam ekuiti dan pasaran saham. Bagi tahun 1997, KWSP memperolehi pendapatan dari pelaburan saham sebanyak RM994 juta. Kerugian akibat dari kejatuhan harga saham dalam tahun 1997 merupakan kerugian tidak nyata, kerana pelaburan KWSP adalah untuk jangka panjang dan akan terhapus apabila pasaran kembali pulih.
- (b) Jumlah caruman terkumpul KWSP setakat 31 Disember 1997 adalah sebanyak RM130.85 bilion dan meningkat sebanyak RM16.66 bilion atau 14.59% berbanding jumlah caruman terkumpul pada tahun 1996, iaitu RM114.19 bilion. Pulangan pelaburan kepada ahli sebagai dividen bagi tahun 1997 adalah sebanyak 6.7%.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah terjadi dengan wang tak dituntut oleh pencarum KWSP sehingga kini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya kurang dengar, minta ulang sekali lagi.

Tuan Chiew Chiu Sing: Apakah terjadi dengan wang tak dituntut oleh pencarum KWSP sehingga kini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, wang yang tidak dituntut telah pun dimasukkan ke dalam amanah awam dan akan diperlakukan mengikut peraturan wang amanah awam.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang menduduki dalam Jawatankuasa Pelaburan, dan bagaimana kita memastikan segala keputusan dalam pelaburan adalah penuh dengan ketelusan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli di dalam Panel Pelaburan KWSP adalah terdiri daripada orang-orang yang mengetahui mengenai dengan pasaran kewangan tersebut pasaran saham dan ekuiti. Tiga orang daripadanya adalah daripada sektor swasta. Ahli-ahli yang lain, lima orang lagi adalah daripada sektor awam. Sepanjang pengetahuan saya KSU Perbendaharaan ada di dalam itu, Gabenor bagi pihak Bank Negara pun ada dalam itu. Tetapi untuk saya menyatakan satu persatu saya tidak ingat. Tetapi mereka adalah terdiri daripada orang-orang profesional di dalam bidang kewangan dan segala deliberation, dengan izin, dengan Ringgit yang mereka buat adalah telus dan apa yang mereka merekomendasikan mestilah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah KWSP terlebih dahulu sebelum apa-apa keputusan dibuat di dalam pelaburan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

[Soalan No. 6 - Y.B. Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) tidak hadir]

MAS - MENGURANGKAN TAMBANG DOMESTIK

7. **Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada MAS berkeinginan untuk mengurangkan tambang

domestik di antara Sabah dan Kuala Lumpur supaya dapat memberikan peluang untuk penduduk Sabah melawat Kuala Lumpur memandangkan krisis mata wang baru-baru ini yang tidak menggalakkan rakyat Malaysia melancong ke luar negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa sekarang tiada rancangan untuk mengurangkan tambang domestik antara Semenanjung Malaysia dan Sabah. Namun demikian, Penerbangan Malaysia (MAS) ada menyediakan pelbagai jenis tambang istimewa untuk perjalanan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah seperti tambang group tiga orang dengan potongan sebanyak 50% tambangnya. Juga ada tambang night tourist dengan potongan sebanyak 30% dan tambang excursion dengan potongan sebanyak 21%.

Potongan harga tambang yang ditawarkan oleh Penerbangan Malaysia tersebut sememangnya bertujuan untuk menggalakkan sektor pelancongan dalam negara dan boleh digunakan oleh rakyat Malaysia yang ingin melawat antara Semenanjung dan Sabah.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk membenarkan syarikat-syarikat penerbangan selain daripada MAS dan Dragon Air untuk datang ke Sabah dan menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai the eastern gateway untuk ke negara Malaysia demi untuk menggalakkan kemasukan pelancong-pelancong daripada luar negeri dan seterusnya membangunkan negeri di sebelah Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sehingga pada hari ini pun kita lihat bahawa ada juga beberapa penerbangan daripada beberapa negara yang sememangnya mendarat di Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, untuk kita memberi pertimbangan mungkin lebih banyak penerbangan yang lain untuk mendarat, kita juga harus mengambil kira Penerbangan Malaysia (MAS) itu sendiri, di mana kita semua tahu bahawa MAS juga selain daripada dibenarkan untuk membuat route yang mendapat keuntungan, atas keperluan negara mereka juga terpaksa menjalankan penerbangan di route-route yang tidak mendatangkan manfaat tetapi perlu diadakan penerbangan ini bagi membantu pengangkutan di sektor-sektor yang demikian.

Oleh kerana itu, kita tidak boleh menerima permintaan daripada penerbangan lain kalau ianya menjejaskan keuntungan yang boleh diambil oleh MAS disabitkan kerana mereka terpaksa juga, dengan izin, cover kawasan-kawasan yang tidak mendatangkan keuntungan kepada syarikat itu. Jadi, sebab itu kita kena ambil kira juga sebagai subsidi kepada route yang tidak mendatangkan keuntungan, kerana dengan kita mengizinkan penerbangan lain melalui kawasan yang disebut oleh Yang Berhormat nanti, mungkin ia menjadi saingan dan kita kurang mendapat keuntungan dan sekali gus mungkin MAS akan terjejas dalam profit accountnya.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Kementerian Pengangkutan keuntungan itu diambil kira untuk perancangan penerbangan. Saya ingin bertanya untuk maksud yang demikian adakah kerajaan sebagai pemegang golden share untuk perkembangan MAS bercadang untuk membuat kerjasama dari banyak lagi dengan syarikat penerbangan yang lain untuk mengelakkan persaingan dan di samping itu pula untuk menawarkan tambang-tambang yang lebih murah ke Sabah dan juga untuk membuka ruangan Sabah lebih luas kepada perindustrian pelancongan?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa terbuka kepada tawaran-tawaran daripada mana-mana syarikat penerbangan yang mahu mengadakan kerjasama. Yang Berhormat sendiri pun sedia maklum bahawa kita ada kerjasama dengan Virgin Airways, dengan Thai International dan ini semuanya berhajat untuk membangunkan tourism, dengan izin, ke negara kita. Tetapi kita kena ingat juga bahawa selain daripada kita hendak mendapat keuntungan ini, kerjasama juga dilakukan atas faktor strategik. Sebagai contoh, macam dengan Virgin Airways, MAS hanya mendapat satu minggu beberapa kali sahaja hak untuk mendarat di London. Tetapi dengan adanya hubungan kerjasama strategik dengan Virgin Airways kita dapat menambahkan lagi penerbangan kita. Jadi, MAS sentiasa terbuka kepada tawaran yang boleh mendatangkan keuntungan kepada semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas) tidak hadir]

PLAZA TOL PEKAN NILAI, NEGERI SEMBILAN - KESESAKAN LALU LINTAS

9. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan rancangan untuk memperbaiki keadaan kesesakan lalu lintas di plaza tol pekan Nilai, Negeri Sembilan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari kesesakan lalu lintas yang berlaku di Plaza Tol Nilai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk membina sebuah persimpangan bertingkat baru yang terletak di lokasi ke utara sedikit dari Plaza Tol Nilai sekarang bagi mengatasi masalah kesesakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persimpangan bertingkat yang akan dibina ini merupakan sebahagian daripada skop projek naiktaraf Jalan B20, iaitu Eastern Access ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang sedang dibina. Mengikut perancangan pembinaan persimpangan bertingkat baru Nilai akan dimulakan pada pertengahan tahun ini dan akan disiapkan dalam tempoh 24 bulan.

Projek pembinaan ini mengandungi beberapa komponen dan akan dibiayai secara bersama oleh kerajaan dan beberapa pihak swasta seperti; Segment I - persimpangan bertingkat termasuk plaza tol oleh kerajaan, Segment II - Jalan dari persimpangan bertingkat sehingga ramp selepas Plaza Tol Negara Property Sdn. Bhd.; Segment III - dari ramp ke ramp di Taman Semarak oleh Sime Darby Land Berhad; Segment IV - ramp masuk Taman Semarak overpass sehingga viaduct Bulatan Bandar Baru Nilai (BBN), Bandar Baru Nilai Development Sdn. Bhd.

Pembahagian kos projek adalah seperti berikut:-

Segment I - RM46.21 juta oleh kerajaan, Segment II - RM8.10 juta oleh Negara Property, Segment III - RM25.4 juta oleh Sime Darby Land Berhad, dan Segment IV - RM9.2 juta oleh Bandar Baru Nilai. Jadi, jumlah kos projek ini ialah RM88.91 juta. Buat masa ini Jabatan Kerja Raya Cawangan Jalan sedang menyemak reka bentuk yang telah dikemukakan oleh Kontraktor Binapuri Khazanah.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membuat perancangan untuk memperbaiki masalah yang dihadapi kerana kesesakan lalu lintas di kawasan itu. Soalan tambahan ialah saya difahamkan KLIA akan mula beroperasi pada pertengahan tahun ini. Jadi, apabila KLIA ini beroperasi, maka bilangan kenderaan melalui kawasan itu akan bertambah.

Jadi, apa rancangan short-term solution, dengan izin, untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini sudah dapat diselesaikan dalam projek yang kita telah siap, iaitu The Shah Alam Expressway dan juga satu lagi jalan yang kita ada persimpangan bertingkat di Nilai ke KLIA, daripada KLIA ke Kuala Lumpur dan Subang telah diselesaikan. Projek-projek yang saya sebut tadi, iaitu projek untuk mengatasi masalah lalu lintas yang dicadang untuk masuk ke Bandar Baru Nilai. Jadi, projek ini tidak ada apa-apa masalah. Saya percaya projek yang telah siap itu sedang digunakan oleh beberapa pihak untuk ke arah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.

SYARIKAT INSURANS - TEMPOH BAYARAN PAMPASAN

10. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bayaran pampasan oleh syarikat insurans memakan masa yang lama dan nyatakan jumlah pampasan (property, personal injuries and others) yang dibayar oleh setiap syarikat insurans bagi tahun 1995, 1996, 1997 dan 1998 dan juga menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk jangka masa pendek dan panjang untuk memastikan syarikat insurans lain tidak akan digolongkan seperti apa yang terjadi kepada Mercantile Insurance.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, siasatan yang perlu dijalankan ke atas tuntutan-tuntutan insurans yang dikemukakan menyebabkan penanggung insurans memakan masa untuk membuat bayaran. Penanggung-penanggung insurans telah dimaklumkan supaya tidak melengahkan pembayaran tuntutan tanpa sebab-sebab yang munasabah. Bank Negara Malaysia telah pun mengambil langkah-langkah wajar untuk menangani masalah kelambatan menjelaskan tuntutan khususnya bagi insurans motor dengan memperkenalkan garis panduan mengenai amalan penyelesaian tuntutan.

Industri insurans sendiri prihatin dengan masalah yang dihadapi dan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Petugas Motor untuk menangani masalah insurans motor. Dengan adanya kerjasama daripada semua pihak terutama sekali pemunya polisi yang mengemukakan maklumat lengkap kepada penanggung insurans semasa membuat tuntutan serta perkhidmatan yang lebih profesional daripada ejen, adjuster dan bengkel membaiki kenderaan, masalah kelewatan membayar tuntutan akan dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pampasan yang telah dibayar oleh penanggung-penanggung insurans bagi tuntutan-tuntutan iaitu harta benda, kecederaan diri dan lain-lain adalah sebanyak RM2,123.4 juta dalam tahun 1995, RM2,752.8 juta dalam tahun 1996, dan RM3,248.9 juta dalam tahun 1997. Jumlah bagi bayaran tuntutan dalam tahun 1998 belum diperolehi.

Bank Negara Malaysia telah mengambil pelbagai langkah jangka pendek dan jangka panjang semenjak tahun 1988 lagi untuk memperkukuhkan industri insurans dari segi struktur dan operasi menerusi garis panduan dan perundangan insurans. Setelah kajian semula menyeluruh dibuat, Akta Insurans 1963 telah pun digantikan oleh Akta Insurans 1996 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 1997 yang bertujuan memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan syarikat-syarikat insurans. Keperluan modal berbayar dan margin kesolvenan yang lebih ketat serta mempelbagaikan dan mengadakan aset yang kukuh untuk menyokong margin kesolvenan dan liability kumpulan wang insurans dikenalkan. Syarikat-syarikat insurans diwajibkan untuk memberitahu Bank Negara Malaysia apabila masalah kewangan dikesan serta mengemukakan rancangan untuk membaiki kedudukan itu.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini kerajaan menggalakkan penggabungan atau merger, dengan izin, di antara syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri yang sama seperti industri perbankan. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan

Menteri adakah kerajaan juga mempunyai rancangan sedemikian terhadap industri insurans, dan jika ada bila ianya hendak dilaksanakan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum memang kerajaan menggalakkan pada keseluruhannya merger atau percantuman syarikat-syarikat di dalam industri kewangan. Setakat ini kerajaan menetapkan tarikh (dateline) hanya kepada syarikat-syarikat kewangan (finance companies) sahaja, manakala kepada bank-bank, syarikat-syarikat insurans digalakkan ataupun diseru tidak lagi dikenakan apa-apa kepastian ataupun tidak dikenakan paksaan. Kita hanya menyeru untuk mereka bercantum.

Seperti mana yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, percantuman adalah baik untuk memastikan bahawa kos operasi kurang, kos wang yang dipinjam itu kurang dan akhirnya keseluruhan syarikat-syarikat dalam sektor kewangan dapat bersaing dengan syarikat-syarikat besar yang dibolehkan memasuki ke dalam pasaran kita apabila kita mengimplimentasikan perjanjian kita di dalam GATTs.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri, saya setuju bahawa pampasan bayaran dilambatkan oleh sebab adjuster-adjuster atau report-report yang tidak dikemukakan kepada pihak insurans. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa selepas kes-kes ini telah pun diselesaikan di mahkamah, hingga enam bulan, tujuh bulan, pampasan tidak dibayar oleh syarikat-syarikat insurans tersebut. Jadi, dalam keadaan ini apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa bayaran dibuat katakana dalam satu bulan atau selepas itu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah itu berlaku ternyata sekali bahawa syarikat-syarikat insurans ini telah pun melanggar kehendak-kehendak asas, iaitu yang penting sekali melanggar

perintah mahkamah. Yang Berhormat sedia maklum apabila sesiapa yang melanggar perintah mahkamah mestilah dihukum. Jikalau Yang Berhormat ada maklumat kes-kes yang tertentu silalah lapor kepada Ketua Pengarah Insurans, iaitu Gabenor Bank Negara dan pasti ianya akan diambil tindakan, kerana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita ada satu garis panduan yang cukup tebal di dalam memastikan bahawa pengguna-pengguna insurans di negara kita ini diberi perkhidmatan yang cukup memuaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau.

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

[Soalan No. 13 - Y.B. Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) tidak hadir]

SKIM PPRT KEPADA JIMI IHING - PEMBATALAN BANTUAN PERUMAHAN

14. **Tuan Henrynus Amin (Kinabalu)** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengapakah bantuan perumahan di bawah Skim PPRT kepada Jimi Ihing dari Kampung Bitoon, Ranau, Sabah dibatalkan hanya kerana alasan mereka ahli parti pembangkang dan adakah kementerian hanya meluluskan bantuan programp PPRT kepada mereka yang telah mengisi borang UMNO atau mana-mana parti komponen BN di negeri Sabah dan mereka yang menjadi ahli parti pembangkang secara automatik tidak layak dan diwajibkan membuat surat penolakan bantuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mengamalkan dasar diskriminasi dalam pemberian bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Pemberian bantuan tidak dibuat berasaskan kefahaman politik, agama, keturunan, penerima, tetapi berasaskan kepada kelayakan yang berpandukan maklumat sahih dalam daftar profile keluarga termiskin.

Soalan Yang Berhormat adalah satu soalan bermotif politik, semata-mata mencari isu untuk menghasut rakyat Sabah supaya membenci Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya membawa perubahan dan kemajuan ke negeri Sabah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Douglas Uggah Embas: Tunggulah! *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Jimi Ihing dari Kampung Bitoon, Ranau, perlu dijelaskan bahawa beliau pada asalnya tersenarai sebagai penerima bantuan di bawah Program Pemulihan Rumah. Walau bagaimanapun, beliau sendiri telah mengemukakan surat - kami ada surat di sini, kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, menolak bantuan daripada Kerajaan Barisan Nasional di atas alasan beliau adalah merupakan anggota parti pembangkang di Sabah.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, saya gembiralah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada surat itu dan sebagai pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, dalam surat itu saudara Jimi Ihing telah diminta oleh pegawai di Ranau yang bertanggungjawab terhadap PPRT ini untuk memilih sama ada mahu menerima projek ini ataupun isi borang UMNO dan ada surat di hadapan di sana penolakan, dia bilang: "Saya menolak projek perumahan ini kerana saya ahli PBS,." di mana lojiknya? Dan beliau tidak mahu masuk UMNO dan telah tandatangan surat penolakan itu dan dihantar kepada, bukan beliau yang hantar, ini pegawai yang hantar ke pejabat PPRT.

Beberapa Ahli: Soalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan?

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah

Seorang Ahli: Soalan bah!

Tuan Henrynus Amin: Sabarlah!

Seorang Ahli: Mana boleh sabar, sabar, buang masa ini!

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, kita tidak bermotif politik, ini untuk kepentingan rakyat, rakyat yang telah mengadu kepada kita, jadi kita mahu tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kementerian beliau bersedia untuk mempertimbangkan semula permohonan saudara Jimi Ihing mengembalikan hak beliau dan menyiasat pegawai yang bertanggungjawab untuk menghasut beliau menolak

Seorang Ahli: ‘Syusyahlah’ macam ini!

Tuan Henrynus Amin: projek yang telah diberikan kepadanya terlebih awal.

Seorang Ahli: Tidak betul bah itu!

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya harap Yang Berhormat membaca surat dari saudara Jimi Ihing ini dengan teliti bahawa tidak perlu membuat tuduhan melulu seperti yang telah dibuat petang ini.

Untuk makluman Dewan saya ingin baca di sini, surat ini dialamatkan kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah yang memohon pembatalan kelulusan pembinaan rumah PPRT. “Merujuk kepada perkara di atas, saya Jimi Ihing”, ada nombor kad pengenalan, saya harap ini bukan kad pengenalan palsu [*Ketawa*] “beralamat di Kampung Bitun Ranau, dengan ini memaklumkan bahawa saya masih lagi ahli PBS dan memegang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Cawangan PBS.

Justeru itu, saya dengan ini memohon pembatalan kelulusan rumah PPRT yang diberi kepada saya”.

Seorang Ahli: Sendiri minta!

Tuan Douglas Uggah Embas: Dia sendiri yang minta. *[Ketawa]* Dan tidak ada tuduhan bahawa dia

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu ...

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Tuaran, apa kacau-kacau?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Henrynus Amin: *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang: Point of order!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kinabalu.

Tuan Henrynus Amin: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh bawa kes yang sama dalam peringkat perbahasan, tetapi sekarang ini bukan masanya untuk berbahas.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Seorang Ahli: ‘Syuaran’, duduk! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuaran, duduk dahulu! *[Ketawa]* Nanti dahulu!

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuaran bukan Speaker, dia tidak boleh arah saya duduk. *[Ketawa]* Kalau tidak tahu Peraturan Mesyuarat, minta pergi belajar sekali lagi. *[Ketawa]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah kaji perkara ini dan sememangnya Encik Jimi Ihing ini adalah dalam senarai PPRT negeri Sabah.

Jadi, kalau beliau masih layak dan masih ingin hendak bantuan memang kita akan terus pertimbangkan tetapi kita hendak berhati-hati kerana kita tidak hendak selepas kita memberi projek kepada beliau nanti, beliau tolak balik dan bawa jadi isu politik dalam Dewan ini kali yang kedua.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan.

Seorang Ahli: Apa kacau-kacau?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jangan main-main, ini perkara yang penting! *[Ketawa][Tepuk]*

Seorang Ahli: Ini orang ‘syusyah punya’!

Tuan Yunof Edward Maringking: Boleh kita bawa kepada perhatian peringkat international court, kalau mahu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib!

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah berapa orangkah yang telah menolak seperti ini yang diterima oleh pihak kementerian dan adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sanggup untuk mengutarakan perkara ini kepada perhatian International Human Rights, dengan izin.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya begitu sedih melihat Ahli Dewan Rakyat sendiri tidak percaya kepada kita sendiri dan memerlu mencari peluang di forum yang lain, saya tidak tahu mengapa beliau duduk di dalam Dewan ini pada hari ini. Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, inilah satu penolakan yang diterima oleh kementerian.

**GERAKAN DESA WAWASAN -
BANTUAN KEMENTERIAN**

15. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah rancangan kementerian seterusnya untuk membantu kampung-kampung yang telah dipilih sebagai Kampung Desa Wawasan. Sejauh manakah langkah-langkah telah diambil supaya penglibatan dan kerjasama jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pertanian, Perikanan dan agensi-agensi lain digembleng dalam memajukan sesebuah Kampung Desa Wawasan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat program Gerakan Desa Wawasan ialah ke arah membangkitkan kesedaran dan pembangunan sikap penduduk desa yang membawa perubahan dan pembangunan yang lebih pesat di kawasan luar bandar. Justeru itu kementerian ini dengan kerjasama erat dari kerajaan-kerajaan negeri dan semua pihak yang terlibat dengan pembangunan luar bandar akan terus memberi penekanan kepada usaha-usaha menggembeng tenaga daya usaha serta penglibatan penduduk desa ini sendiri dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan di kampung-kampung yang telah dipilih untuk dimajukan di bawah program ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian akan terus menggunakan mekanisme penyelarasan pelaksanaan yang sedia ada iaitu Jawatankuasa Pembangunan Daerah untuk peringkat daerah, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negeri di peringkat negeri dan di peringkat pusat pula, Jawatankuasa Kerja GDW di peringkat kementerian telah ditubuh bagi menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan GDW ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucap syabas kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar atas perancangan untuk menubuhkan seberapa banyak Kampung Gerakan Desa Wawasan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sejauh manakah pengerusi dan barisan jawatankuasa GDW di kampung-kampung memahami dan juga maklum dengan tugas dan tanggungjawab mereka kerana terdapat di kalangan Gerakan

Desa Wawasan kampung-kampung yang telah dikenal pasti masih belum membuat mesyuarat pun apatah lagi dilancarkan.

Jadi, saya ingin tahu di samping tugas sebagai pengurus Gerakan Desa Wawasan bagi penyelia-penyelia KEMAS, adakah pengerusi-pengerusi JKK dan barisan jawatankuasanya diberikan latihan yang secukup-cukupnya untuk GDW ini dapat digerakkan memenuhi citarasa kementerian, maju, menarik dan menguntungkan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar pelbagai masalah yang telah dihadapi oleh JKKK di peringkat kampung dalam pelaksanaan program ini. Oleh itu, kita telah membuat kajian dan kita telah mendapati bahawa hampir 30% dari kampung-kampung yang telah disenaraikan sebagai kampung GDW ini belum bergerak begitu cekap, malah ada juga yang belum bergerak sama sekali.

Atas kesedaran ini, maka kementerian akan terus mengadakan pelbagai kursus untuk melatih penggerak-penggerak GDW ini dan kemudian untuk melatih JKKK supaya mereka ini memahami hasrat dan tujuan program ini sebenarnya. Kebetulan Yang Berhormat Menteri telah membuat arahan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya sendiri akan turun ke kampung-kampung ini mulai bulan depan dan diharap akan dapat untuk melihat dengan sendiri apakah masalah yang dihadapi kerana kementerian yakin bahawa kalau program ini betul-betul dapat dijalankan ianya akan menguntungkan masyarakat di luar bandar.

Untuk makluman Dewan ini juga, kita telah membelanjakan hampir RM15 juta untuk program ini untuk mengadakan kursus dan untuk mengadakan projek-projek pembangunan di kampung-kampung GDW di seluruh negara.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berhubung

dengan program GDW ini. Berapa buah negerikah telah melaksanakan terutama sekali pada tahun lepas dan adakah negeri yang tidak melaksanakan langsung program GDW ini di peringkat negeri masing-masing dan negeri manakah yang tidak mengendalikan program ini dan kenapa dan apakah tindakan kementerian supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tidak ada negeri yang tidak menjalankan program ataupun tidak memilih kampung di dalam program GDW ini, cuma yang kita dapati ada beberapa negeri dan beberapa kampung yang belum dapat mengemukakan pelan tindakan kemajuan kampung masing-masing. Oleh yang demikian, atas kegagalan itu, maka peruntukan tidak sampai kepada mereka, ini kita cuba dari masa ke semasa mencari jalan untuk mengatasinya supaya apa-apa peruntukan yang diperuntukkan untuk kampung ini akan sampai kepada peringkat kampung dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat di situ.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 16 bukan soalan international tetapi soalan nasional. *[Ketawa]* Terima kasih. Soalan nombor 16.

**INDAH WATER KONSORTIUM -
HASIL PUNGUTAN DAN JUMLAH PEMBINAAN
TREATMENT PLANT**

16. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) berapa hasil yang telah dipungut oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) mengikut setiap negeri; dan
- (b) berapa 'Treatment Plant' telah dibina oleh IWK di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah hasil yang dipungut oleh IWK sejak tarif baru dikuatkuasakan dari Januari 1997 hingga Februari 1998 mengikut setiap negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Jumlah [RM]
Wilayah Persekutuan	22.9 juta
Selangor	9.2 juta
Pulau Pinang	9.4 juta
Perak	2.1 juta
Negeri Sembilan	1 juta
Johor	1.5 juta
Melaka	800,000
Kedah	600,000
Pahang	500,000
Labuan	800,000
Terengganu	100,000
Perlis	70,000

Peratus keseluruhannya ialah 27.8% sahaja daripada bil-bil yang dikeluarkan.

- (b) Jumlah treatment plant, dengan izin, termasuk rangkaian sistem pembetulan yang telah dibina oleh IWK di seluruh negara sehingga Februari 1998 adalah sebanyak 19 buah yang bernilai jumlahnya ialah RM110,437,089.38.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memberikan soalan tambahan. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan cara IWK yang mana di tempat-tempat yang mereka membuang enapcemar ke dalam oxidation pond yang kedua di taman-taman perumahan yang mana saiz oxidation pond itu memang dibina mengikut bilangan rumah-rumah di projek perumahan itu dengan menambahkan enapcemar dari tempat lain yang dibuang oleh IWK adakah ini menjejaskan biological action, dengan izin, terhadap

oxidation pond dan effluent terutama kualiti BOD akan terjejas. bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan tentang sama ada ini adalah cara yang betul untuk pihak IWK buat atau pihak IWK patut mengadakan tempat yang khas untuk menanam enapcemar seperti dapat kerjasama dari pihak kerajaan negeri dapat mengadakan trenching ground yang di luar daripada rumah kediaman supaya ini tidak akan menjejaskan kegunaan oxidation pond yang sedia ada.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama itu, memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, jikalau pihak IWK telah menggunakan cara yang tidak betul iaitu overload, dengan izin, sesuatu loji memang cara itu tidak dibenarkan kerana itu akan menjejaskan kualiti air yang dikeluarkan daripada loji itu.

Kalau ada sesuatu perbuatan begitu, saya mintalah Yang Berhormat memberikan maklumat yang terperinci, kita akan siasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai trenching ground ini, memang ini satu cadangan yang baik dan ini jugalah satu cara yang kita minta pihak IWK mengikuti supaya tidak meng'overload'kan, dengan izin, sesuatu loji jikalau loji yang baru itu belum siap.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, dari pungutan tadi menunjukkan bahawa 72.2% dari bil yang dikeluarkan tidak dibayar. Adakah pihak IWK sedar ataupun peka dengan masalah yang dirungut oleh rakyat melalui wakil-wakil rakyat terutama Ahli-ahli Parlimen dan adakah pihak IWK bersedia untuk respond dengan masalah-masalah yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat di Dewan ini dan 72.2% yang terhutang itu bukanlah merupakan pengaruh daripada wakil-wakil rakyat terutama di Dewan Rakyat untuk mempengaruhi pengguna supaya tidak membayar bil. Terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pihak IWK sedar perkara ini menjadi satu situasi yang mereka tidak ingini iaitu mereka harap semua bil yang dikeluarkan boleh dijelaskan, tetapi apa boleh buat, hanya 27.8% itu telah dibayar. Oleh sebab itu maka pihak IWK sedang menjalankan pelbagai cara seperti mengadakan perbualan dengan pihak-pihak yang berkenaan terutamanya pertubuhan-pertubuhan penduduk dan lain-lain pihak supaya maklumat yang terperinci boleh disampaikan kepada pelanggannya. Mereka membuat rayuan kepada rakyat jelata supaya bil-bil mereka boleh dijelaskan oleh semua. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu sama ada pihak IWK akan menggunakan cara yang lebih berkesan supaya bil-bil ini dapat dibayar. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak IWK masih berbincang dengan pihak-pihak kerajaan untuk mendapatkan satu kadar yang boleh diterima oleh semua dan kita haraplah satu kadar baru boleh dikemukakan tidak berapa lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw.

[Soalan No. 17 - Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] tidak hadir]

**TANAH WAKAF DAN TANAH PERKUBURAN ISLAM -
MAKLUMAT PERANGKAAAN**

18. **Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Perdana Menteri menyatakan maklumat perangkaan tanah wakaf dan tanah perkuburan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar besar di seluruh negara. Sila nyatakan juga perkuburan yang terpaksa dipindahkan akibat projek-projek tertentu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, maklumat perangkaan tanah wakaf dan tanah perkuburan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu tanah wakaf sebanyak 23 hak milik dengan keluasan 1,077,599 kaki persegi. Tanah perkuburan Islam sebanyak 36 lot dengan keluasan 12,664,441 kaki

persegi. Mengikut rekod jabatan ataupun bahagian ini tidak terdapat tanah perkuburan yang terpaksa dipindahkan akibat projek-projek tertentu.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu antara projek-projek tersebut ini berapakah adalah projek untuk tujuan perkhidmatan awam dan berapakah untuk projek komersial dan projek kondominium.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sudah jawab - tidak ada, betul ya Yang Berhormat?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, tanah wakaf?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya. Ataupun Yang Berhormat hendak jawab?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tanah perkuburan yang tidak ada projek pembangunan, tanah wakaf ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tanah wakaf memang kita ada buat perumahan, kedai dan juga tanah wakaf khas misalannya untuk masjid dikekalkan untuk masjid, tetapi kalau tanah wakaf itu tanah wakaf am selalunya pihak jawatankuasa tertentu akan memutuskan apakah projek-projek yang memberi faedah kepada kita akan dibuat pembangunan di antaranya seperti yang saya sebutkan tadi, seperti rumah dan juga rumah-rumah kedai. Terima kasih.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin tahu buat masa ini terutamanya dalam tanah-tanah wakaf am yang untuk kebajikan yang diwakafkan oleh simati menjadikan tanahnya tanah wakaf, terdapat percanggahan mengenai kedudukan fatwa sama ada kes ini tanah wakaf ini boleh dimajukan untuk pembangunan ataupun tidak.

Adakah pihak kementerian ataupun JAKIM membuat penyelarasan di semua negeri supaya dapat mencari kata sepakat mengenai kedudukan tanah wakaf ini dan seterusnya mengeluarkan fatwa bagi membangunkan untuk kebajikan sama ada umat Islam seluruhnya ataupun untuk kebajikan pemberi wakaf ataupun beneficiaries ahli-ahli waris mereka?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya negeri-negeri telah membangunkan tanah wakaf ini kalau sekiranya wakaf am. Jadi, yang menjadi masalah sedikit mungkin wakaf khas tetapi kalau wakaf am keseluruhannya negeri-negeri telah banyak membangun bukan sahaja di Wilayah Persekutuan, di negeri lain seperti Selangor, Pulau Pinang dan sebagainya wakaf am adalah dibuat pembangunan sebagaimana yang saya nyatakan tadi untuk faedah bagi yang disesuaikan dikehendaki oleh Islam itu sendiri.

BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN - JUMLAH KEMUDAHAN KREDIT

19. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah nilai kemudahan kredit daripada bank dan institusi kewangan yang diluluskan sejak September 1997 hingga Februari 1998 berbanding dengan tempoh enam bulan sebelumnya. Apakah sektor perusahaan atau jenis pinjaman yang boleh dipertimbangkan oleh bank dan institusi kewangan tempatan yang dianggap sesuai dalam tempoh kegawatan ekonomi sekarang.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh September 1997 sehingga Februari 1998 sebanyak RM66.9 bilion pinjaman telah diluluskan daripada bank dan institusi kewangan berbanding dengan RM128.3 bilion bagi tempoh enam bulan sebelumnya.

Bank Negara Malaysia tidak mengeluarkan garis panduan mengenai pinjaman kepada sektor produktif dan bukan produktif. Sejajar dengan kegawatan ekonomi pada masa ini, institusi perbankan disaran menye-derhanakan kadar pertumbuhan pinjaman mereka kepada paras yang lebih

mampai dan institusi perbankan telah dinasihatkan agar memberi keutamaan kepada sektor yang lebih produktif seperti aktiviti pengeluaran yang berasaskan eksport, perusahaan kecil dan sederhana dan aktiviti yang boleh menyumbang kepada pertambahan pendapatan eksport negara dan mengurangkan import dan memberi prioriti yang rendah kepada sektor harta benda dan pasaran saham melainkan pinjaman untuk rumah di bawah RM150,000.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan meluluskan pinjaman adalah bergantung kepada penilaian kredit yang dilaksanakan ke atas peminjam dan kapasiti institusi perbankan itu sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyatakan apakah jumlah pertumbuhan kredit sekarang yang boleh dicapai dan bolehkah Yang Berhormat menyatakan daripada jumlah ini berapa peratus disebabkan oleh pembelian saham kerana kalau kita ikut angka-angka yang ditunjukkan oleh Bank Negara, ia tidak menunjukkan pinjaman untuk pembelian atau perdagangan saham dengan tepatnya kerana hanya kepada individu sahaja tetapi tidak termasuk yang dibuat oleh bank-bank dan juga syarikat-syarikat saham sekuriti.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan ini sama ada pertumbuhan kredit ini akan dijejaskan oleh penggabungan di antara bank-bank seperti yang diumumkan dan kedudukan tentang pembelian Sime Bank oleh RHB, apakah kedudukan terkini sekarang?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, satu daripada cara untuk kita menangani kegawatan ekonomi sekarang ini ialah menangani pertumbuhan kredit iaitu kalau dahulu 25% ke atas, sekarang kita cuba menurunkannya kepada 15% dan pada masa ini untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat kita telah

mencapai 23% pertumbuhan kredit iaitu insya-Allah, pada hujung tahun ini kita mungkin mencapai paras di bawah 20%.

Jadi, di dalam pemberian kredit yang kita memberi garis panduan setakat ini ialah supaya kredit yang digunakan untuk pembelian ekuiti iaitu khususnya di dalam pasaran saham tidak melebihi 15% dan 15% tadi Yang Berhormat kata angka 15% hanya merupakan angka-angka daripada peminjam saham individu, sebenarnya ialah angka daripada keseluruhan pinjaman untuk membeli ekuiti dan ini mestilah dipatuhi oleh seluruh bank dan syarikat-syarikat kwanan.

Mengenai dengan kedudukan RHB di dalam mengambil alih ataupun bercantum mengambil alih Sime Bank pada masa ini masih lagi di dalam proses perundingan khususnya di dalam bidang-bidang bagaimana hendak mendapatkan kewangan. Jadi, mendapatkan kewangan bukannya daripada KWSP. KWSP tidak ada interest langsung di dalam hal ini, hanya KWSP mempunyai kepentingan melalui ekuiti KWSP di dalam Sime Darby. KWSP mempunyai ekuiti di dalam Sime Darby sebanyak 5.9%, jadi kalau ada kaitan KWSP dengan Sime Darby ialah disebabkan oleh pemegangan KWSP di dalam Sime Darby yang akan terlibat di dalam hal ini.

Jadi, ingin saya nyatakan di sini, Ahli Yang Berhormat cuba hendak korek saya mengenai dengan penglibatan KWSP. *[Ketawa]* KWSP membeli saham di dalam RHB, di dalam Sime Darby dan di dalam mana-mana pun mengikut kriteria-kriteria pembelian saham yang dilakukan oleh mana-mana pengurus dana dan ianya membeli pada masa yang harganya rendah dan menjual pada harga yang tinggi untuk mengambil keuntungan dan juga menyelaraskan kos pembelian saham.

Kalau saya pengurus dana sekarang ini, saya akan membeli kebanyakan saham-saham yang ada di dalam KLSE dan KWSP membeli saham di dalam 300 kaunter daripada 700 kaunter yang ada di dalam KLSE sepertimana yang

saya jawab awal tadi, Yang Berhormat belum masuk lagi ke dalam Dewan, 19% daripada dana KWSP digunakan untuk membeli ekuiti dan saham di dalam pasaran saham.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan klasifikasi NPL daripada enam bulan kepada tiga bulan telah menjadi penerimaan ramai bahawa perkara ini telah menekan yang lebih teruk kepada sumber kredit.

Soalan saya ialah adakah Bank Negara Malaysia mempunyai perancangan mengubah kembali klasifikasi NPL dalam tempoh enam bulan? Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak, kerana satu daripada asas tunjang di dalam memulihkan keadaan ekonomi kita sekarang ini ialah memperkemas dan memperkukuhkan sistem perbankan.

Satu cara yang baik di dalam memperkukuhkan sistem perbankan ialah mengenakan cara-cara ataupun keanan-keanan yang lebih kuat iaitu dengan kita menurunkan NPL daripada 6 bulan kepada 3 bulan adalah satu cara untuk memastikan bahawa pemberian kredit adalah dibuat secara berhemat dan juga penggunaan kredit adalah dibuat secara berhemat, maka kita akan mencapai tahap prudence di dalam sistem perbankan kita dan justeru itu kita harap ekonomi kita akan dipulihkan di atas asas yang kukuh ini.

AKTA KESIHATAN MENTAL - MEWUJUDKAN

20. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Akta Kesihatan Mental (Mental Health Act) akan diwujudkan untuk menyeragamkan semua undang-undang yang berkaitan dengan kesihatan mental.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang Di-Pertua, Rang Undang-Undang Kesihatan Mental

adalah dalam peringkat akhir penggubalan dan Rang Undang-undang tersebut akan dibentangkan apabila kelulusan pihak-pihak yang berkenaan diperolehi kelak.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam penggubalan Akta Mental ini, adakah akan dimasukkan supaya orang-orang yang sakit mental ini, yang dikenal sebagai orang gila ini, banyak berkeliaran di bandar-bandar, kadang-kadang separuh bogel, kadang-kadang bogel, kadang-kadang bawa senjata tetapi tidak sesiapa tangkap sebab dia kata belum pukul orang lagi. Polis kata tidak pukul sesiapa lagi, tidak ada sesiapa mati, tetapi kalau kawan yang kena itu rugi sebab dia gila. Jadi, saya ingin tahu sama ada perkara ini akan dimasukkan ke dalam akta itu supaya semua yang berkeliaran, apabila didapati mental akan ditangkap dan diubati. Sekarang ini kita dapati – macam orang yang mental ini tidak ada hospital dan tidak ada doktor hendak mengubat mereka.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu rang undang-undang ini mengambil masa yang begitu lama untuk diselesaikan penggubalannya dan apa yang Yang Berhormat beritahu tadi akan diambil kiralah.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri seperti yang sedia maklum, teleperubatan ianya salah satu aplikasi untuk Koridor Raya Multimedia. Dalam Akta Kesihatan Mental yang akan diwujudkan, adakah aspek-aspek berkenaan amalan teleperubatan diambil kira?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Mental baru ini, aspek-aspek baru seperti teleperubatan akan juga diambil kira.

DASAR PERTANIAN NEGARA –MENGGUBAL SEMULA

21. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kerajaan bercadang melancar semula Dasar Pertanian Negara untuk mengambil alih Dasar Perindustrian Negara yang menyebabkan kegawatan ekonomi masa kini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang Di-Pertua, Kementerian Pertanian memang sedang menggubal semula Dasar Pertanian Negara (DPN) untuk mengambil kira perubahan struktur ekonomi negara dan cabaran-cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan antarabangsa. Secara kebetulan semasa penggubalan semula ini dibuat Malaysia seperti negara-negara ASEAN dan juga Asia yang lain menghadapi kejutan kegawatan ekonomi semenjak separuh akhir tahun 1997.

Justeru itu, DPN telah mengambil kira perkembangan terbaru ini termasuk kesan kejatuhan nilai Ringgit jika dibandingkan dengan Dolar Amerika dan kemelesetan ekonomi keseluruhannya. Oleh itu adalah tidak wajar mengatakan bahawa Dasar Pertanian Negara akan mengambil alih Dasar Perindustrian Negara. Sebenarnya Dasar Pertanian Negara yang baru ini adalah pelengkap (complement) kepada Dasar Perindustrian Negara dan akan memperkukuhkan lagi pertanian dan mempertingkatkan sumbangan kepada ekonomi negara terutama untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 sepertimana termaktub di dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah cukup untuk sesi Soal Jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 3, 4, 6, 8, 11, 12, 13, 17 dan 22 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1997) 1998

**DAN
USUL**

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 1997

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa]*

Maksud B.26 dan B.27 [Jadual] –

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Libaran diminta sambung.

3.35 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya berdiri memohon untuk menyambung perbahasan saya bagi Maksud B.26, Butiran/Projek 00102, 00201, 03500 dan 04200.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan warga Kementerian Pendidikan atas pencapaian cemerlang keputusan UPSR, SPM dan STPM baru-baru ini. Saya juga menyokong keputusan Yang Berhormat Menteri tentang pertukaran Ketua Pengarah Pendidikan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Saya yakin proses ini tidak ada kaitan langsung dengan isu kenegerian dan isu antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Sarawak. Ini adalah keputusan pengurusan pentadbiran. Saya

berharap perkara ini tidak dipanjang-panjangkan dan saya yakin dengan kewibawaan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Kenapa lambat sangat Tuan Pengerusi. Terima kasih, Libaran. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Libaran kerana kita tengok prestasi Menteri Pendidikan ini cukup baik dan boleh dikatakan setiap tahun kita dapat melihat pelajar-pelajar kita mendapat keputusan begitu cemerlang. Jadi, saya juga terkilan persatuan-persatuan guru ini masuk campur fasal pentadbiran ini. Dia jaga guru bagi elok-elok sudahlah, jadi yang ini biar kementerian yang uruskan. Jadi, tidak payahlah kita politikkan kementerian itu hinggakan ia akan merosakkan taraf pendidikan negeri ini. Yang Berhormat bersetuju atau tidak? Terima kasih.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Saya bersetujulah Yang Berhormat dengan pandangan Yang Berhormat, terima kasihlah. Saya ingin membangkitkan soal pendidikan, perguruan dan pelajar di Sabah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin WanMahmood: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Insafilah di Sabah masih ramai anak-anak yang tidak bersekolah.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ada dua orang peminat ini.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Rompin.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, bagi Rompin ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin WanMahmood: Rompin tanya buat apa ya, sesama sendiri.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Libaran beri kepada Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang ini sibuk tahu tentang pendidikan macam mana, yang tahu tentang PAS sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 'Tie' pun 'psychedelic' hari ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini asyik tukar arah sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Duduklah, dia beri saya, Yang Berhormat Tumpat ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Macam tidak ada kerja lain sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau tidak tahu peraturan, saya akan beri ceramah tentang Peraturan Parlimen.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 'Tie' baru.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Saya minta penjelasan sedikit daripada Libaran. Bila tokoh yang dikatakan tadi dilantik sebagai ketua pengarah, adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Federal memberikan penghormatan kepada Sarawak – memberikan penghormatan kepada orang Sarawak kerana dengan perlantikan itu membuktikan juga bahawa orang Sarawak juga boleh. Sebab itulah perlantikan itu dibuat pada peringkat awalnya. Ini patut diambil kira oleh rakyat Sarawak bahawa Kerajaan Persekutuan memberi penghormatan kepada Sarawak apabila beliau dilantik menjadi ketua pengarah. Saya minta sedikit penjelasan daripada Libaran – orang-orang tertentu lupa tentang perkara ini. Macam Sabah itu, dia hendak main sahaja isu ini sebab pilihan raya. Itu yang di sebelah sana itu. *[Pembangking]* Ini orang Sabah jangan campur, ini masalah kita dengan orang Sarawak.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Saya bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat. Memang Kerajaan Federal ini adil dalam soal

perlantikan. Saya tidak nampak apa-apa masalah yang timbul dalam hal ini, cuma yang penting kita berilah kepercayaan kepada kepimpinan negara.

Tuan Henrynus Amin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kinabalu bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Ketawa]* Masa tidak cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Isu Sarawak ini.....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, saya minta maaf, masa tidak cukup. *[Ketawa]*

Tuan Henrynus Amin: Tanya sedikit sahajalah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat tidak beri jalan, teruskan.

Tuan Henrynus Amin: Saya dicabar oleh.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Beri, beri.

Seorang Ahli: Alah, berilah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan tawar menawar ya, Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Saya hendak cerita masalah pendidikan Sabah, Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat tanyalah.

Insaf, di Sabah masih ramai anak-anak yang tidak bersekolah. Kawasan pedalaman menyekat mereka daripada menimba ilmu. Kota Merudu misalnya yang terletak kira-kira 8 jam perjalanan daripada Kota Kinabalu, anak-anak membesar tanpa tahu dunia luar. Di Pulau Banggi pun ada sekolah tetapi tidak ada guru dan diharap kementerian memberi perhatian serius dan priority di dalam hal ini. Di pedalaman Sabah, sekolah uzur, tidak ada bekalan air dan elektrik. Saya berharap Kerajaan Persekutuan melaksanakan satu

reformasi pendidikan di Sabah, peruntukan satu dana membina sekolah yang mencukupi, menyediakan guru-guru yang secukupnya, melengkapkan darjah dengan kemudahan pembelajaran, mendedahkan mereka dengan komputer dan maklumat luar.

Saya berharap reformasi pendidikan ini akan merubah nasib anak-anak di luar bandar dan kawasan pedalaman. Sempurnakan hak mereka untuk menimba ilmu demi menceriakan peluang dan suasana hidup yang lebih terjamin pada zaman teknologi sekarang. Saya juga berharap pembinaan Universiti Malaysia Sabah akan dipercepatkan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Ini adalah simbol pembangunan pendidikan di Sabah tetapi apakah benar ura-ura kononnya peruntukan membina universiti ini akan dipotong. Saya harap.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit sahaja.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:ia tidak berlaku.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata ada penubuhan Universiti Malaysia di Sabah. Kelulusan ini dibuat semasa di bawah Kerajaan Barisan Nasional di Sabah ataupun di bawah PBS, saya hendak meminta penjelasan sedikit.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Sememangnya Kerajaan Barisan Nasional memang memahami agenda pendidikan, maka itu Kerajaan Barisan Nasionallah yang membina universiti ini. Kerajaan PBS ini [*Ketawa*] – kerajaan yang diterajui oleh PBS dulu lebih menggemari politik confrontation....

Tuan Henrynus Amin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kinabalu bangun ini.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Mengangkat tangan tanda tidak memberi jalan]* Mereka tidak faham tentang politik development dan cooperation tetapi mereka lebih faham tentang politic of confrontation.

Tuan Henrynus Amin: *[Menepuk meja berkali-kali]*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Duduklah brother!

Tuan Henrynus Amin: Gentlemanlah, beri jalanlah.

Tuan Radin Malleh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tenom bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Ketawa]* Saya berharap *[Disampuk][Ketawa]...*

Seorang Ahli: Dia tidak 'kashi', dia tidak 'kashi'.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Saya juga berminat untuk menyatakan sesuatu mengenai kemunculan PBS daripada dahulu.....

Tuan Radin Malleh: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa UMS itu permintaan daripada BERJAYA lagi....*[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dingatkan bahawa Yang Berhormat berhak.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Rompin jangan mencelah! Yang Berhormat boleh bangun minta penjelasan tetapi sama ada diberi laluan ataupun tidak, terpulang kepada Libaran tetapi jangan ambil kesempatan untuk berucap.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Dia tidak faham peraturan, Tuan Pengerusi. Saya berminat

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun lagi.

Seorang Ahli: Apa lagi!

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Tuaran.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Boleh, Yang Berhormat adalah sahabat baik saya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Yang Berhormat Libaran. Semalam saya juga telah menyentuh tentang pelajaran di Sabah tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Libaran, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya sejak USNO dan juga BERJAYA permohonan untuk universiti telah dibuat dan sebenarnya ini tapak sudah kita beri, sedia dengan title sekali, geran tanah sekali, tetapi tidak dilakukan. Jadi, adakah ini menunjukkan bahawa PBS telah berjaya mendesak dan merayu kepada Barisan Nasional untuk melakukan sesuatu yang penting untuk Kerajaan Negeri Sabah. *[Tepuk]*

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: PBS ini dia angan-angan sahaja. Yang merealisasikannya ialah Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Bekas Ketua Menteri kita pun ada di sini pada hari ini, dia boleh mengesahkannya. *[Disampuk][Ketawa]*

Saya juga berminat untuk menyatakan sesuatu mengenai kebajikan dan kemudahan guru-guru. Saya mencadangkan supaya pembinaan kompleks sekolah, maktab dan kolej universiti sama ada awam atau swasta harus memasukkan pembinaan atau penyediaan komponen rumah atau rumah pangsa yang selesa untuk guru sama ada dalam kawasan kompleks atau kawasan berhampiran. Jika rumah guru disediakan, ia akan mewujudkan environment kerja yang selesa, tenang dan hasilnya ia mampu mengajar dengan baik. Ketika ini mereka dibebani masalah disiplin pelajar, beban kerja rumah, kegiatan kokurikulum dan persatuan. Jadi, dengan menyediakan perumahan yang selesa dan berhampiran di sekolah, ia membantu merengankan beban fikiran serta kewangan mereka.

Saya juga ingin mendapat penjelasan berapa banyakkah projek sekolah dan rumah guru yang terbengkalai. Bagaimana cara menyelamatkannya supaya guru dan murid tidak terlepas peluang menimba ilmu. Apakah ada jaminan mutu sekolah yang dibina semula selepas ia terbengkalai dan apakah ada cadangan menyenaraihitamkan kontraktor terbabit dari mendapat projek baru kerajaan pada masa akan datang.

Saya juga ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana nasib guru-guru sandaran atau guru sementara kerana sehingga ini ramai yang terus kekal dengan jawatan itu dan mengapa mereka tidak diberi peluang memasuki kursus asas untuk membolehkan mereka menjadi guru sepenuh masa.

Saya juga ingin mendapat tahu bagaimana boleh berlaku kes di mana guru mata pelajaran tertentu di Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan berlebihan. Bagaimana pula dengan persediaan melahirkan guru terlatih dalam bidang teknologi maklumat. Saya yakin jika perkara ini tidak disegerakan, proses menerapkan IT dalam kehidupan generasi muda boleh terjejas. Saya pun ingin bertanya bagaimana proses penyediaan kurikulum pendidikan IT di sekolah. Saya sangat bersetuju dengan langkah mewujudkan sekolah Bestari dan saya mahu konsep ini diperluaskan di kawasan luar bandar. Keseimbangan penguasaan dan pengaruh IT harus sama rata. Jurang kejahilan IT harus dirapatkan supaya tidak wujud varia baru dalam usaha kerajaan memupuk masyarakat madani.

Kementerian Pendidikan harus mengambil langkah tegas dan berani untuk melengkapkan semua sekolah dengan asas IT iaitu komputer. Adalah menjadi satu kebimbangan dan ancaman jika majoriti generasi muda negara buta huruf atau bebal IT. Ini akan mencerminkan kegagalan Koridor Raya Multimedia yang menjadi tunjang industri.

Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Batang Lupar.

3.47 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya dengar orang cakap jangan politikkan soal Dato' Matnor Daim tetapi masih orang bercakap politik di Dewan ini. Dengar saya bercakap, saya tidak akan mempolitikkan persoalan itu lagi dan saya berdiri di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Dato' Shukor yang dilantik menjadi DG Pendidikan. Saya berharap Dato' Shukor akan menjalankan tugasnya sebagai turus jabatan tersebut dan melihat ke Sarawak sendiri dan melihat dengan prestasi yang lebih baik lagi kalau dibandingkan dengan tahun lepas. Jadi, dengan percakapan yang sedemikian, saya berharap semua patutnya kita dalam Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional bercakap masuk ke dalam, jangan keluar, biarlah pembangkang yang mempolitikkan apa-apa isu.

Jadi, dengan keadaan sedemikian, saya berharaplah semua ahli Barisan Nasional janganlah cari sebab-sebab yang tersebut lagi, sebutkan di sana, di sini lagi. Yang sudah menang kita ucapkan tahniah, yang sudah jatuh ucapkan takziah. Jadi, yang lain itu diamlah, saya berharap perkara itu tidak dibangkitkan lagi di dalam Dewan ini. Betul-betul kita mengatakan tidak mempolitikkan keputusan yang telah diberi ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, saya sudah dekat habis topik itu tadi, hendak pindah ke topik lain tetapi kawan, di mana-mana saya pergi sama dengan dia, jadi terpaksa beri jugalah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya memang ingin hendak bercakap kisah ini tetapi oleh sebab Yang Berhormat dari Batang Lupar bangun bercakap kisah ini, minta saya jangan bercakap lagi.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat sebab perkara ini dibangkit oleh Ahli Parlimen dari negeri Yang Berhormat, sebab itu Yang Berhormat tidak perlu kata kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain. Yang Berhormat patut pergi nasihatkan dia supaya jangan bercakap begitu sebab saya memang percaya kepada Menteri Pendidikan yang telah dilantik oleh Perdana Menteri untuk melaksanakan tugas yang begitu berat.

Jika Menteri Pendidikan buat keputusan, maka kita semua terima. Jadi, saya dukacita kerana dibangkit oleh seorang Ahli Parlimen tentang kedaerahan ini yang kita tidak mahu. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita tidak mahu kedaerahan, kenegerian - ini zaman penjajah. Zaman penjajah mengasingkan kita – negeri Kedah anak Kedah. Zaman Malaysia merdeka ini, Perdana Menteri orang Kedah, dia tidak pernah lantik orang lain, dia lantik orang yang berkebolehan – menteri-menteri yang berkebolehan tidak kira daripada negeri Kedah.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada injury timekah ini, Tuan Pengerusi?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak, saya hendak tanya, [*Ketawa*] bukan injury time. Tidak apa, beri dia injury time. Sebab saya tidak mahu bercakap, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya tidak nampak apa soalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak faham?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ada soalkah atau sekadar hendak beri penjelasan.

Tuan Haji Wan Hanfiah bin Wan Mat Saman: Sebab, Yang Berhormat....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah, sudah. Saya sudah faham, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, okay tidak faham saya sambung lain. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya faham, Tuan Pengerusi. Saya sudah faham.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Faham?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah faham. Alhamdulillah. Saya sudah faham. Jadi, oleh kerana masa dia ambil 2 minit, jadi dia tidak cakap 10 minit kena beri, jadi saya dapat 20 minitlah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Jadi, jawapan saya macam inilah. Saya dengan Pokok Sena sama-sama hari datang ke Dewan ini, bahkan dia lebih senior daripada saya kerana dia bersumpah dahulu daripada saya. Jadi, nasihat daripada dia itu tadi macam nasihat daripada saya jugalah. Jadi, jangan dibuka lagi – yang terlepas itu kita lupakan, yang baik itu jadikan teladan, yang tidak baik itu kita gunakan sebagai sempadan. Jadi, dengan jawapan sedemikian biarlah.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa Tumpat bangun?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Hendak bertanyalah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kawan belum habis bercakap pun. Tadi hendak tukarkan Dasar Pertanian, kenapa hendak balik ke tahun 1800, hendak tanya soalan apa pula. Tidak ada masa, saya kena banyak bercakap ini...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tolong ya, minta maaf. Di luar bercakap dengan saya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia takut itu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak, apa hendak takut. Terima kasihlah kalau yang berani sangat itu.

Tuan Pengerusi, saya ini sudah dua, tiga kali soalan yang sama dibangkitkan dengan kementerian ini. Soalan kecemerlangan akademik dan membangunkan pendidik yang total iaitu murid yang all round. Jadi, persoalannya masih dijawabkan. Saya selalu menekankan dan mengatakan yang syllabus kita itu untuk membangunkan manusia yang total – a whole human being tetapi dalam pendidikan kita ataupun penekanan kita di sekolah ialah untuk mencapainya kecemerlangan pendidikan sahaja. Jadi, kementerian masih menjawab ini tidak benar tetapi saya ingin bertanya berapa banyakkah orang masuk ke universiti yang dimasukkan oleh kecemerlangan bukan daripada pendidikannya tetapi daripada prestasi dalam segi sosial, agama dan sukan dan apa lain benda yang kita fikir sebagai perkara sosial, keilmuan dan sebagainya, selain daripada pendidikan formal.

Oleh kerana apa yang berlaku sekarang semua kemasukan ke universiti ialah menggunakan komputer. Walau bagaimana baik pun perangai, budi pekerti seorang anak murid itu daripada persekolahan dia, apabila masuk ke komputer untuk dimasukkan ke universiti, nescaya komputer itu tidak menilai apa benda lain melainkan berapa banyak pangkat A, berapa banyak pangkat B untuk dimasukkan ke universiti. Maknanya, dengan sendirinya pendidikan yang tidak formal, yang tidak dimasukkan ke dalam certificate adalah dianggap tidak penting. Ini bermakna penekanan kita kepada pendidikan ialah kepentingan akademik sahaja, kepentingan moral tidak dimasukkan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya anggap ini cakap dasar, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, oleh kerana – ini penjelasan sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dalam peringkat Jawatankuasa, Tuan Pengerusi. Jadi, saya berharap dalam B.26 ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan sama ada universiti boleh menerima di samping melihat prestasi akademik, kemasukan sesiapa sahaja dalam universiti dari segi kecemerlangan dalam prestasi yang bukan akademik yang lain yang tidak formal, maknanya sosial ilmu yang lain, umpamanya.

Dengan cerita itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya ingin hendak duduk tetapi oleh kerana masih ada masa, saya hendak cakap cerita lain. Di Sarawak, apakah program kerana saya telah difahamkan dahulu diberitahu kerajaan telah memberi setengah bilion ringgit untuk membina 31 sekolah, ini sebelum kegawatan ekonomi berlaku. Perancangan telah dibuat, banyak syarikat yang mengajukan cadangan kepada pihak kementerian untuk membina secara turnkey 31 sekolah dan apa telah jadi dengan cadangan ini, adakah akan dilaksanakan dan kalau tidak, adakah ini oleh kerana kegawatan ekonomi yang ada sekarang ataupun sumber kewangan itu masih ada dan akan dilaksanakan pula dan berapa panjangkah masa yang akan diberi supaya 31 sekolah yang telah dirancang untuk dibinakan juga akan diteruskan perancangan pembinaannya.

Jadi, dengan kata sedemikian, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bercakap. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Senai.

3.56 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Negara kita memang berhasrat dan sedang merancang supaya menjadikan sebuah pusat pengajian tinggi kecemerlangan di rantau ini. Oleh yang demikian, kita telah membenarkan lebih banyak kolej ditubuhkan dan juga bilangan pengajian tinggi telah bertambah.

Tuan Pengerusi, dengan adanya ini kerajaan bukan sahaja akan mewujudkan lebih peluang untuk pelajar-pelajar tempatan dan negara ini juga akan memberi peluang untuk pelajar-pelajar dari negara luar untuk masuk ke negara kita belajar di samping membawa masuk mata wang asing ke negara kita untuk membantu ekonomi negara kita.

Tuan Pengerusi, satu perkara ingin saya bangkitkan iaitu Ijazah luar kampus yang dianjurkan oleh universiti tempatan hanya menggunakan Bahasa Kebangsaan sahaja. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian akan menggalakkan supaya Ijazah luar kampus ini dibenarkan diberi pilihan sama ada Bahasa Kebangsaan dan juga dapat dibenarkan untuk menggunakan Bahasa Inggeris kerana dengan adanya pilihan ini, saya rasa kita akan dapat menarik pelajar-pelajar dari luar negara datang mengikuti Ijazah yang dianjurkan oleh negara kita dan ini akan membantu untuk menjayakan hasrat dan cita-cita negara kita untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi yang cemerlang di rantau ini.

Perkara kedua ingin saya bangkitkan iaitu baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa pengambilan guru-guru bersara secara kontrak telah pun digantung oleh Kementerian Pendidikan. Jadi, kalau ini benar saya ingin tahu

sebabnya. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, kita tidak boleh menafikan bahawa pada masa sekarang negara kita masih menghadapi masalah kekurangan guru-guru dan masalah ini boleh dikatakan satu masalah yang serius. Jadi, saya berpendapat sekiranya kementerian berhasrat untuk mengatasi masalah ini, yang pertama, sudah tentu kita perlu memberi peluang yang lebih kepada pemuda-pemudi memohon untuk menjadi guru terlatih dan selain daripada itu kita boleh memberi peluang untuk pemuda-pemudi menjadikan mereka sebagai guru sandaran dan satu tindakan iaitu membenarkan guru-guru yang bersara yang ingin melanjutkan perkhidmatan mereka dibenarkan mereka terus berkhidmat di sekolah mereka mengajar.

Tuan Pengerusi, saya fikir dengan cara-cara ini haruslah masalah kekurangan guru-guru yang dihadapi oleh negara kita boleh diringankan.

Tuan Pengerusi, guru-guru yang bersara sebenarnya mereka adalah guru-guru yang berpengalaman yang merupakan aset di dalam pembangunan pendidikan sama ada rendah dan menengah. Jadi, membenarkan mereka meneruskan perkhidmatan mereka sedikit sebanyak akan membantu kementerian menyelesaikan masalah kekurangan guru terutama sekali dalam penyelesaian masalah kekurangan guru-guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Dua perkara ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan untuk mendapatkan perhatian kementerian dan berharap supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi pandangan dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang saya kemukakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Gelang Patah.

4.01 ptg.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dalam peringkat Jawatankuasa Maksud B.26, Kementerian

Pendidikan dalam Butiran 020000 Pendidikan Prasekolah Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, polisi yang lebih liberal yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan sejak tahun 1995 telah mendapat pujian daripada masyarakat berbilang kaum di negara kita. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa kajian terperinci sedang dibuat untuk mengubah sistem pendidikan negara yang berorientasikan peperiksaan kepada satu sistem yang fleksibel dan bersesuaian dengan keupayaan pelajar sebagai individu. Saya sangat setuju dengan hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan saya berharap ia akan memberikan perkhidmatan pendidikan bertahap tanpa kecacatan. Maka, adalah tidak keterlaluan bagi kita mengharap agar di peringkat pelaksanaan reformasi yang akan dilaksanakan itu nanti tidak terdapat sebarang perulangan kelemahan seperti yang terdapat dalam pelaksanaan KBSR dan KBSM dahulu.

Tuan Pengerusi, sejajar dengan kepentingan teknologi maklumat dalam arahan Kementerian Pendidikan baru-baru ini bahawa semua institusi pendidikan tinggi awam mesti memastikan mahasiswa dan mahasiswinya dalam semua jurusan memiliki kemahiran komputer serta pengetahuan dalam teknologi maklumat. Saya sangat berharap Kementerian Pendidikan perlu memastikan semua sekolah rendah dan menengah di negara kita mesti mempunyai komputer dan kelas bimbingan komputer. Jika tidak, hasrat Kementerian Pendidikan dalam bidang teknologi maklumat akan sukar dicapai.

Pada masa sekarang saya dapati banyak sekolah rendah dan menengah masih menghadapi kekurangan komputer untuk mengadakan kelas komputer. Mereka sentiasa meminta peruntukan daripada wakil rakyat untuk membekalkan komputer dengan alasan bahawa sukar mendapat bekalan komputer daripada Kementerian Pendidikan. Oleh kerana peruntukan wakil rakyat sangat terhad kadang-kadang kita wakil rakyat pun tidak dapat

menyempurnakan kehendak mereka dengan sepenuhnya dan ini tentu akan menjejaskan hasrat mereka untuk mengadakan kelas bimbingan komputer. Sebenarnya, jika mengikut garis panduan larangan menggunakan peruntukan Ahli Parlimen yang menyebut, *“Tidak boleh membiayai projek-projek kementerian/jabatan/agensi dan badan berkanun (kecuali yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri/Timbangan Perdana Menteri)”*. Kita wakil rakyat tidak boleh memberikan peruntukan kepada sekolah-sekolah tetapi dengan kebijaksanaan semua wakil rakyat daripada Barisan Nasional, kita salurkan peruntukan membekal komputer ke sekolah-sekolah melalui pertubuhan-pertubuhan PIBG yang ahli-ahlinya terdiri daripada penyokong kuat Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya pun meminta pihak Kementerian Pendidikan bila mengadakan projek pembinaan sekolah menengah yang baru perlu dilengkapi dengan dewan supaya menjadi zero-defect, dengan izin, seperti projek Sekolah Menengah Sri Perling di Taman Perling, Johor Bahru.

Untuk makluman, Tuan Pengerusi, sekolah menengah yang lama yang masih belum mempunyai dewan seperti Sekolah Menengah Tun Aminah di Skudai, saya sangat berharap Kementerian Pendidikan dapat menghulurkan peruntukan membina dewan sekolah kepada Sekolah Menengah Tun Aminah secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, berkenaan kelas bahasa Cina di sekolah-sekolah menengah, saya harap Kementerian Pendidikan dapat mengambil tindakan yang proaktif supaya semua sekolah menengah mempunyai guru yang berkelayakan dalam bahasa Cina untuk mengajar murid-murid kaum Cina dalam waktu sekolah sejajar dengan arahan Kementerian Pendidikan. Misalnya, di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai Baru yang mana 75% murid mereka adalah terdiri daripada kaum Cina, cuma mempunyai seorang guru bahasa Cina. Saya telah melawat sekolah itu pada petang 17 April ini dan pihak sekolah meminta

saya supaya mendapatkan tambahan dua atau tiga orang guru bahasa Cina. Saya berharap Kementerian Pendidikan agar dapat menunaikan hasrat mereka secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya telah dua kali meminta daripada pihak Kementerian Pendidikan dalam ucapan saya di Dewan yang mulia dan melalui surat rasmi saya agar Kementerian Pendidikan dapat mengadakan sekolah-sekolah wawasan di Taman Universiti yang mempunyai lebih 50,000 orang penduduk terdiri daripada 40% kaum Melayu, 45% kaum Cina dan 15% kaum India. Dengan mengadakan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di tapak sekolah wawasan, ia akan dapat menunaikan hasrat ibu bapa berbilang kaum di Taman Universiti, Skudai terutama ibu bapa kaum Cina dan India yang terpaksa menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang jauh dari rumah mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga meminta Kementerian Pendidikan agar dapat mewujudkan sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan yang berdekatan dengan tapak quarters CIQ di Gelang Patah supaya menyenangkan anak-anak pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di CIQ Gelang Patah. Sekolah itu sangat penting kerana daripada tinjauan saya pegawai kerajaan yang berada di sini terdiri daripada 483 orang pegawai kastam, 207 orang pegawai imigresen, 100 orang pegawai polis yang akan berkhidmat di tempat itu akan duduk di kawasan quarters di sana.

Tuan Pengerusi, walaupun negara kita sedang menghadapi kegawatan ekonomi, kita tidak boleh miskin pendidikan kerana ia amat penting untuk generasi muda kita dan pembangunan negara kita akan terjejas jikalau kita tidak dapat mengadakan tenaga kerja yang mahir dalam bidang teknologi tinggi dan teknologi maklumat. Dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong Akta Perbekalan Tambahan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pasir Mas.

4.09 ptg.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin berucap dalam perkara P.26 peruntukan tambahan Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai dengan peruntukan yang sepatutnya diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan mengenai dengan sekolah di mana di dalam kawasan Parlimen saya Parlimen Pasir Mas terdapat boleh dikatakan hampir 99% penduduknya adalah orang Melayu yang beragama Islam.

Jadi yang menimbulkan masalah sekarang ini, di sekolah ialah mengenai dengan musala, tempat anak-anak kita mengikuti pendidikan agama secara amali dan juga menunaikan solat di musala-musala, bukan sahaja murid-murid, malah guru-guru sekolah juga.

Oleh kerana pihak Kementerian Pendidikan tidak mempunyai peruntukan yang khusus maka sudah tentulah pihak PIBG sekolah menghadapi masalah terpaksa mencari berbagai-bagai sumber dan sumber yang utama yang terpaksa yang selalu dihadapi oleh wakil-wakil rakyat ialah pihak PIBG meminta peruntukan dengan wakil-wakil rakyat untuk membina dan menyiapkan musala di sekolah-sekolah mereka. Jadi sebagaimana yang Yang Berhormat Dato' maklum, peruntukan wakil rakyat ini adalah satu peruntukan yang sangat terhad dan saya berharap kepada pihak kementerian di masa-masa yang akan datang hendaklah memberi peruntukan yang khusus kepada semua sekolah yang ada di negara kita, dan ini untuk membina musala ataupun tempat umat Islam beribadat.

Jadi, kalaulah peruntukan ini tidak ada, maka sudah tentulah masalah yang dihadapi oleh PIBG sekolah itu terpaksa kita melihat sudah berpuluh-

puluh tahun sekolah itu dibina, musala masih tidak ada, masih tidak sempurna. Jadi di dalam keadaan negara kita yang sekarang ini, kita mahu membina anak-anak kita dari segi akhlak, dari segi ilmu, dari segi pendidikan agamanya maka sudah tentulah musala ini menjadi perkara yang utama bagi umat Islam di seluruh negara. Jadi itulah harapan saya supaya pihak kementerian memberi peruntukan khusus kepada setiap sekolah sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah untuk membina musallah sekolah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahirudin]: Kinabalu, selepas ini kementerian akan menjawab.

4.13 ptg.

Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membahaskan perkara B.26 dan beberapa perkara yang saya anggap penting untuk dibawa kepada perhatian mesyuarat peringkat Jawatankuasa.

Pertama saya bersetuju dengan saudara daripada Batang Lupar, bahawa perkara perlantikan KSU iaitu Dato' Matnor Taib tidak perlu dipolitikkan. Namun demikian pada pendapat saya, oleh kerana perkara ini sudah dibawa ke Parlimen, adalah baiknya supaya satu penjelasan daripada menteri dapat dibuat terutamanya, mengenai dengan persetujuan yang beliau katakan mengenai dengan perkara ini. Ini penting Tuan Pengerusi, oleh kerana perkara ini sudah diheboh-hebohkan di luar daripada Dewan ini dan banyak persoalan yang timbul dalam perasaan rakyat bukan sahaja di Sabah dan Sarawak sahaja tetapi juga di Semenanjung dan di kalangan persatuan guru-guru juga badan-badan NGOs dan lain-lain lagi. Jadi bagi saya adalah wajar sekiranya menteri yang saya rasa lebih arif tentang perkara ini, lebih faham

tentang keperluan tentang perkara ini dapat memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya ingin memohon kepada kementerian supaya pembinaan UMS dapat dijalankan, dapat disiapkan dengan seberapa segera. Sebenarnya permohonan universiti bagi negeri Sabah bukan satu perkara yang baru sepertimana yang dikatakan oleh sahabat saya dari Semporna, juga pernah mengatakan ini hasil daripada Barisan Nasional. Sebenarnya Tuan Pengerusi, permohonan ini adalah janji lama, janji waktu kita menyertai gagasan Malaysia sudah dijanjikan. Tahun demi tahun dijanjikan, musim USNO juga ada janji, musim BERJAYA malah kita sudah sediakan tapak, geran tanah pun dibagi, musim PBS tidak juga, Barisan Nasional juga musim PBS. PBS di luar Barisan tiga tahun, tapi tidak dibina dan sekarang ini, terima kasihlah kerana kita nampak ianya sudah diluluskan, tetapi kita minta supaya universiti ini disiapkan dengan segera. Ketika ini Tuan Pengerusi, mereka menggunakan satu bangunan bekas Telekom yang agak sempit dan tidak begitu sesuai. Tempat ini sebenarnya adalah tempat digunakan oleh UKM dahulu dan kita harap dalam kegawatan ekonomi ini kita dengar-dengar kemungkinan peruntukan tidak cukup dan ia akan lambat siap. Jadi saya harap perkara ini tidak berlaku sekiranya wang peruntukan yang telah diluluskan sebelum ini sudah committed kita minta supaya jangan ditarik balik, jangan dibatal, kita minta diteruskan dan disiapkan dalam tempoh yang sudah ditetapkan.

Tuan Pengerusi, saya juga memohon di sini mengenai dengan pembinaan beberapa sekolah menengah di kawasan saya, khususnya SMK Benutuhan, SMK Matopang dan SMK Kaingaran. Ketika ini saya melawat sekolah ini Tuan Pengerusi, ianya adalah daripada kayu sahaja dan bilik-bilik darjah yang tidak begitu cukup dan kita telah berkali-kali membawa perkara ini di dalam perhatian Dewan ini, terutamanya kepada kementerian supaya

peruntukan disediakan untuk sekolah-sekolah ini. Misalnya SMK Benutuhan sudah menggunakan sekolah kayu lebih daripada 10 tahun. Hingga hari ini masih belum diberi peruntukan, tapak sudah ada, jadi kita perlukan peruntukan satu tapak yang lebih kekal.

Perkara yang ketiga saya juga ingin membangkitkan tentang masalah perumahan bagi guru-guru dari negeri Sabah. Sepertimana yang kita maklum, guru-guru dari Semenanjung yang dipindahkan ke Sabah dan mengajar sekolah-sekolah memengah dibekalkan dengan elaun perumahan ataupun dengan rumah-rumah. Tetapi guru-guru daripada negeri Sabah yang mengajar di Sabah, tidak mempunyai kemudahan seperti itu. Dan kita telah mendapat rungutan daripada guru-guru, yang menghadapi masalah perumahan, misalnya kalaulah daripada Semporna misalnya, seorang guru mengajar di kawasan saya di Ranau dia juga tidak mempunyai rumah dan perlu menyewa rumah, tetapi kemudahan tidak disediakan dan terdapat rungutan supaya kemudahan yang diberikan kepada guru-guru dari Semenanjung yang dipindahkan di Sabah ataupun Sarawak itu, juga diberikan pada mereka yang di Sabah. Ini penting Tuan Pengerusi, oleh kerana kita ingin memberi insentif kepada guru-guru untuk terus berkhidmat sebagai guru. Kita tidak mahu menghadapi masalah di mana kita akan kekurangan guru satu masa nanti.

Saya juga ingin menyeru kepada kementerian ini untuk mempertingkatkan pengambilan pelatih-pelatih guru daripada negeri Sabah. Ketika ini kita telah mendengar daripada Timbalan Menteri mengatakan

bahawa kita kekurangan begitu banyak sekali guru-guru. Dan tidak dapat dinafikan di negeri Sabah Tuan Pengerusi, ini adalah satu masalah yang sudah sampai ke tahap tenat, dan salah satu mata pelajaran yang sangat lemah yang saya kira adalah bukan sahaja mata pelajaran Sains dan Matematik, tetapi juga Bahasa Malaysia. Pernah SMK Ranau, guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan untuk mengajar Bahasa Malaysia, terpaksa ajar Bahasa Malaysia dan akibatnya Tuan Pengerusi, apabila keputusan-keputusan keluar untuk SPM misalnya kita mendapati bahawa lulus dalam mata pelajaran yang lain, tetapi kecundang dalam pelajaran Bahasa Malaysia. Dan ini satu perkara yang menyedihkan, oleh kerana Bahasa Malaysia itu ataupun Bahasa Melayu itu adalah Bahasa Kebangsaan bahasa rasmi kita, yang perlu kita pertingkatkan penggunaannya di seluruh Malaysia bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak.

Jadi kita mintalah supaya lebih banyak guru-guru yang kita latih untuk menjadi tenaga pengajar di kawasan-kawasan luar bandar bukan sahaja di peringkat sekolah menengah tetapi juga di peringkat sekolah rendah dan kita juga ingin menyeru kepada kementerian dan juga kepada Kerajaan Persekutuan amnya, khususnya JPA mengeluarkan lebih banyak kemudahan biasiswa membolehkan anak-anak kita yang lulusan SPM yang ingin masuk ke universiti dan mengikuti bidang pendidikan. Saya tahu bahawa di Sabah Tuan Pengerusi, ramai di antara anak-anak kita yang telah memohon masuk

universiti dan banyak juga yang telah memohon untuk menjadi guru tetapi mereka khuatir oleh kerana mereka menghadapi masalah biasiswa, mereka telah berjumpa dengan Yayasan Sabah dengan Kerajaan Negeri dan dalam kegawatan ekonomi pada ketika ini mereka seolah-olah tidak begitu banyak harapan akan mendapat bantuan biasiswa.

Jadi, sepertimana yang saya telah ungkapkan sebelum ini kepada JPA iaitu untuk mengeluarkan lebih banyak biasiswa untuk orang-orang Sabah mengikuti pelajaran di peringkat universiti, demikian juga saya ingin meminta kepada Jabatan Pendidikan supaya mengeluarkan lebih banyak biasiswa untuk membolehkan anak-anak kita mengikuti jurusan pendidikan.

Tuan Pengerusi, amat penting sekali bagi kita untuk mempunyai tenaga pengajar yang cukup bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi, terutama sekarang ini kita sudah sampai ke tahap mempertingkatkan penggunaan IT. Jadi, saya percaya bahawa untuk mencapai ke tahap ini, kita memerlukan tenaga pengajar yang mahir dan terlatih dalam bidang ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian oleh kerana satu program pengajaran Bahasa Kadazan-Dusun sudah diperkenalkan di negeri Sabah. Sebenarnya perkara ini telah diminta oleh Persatuan Kebudayaan Kadazan-Dusun dan juga United Sabah Dusun Association beberapa lama yang dulu dan ketika ini jawapan daripada Menteri Pendidikan telah mengatakan ada 146 sekolah kini yang telah menyertai program ini.

Jadi, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian, kerana prihatin tentang keperluan masyarakat Kadazan-Dusun untuk mendapat pendidikan di dalam Bahasa Kadazan-Dusun.

Saya ingin menyeru kepada kementerian supaya mempertingkatkan program ini dari segi latihan kepada guru-guru, ini sangat penting oleh kerana kita minta supaya guru-guru yang mengajar bahasa ini adalah guru-guru yang

terlatih. Selain dari itu juga kita minta supaya bahan-bahan yang digunakan itu cukup. Kita tidak mahu supaya kita mengatakan bahawa kita ada program mengajar Bahasa Kadazan-Dusun tetapi kita tidak mempunyai bahan-bahan yang cukup, dan bahan-bahan ini juga adalah bahan-bahan yang 'standard' yang harus diluluskan oleh kementerian yang sesuai dengan keperluan-keperluan setempat.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit tentang kehadiran kanak-kanak sekolah di kalangan pendatang asing di negeri Sabah. Pada sesi yang lalu saya telah mendapat jawapan hampir 40,000 orang kini berada di sekolah-sekolah di negeri Sabah, baik di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah.

Persoalan saya, Tuan Pengerusi, ada beberapa sekolah yang sudah merungut mengatakan bahawa kelas-kelas sekolah itu dipenuhi oleh kanak-kanak daripada pendatang asing dan seolah-olah kanak-kanak pula daripada orang-orang asli di negeri Sabah tercicir, tersisih ataupun terhimpit oleh kerana kemudahan-kemudahan itu hampir kesemuanya digunakan oleh kanak-kanak daripada pendatang asing. Jumlah hampir 40,000 Tuan Pengerusi, adalah terlalu banyak, sedangkan jumlah pengundi di negeri Sabah lebih kurang 500,000 dan 40,000 ini hampir 10%.

Saya kira bahawa kanak-kanak ini menggunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan meminta mereka membayar kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan, tentang kemudahan-kemudahan yang mereka dapat untuk mengikuti sekolah-sekolah di negeri Sabah. Kalau tidak, kita minta supaya Kementerian Pendidikan untuk menyiasat perkara ini dan untuk mengambil langkah-langkah supaya mereka harus membayar dan juga tidak membiarkan mana-mana sekolah itu dikuasai oleh pendatang asing keseluruhannya. Kita harus

memastikan bahawa sekolah-sekolah itu adalah diutamakan kepada masyarakat ataupun warganegara Malaysia.

Saya juga minta kepada Kementerian Pendidikan supaya membawa perkara ini kepada Kementerian Dalam Negeri kerana dengan kehadiran hampir 40,000 kanak-kanak pendatang asing di sekolah-sekolah, ini menunjukkan bahawa ramai kehadiran mereka di negeri Sabah secara amnya, perkara ini serius.

Satu lagi Tuan Pengerusi, ada beberapa kes di mana kita dapati bahawa kanak-kanak ini telah sampai ke Tingkatan 5, Tingkatan 6 dan cuba masuk di dalam perkhidmatan tentera. Ada juga yang masuk ke dalam perkhidmatan kerajaan, ada juga yang....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Henrynus Amin: Saya gulung, Tuan Pengerusi. Ada juga yang masuk sampai ke universiti. Dengan masalah kad pengenalan palsu yang berleluasa di negeri Sabah, kita sangat kluatir bahawa ada di kalangan anak-anak daripada pendatang asing ini dengan cara mereka yang tersendiri mendapatkan kad pengenalan palsu dan mendapat tempat dalam jawatan-jawatan yang sensitif terutamanya sebagai polis dan juga sebagai tentera. Jadi, kita mintalah kepada kementerian dan semua yang bertanggungjawab di sini, khususnya Kementerian Dalam Negeri, untuk mengambil perhatian tentang perkara ini demi keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran rakyat di negara Malaysia, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kementerian Pendidikan, jawab.

4.25 ptg

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya suka

terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa, dan saya akan cuba memberikan penjelasan-penjelasan di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Pertama sekali, Yang Berhormat dari Tuaran yang telah membangkitkan soal penempatan lebih kurang 3,000 orang guru lepasan maktab yang tidak dapat ditempatkan. Sebenarnya bukan tidak dapat ditempatkan, ini urusan soal pentadbiran dan alhamdulillah sekarang ini kerja-kerja menempatkan guru-guru di sekolah-sekolah yang berkenaan telah pun selesai dan kita menganggap perkara ini tidak berbangkit lagi.

Perkara kedua yang ditimbulkan ialah soal mendirikan sekolah di daerah Tuaran. Suka saya jelaskan, Kementerian Pendidikan memang sedar terdapat keperluan untuk sekolah-sekolah baru dan untuk memperbaiki bangunan sekolah yang lama. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada peruntukan yang ada dan keutamaan diberi kepada keadaan sekolah yang kritikal, daif dan amat memerlukan. Bagi daerah Tuaran, Kementerian Pendidikan kini dalam proses melaksanakan pembinaan sebuah sekolah di Tajau.

Soal keperluan tambahan kelas-kelas Tingkatan 6, suka saya jelaskan bahawa kelas-kelas Tingkatan 6 diwujudkan bergantung kepada bilangan pelajar yang mencukupi. Sekiranya terdapat sekolah yang berhampiran yang menawarkan kelas Tingkatan 6, maka pelajar-pelajar dalam satu kawasan boleh ditempatkan di sekolah tersebut.

Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan, pertama sekali soal langkah kementerian mempercepatkan tarikh peperiksaan PTS dan UPSR. Suka saya jelaskan langkah mempercepatkan tarikh peperiksaan PTS dan UPSR adalah untuk membolehkan urusan pemeriksaan jawapan dan pemprosesan keputusan peperiksaan dijalankan dalam tempoh yang mencukupi. Ini juga dapat menjimatkan kos selaras dengan langkah penjimatan yang dibuat oleh

kerajaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, langkah mempercepatkan tarikh peperiksaan UPSR telah dapat menjimatkan kira-kira RM5.7 juta kerana urusan pemeriksaan jawapan peperiksaan UPSR tidak lagi dilaksanakan secara berpusat.

Yang keduanya, soal sistem pendidikan yang fleksibel yang tidak begitu jelas nampaknya kepada Yang Berhormat dari Kepong. 'Flexible' ini cakap orang putih, 'anjai' itu cakap Melayu, maknanya sama. Jadi saya suka jelaskan, sistem pendidikan yang fleksibel bermaksud menyediakan ruang yang lebih untuk mereka yang pintar, mengembangkan potensi dan menamatkan persekolahan dalam jangka masa yang lebih pendek. Misalnya, melangkau kelas Tahun 3 ke Tahun 5. Satu contoh.

Kementerian Pendidikan juga sedang mengkaji sistem peperiksaan yang membolehkan pelajar mengambil sesuatu peperiksaan apabila mereka telah bersedia tanpa menunggu hingga ke akhir pengajian. Contohnya, mengambil SPM untuk mata pelajaran tertentu semasa di Tingkatan 4. Namun demikian, langkah untuk mewujudkan sistem fleksibel ini memerlukan kajian yang mendalam dan ianya juga melibatkan faktor-faktor seperti mata pelajaran, persediaan sekolah, keperluan tenaga negara, pengiktirafan dan persijilan yang dibuat secara mendalam dan berterusan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal penempatan pelajar-pelajar yang hendak balik akibat daripada kegawatan ekonomi ini. Suka saya jelaskan bahawa daripada tempat kira-kira 2,305 yang disebut dalam pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri, sehingga kini terdapat 368 pertanyaan yang telah diterima daripada pelajar seberang laut yang ingin menyambung pengajian di Malaysia. Dari jumlah tersebut, seramai 254 orang telah mengemukakan permohonan rasmi. Mengenai bilangan sebenar yang telah diisi, perkara tersebut masih lagi dalam proses penelitian kementerian.

Ini memandangkan terdapat kes-kes pelajar yang memohon kursus-kursus yang sukar ditempatkan di institusi pengajian tinggi tempatan. Sebabnya, contoh yang dikatakan sukar itu, misalnya adalah sukar untuk memindahkan kredit kursus perubatan. Yang Berhormat pun seorang doktor. Dari IPT luar negara kepada IPT dalam negara kita ini. Kerumitan-kerumitan yang macam ini, perkiraan-perkiraan yang begini mesti diteliti dengan cermat kalau sekiranya kita hendak menempatkan pelajar-pelajar tersebut di universiti-universiti kita.

Kemudian soal pengkorporatan universiti...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun, beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat tadi mengenai isu penuntut yang kembali dari luar negara dan nampaknya hampir 10 bulan sudah kegawatan ekonomi, tetapi tidak ramailah yang berminat untuk kembali ke tanah air. Adakah ini kerana pihak universiti di luar negara ada pakej-pakej bantuan ataupun kerana mereka ada jalan yang lain supaya boleh elakkan dari kembali ke negara ini. Adakah kemungkinan bahawa itu standard yang ada di sini mungkin tidak serupa dengan standard di luar negara? Saya bukan menyatakan standard itu rendah sebab saya mahu standard kita tinggi, secukup dengan standard antarabangsa itu, semua cita-cita kita, semua IPT kita sama ada awam atau swasta mesti mencapai standard antarabangsa. Ini memang kita harapkan. Walau bagaimanapun, adakah kerana standard tidak serupa mungkin mereka tidak mahu kembali ke negara ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, soalnya di sini kalau dari segi mutu, standard kita dibanding dengan universiti-universiti di luar negeri, pokoknya ijazah-ijazah kita diiktiraf dan itu menunjukkan bahawa kita setanding dengan universiti-universiti yang lain.

Tinggal lagi, ini soal teknikaliti yang sebenar apabila hendak memindahkan seorang pelajar daripada luar negeri balik ke tempat kita. Jangan kata di luar negeri, misal kata di kalangan universiti-universiti sendiri pun kita tidak galakkan apabila seorang mahasiswa yang berada di satu universiti biasanya mengikut sesuatu kursus, dia sampai habislah di situ. Fasal dia melibatkan kandungan kursus ataupun mata pelajaran yang diikuti oleh seseorang mahasiswa itu. Soal ini tidak lebih daripada itu sahaja, soal teknikaliti dan kalau sekiranya tidak dapat dicari satu titik pertemuan tentang kesesuaian itu itu yang menimbulkan kerumitan.

Contohnya, kursus-kursus yang melibatkan jurusan profesional seperti kedokteran, pergigian, kejuruteraan, ini dia perlukan penelitian dan mencari penyesuaian. Itu yang menjadi masalah yang sebenar, tidak timbul soal universiti kita ini, kualitinya ataupun pengiktirafannya dipertikai, itu tidak timbul kerana ijazah daripada universiti-universiti kita memang diiktiraf dan diterima di peringkat antarabangsa.

Jadi, kita cubalah cari jalan tetapi saya maklum ada banyak pengumuman di buat oleh universiti-universiti di Amerika, United Kingdom, Australia untuk hendak membantu pelajar-pelajar kita. Ini baik dan itu banyak bergantung kepada sikap ataupun keperluan pelajar-pelajar itu sendiri dengan universiti-universiti berkenaan dari segi kita, kita memberikan apa juga bentuk kerjasama untuk hendak membantu pelajar-pelajar kita dapat meneruskan pengajian masing-masing kalau itu caranya ada bantuan di negara-negara tersebut, tidak jadi halangan. Tetapi apa yang kita perkatakan di sini, kalau ada yang hendak balik, kemudahan kita sediakan. Namun demikian, ia mestilah ada titik pertemuan di antara kursus yang diikuti di luar negeri dengan yang hendak diikuti di dalam negara kita. Itu keadaannya.

Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan soal pengkorporatan universiti. Saya suka hendak jelaskan, pengkorporatan Universiti Malaya

merupakan sebagai perintis kepada langkah kerajaan atapun kementerian untuk mengkorporatkan universiti-universiti di negara kita. Mengikut pandangan kementerian, pengkorporatan ini telah membawa manfaat kepada universiti dari segi peningkatan jentera pentadbiran dan pengurusan yang lebih berkesan. Fleksibiliti pengurusan kewangan telah dinikmati dan universiti dapat membuat keputusan dengan lebih cepat.

Mengikut jadual pengkorporatan universiti-universiti yang lain, saya nyatakan iaitu UKM, UPM, USM dan UTM penguatkuasaan perlembagaan baru pada 15 Mac 1998 yang lalu baru dikuatkuasakan. Bagi UUM, UNIMAS, UMS dan UPSI penguatkuasaan perlembagaan baru pada 23 April 1998.

soal sekolah bestari, pertama soal peruntukan, kemudian Yang Berhormat sentuh nisbah guru dengan murid, nisbah murid dengan komputer. Saya suka jelaskan iaitu peruntukan untuk sekolah bestari seperti saya sudah sebut dalam Dewan yang mulia ini, dua, tiga hari sudah setakat ini yang telah diluluskan pada kita ialah sebanyak RM50 juta daripada RM119 juta yang telah sama-sama kita luluskan di Dewan ini.

Ini bermakna pemotongan lebih daripada 50% dibuat ke atas peruntukan asal. Namun demikian proses ini akan berjalan terus kerana kita telah mengenal pasti 90 buah sekolah bestari yang akan mula dilaksanakan pada tahun hadapan dan pelaksanaan untuk 90 buah itu akan tetap berjalan terus. Jadi, sebagai kita hendak mula kerja RM50 juta ini, kita hendak gunakan dulu dan ...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus: Sekejap ya, Yang Berhormat. Satu lagi mengenai masalah nisbah guru, murid dan murid,

komputer yang harus dikecilkan banyak bergantung kepada peruntukan yang diluluskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya tidak setuju dengan potongan ke atas peruntukan RM116 juta ini kerana bagi saya kita hendak mulakan sekolah bestari ini patut kita teruskan jangan kita potong dengan begitu dahsyat. Saya pun hendak tolong sedikit juga kerana ini bukan kesalahan Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma dengan ‘pisau potong’ memang tidak tahulah destinasi itu sampai ke mana. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan boleh tukar sedikit arah pemotongan ‘pisau’ berjimat-cermat ini dan biarkan peruntukan bagi 90 sekolah bistari diteruskan kerana menurut jawapan Yang Berhormat tadi lebih 50% dipotongkan daripada peruntukan asal. Ini bermakna mustahillah kita hendak ada satu set komputer untuk empat murid. Bermakna satu set untuk 40, 50 tidak bistari lagilah. Tidak bestari lagi dan cuma bilangan guru pun saya percaya kalau dilaksanakan untuk 90 buah sekolah, ini bermakna bilangan guru pun akan dikurangkan. Saya berharap pihak Menteri Kewangan boleh mengubah sikit pendiriannya.

Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus: Saya ingat Yang Berhormat kena masuk Barisan. Masuk Barisan dulu. Terima kasih atas pandangannya tapi saya fikir kena masuk Barisan. *[Ketawa]* Boleh? Jadi, yang sebenarnya Tuan Pengerusi, tiada siapa yang setuju hendak potong ini. Kita sudah luluskan di sini sama-sama. Masalah kegawatan ekonomi ini kita tidak minta. Waktu itu belum berlaku lagi. Tinggal lagi bila ia berlaku, kalau kita cakap hendak buat pun duitnya tidak ada, hendak macam mana Yang Berhormat. Jadi, itu pasal saya fikir elok Yang Berhormat timbang masuk ke Barisan dulu. Kita sama-sama buat kerja ini. Itu pun baiklah. Kalau hendaklah, kalau tak hendak, tak apa. *[Ketawa]* Baik, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Jadi, walaupun begitu, saya hendak tekankan, jangan pulak ada yang salah faham. Saya tidak mahu ada salah faham.

Kita sudah tentukan 90 buah sekolah ini. Kita sudah bagi ketegasan dalam Dewan yang mulia ini, 90 buah ini kita akan jalan terus cuma kita mulalah dengan RM50 juta ini. Program untuk 90 itu tidak kurang. Tidak tukar. Tahu tak? Janganlah Yang Berhormat buat begini, Yang Berhormat buat begini, tidak usah. Kena yakinlah. Kita buatlah, ya. Tinggal lagi macam mana gaya kita hendak buat dari segi ratio, murid dengan guru, murid dengan komputer, itu terpulang kepada kebijaksanaan pegawai-pegawai dan kita di kementerian inilah. Insya-Allah, kita akan baca satu persatu dan kalau Yang Berhormat hendak ratio yang satu, satu pun kita di kementerian lagi hendak buat yang lebih baik daripada itu. Itu saya boleh cakaplah di Dewan yang mulia ini.

Kemudian soal kadar bayaran di Universiti Hospital yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong ini. Saya juga hendak jelaskan bahawa kadar bayaran yang dikenakan di Universiti Hospital sekarang adalah sama sebelum hospital tersebut dikorporatkan. Kadar sedia adalah bersamaan dengan kadar kelas dua di hospital kerajaan yang lain. Kali terakhir Universiti Hospital mengkaji semula kadar bayarannya adalah 14 April 1997 yang lalu. Di mana melibatkan kadar-kadar untuk pesakit-pesakit luar sahaja. Jadi perubahan kadar tersebut kali pertama dibuat sebenarnya sejak Universiti Hospital ditubuhkan pada tahun 1967. Iaitu setelah 30 tahun hospital itu beroperasi. Yang Berhormat pun ada klinik, kadang-kadang tiap-tiap bulan naik harga. Betul tak? Ini 30 tahun, itu pun sikit, orang yang mampu, Yang Berhormat orang yang tidak mampu pun, saya ingat naik juga harga, agaknyalah. *[Ketawa]* Kenaikan yang dilaksanakan adalah selepas pada tahap yang minima setelah mengambil kira segala kos-kos rawatan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jelevu, pertamanya telah membangkitkan soal keselesaan Pejabat Pendidikan Daerah. Saya sedar, saya juga insaf akan iklim ataupun suasana yang menyelebungi bukan sahaja Pejabat

Pendidikan Daerah, Pejabat Pegawai Pendidikan Daerah di daerah Jelevu tetapi di seluruh Malaysia ini sebenarnya oleh kerana kita menumpang, kita buat pejabat-pejabat di sekolah-sekolah dan bangunan-bangunan yang kita fikirkan boleh dijadikan tempat, ada pegawai-pegawai kita bekerja.

Kita mengambil tindakan dari semasa ke semasa untuk menaikkan taraf bangunan sedia ada supaya ia dapat memberi keselesaan bekerja kepada kakitangan yang terlibat. Dari segi jangka panjang, sememangnya Kementerian Pendidikan ada perancangan untuk mewujudkan bangunan baru bagi pegawai atau pejabat pendidikan daerah kita. Walau bagaimanapun ini semuanya banyak bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Soal keperluan bilik-bilik darjah khususnya di Sekolah Kebangsaan Petaseh ini, sebenarnya memang betul-tahun sudah pun saya kata kita sudah masukkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan ini soal pelaksanaan sahaja dan insya-Allah perkara ini akan disempurnakan dengan sebaik mungkin. Kemudian ini soal kerja-kerja baik pulih Sekolah Kebangsaan Amar Penghulu, suka saya nyatakan bahawa ini akan dilaksanakan dan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan telah pun mengenal pasti kerosakan- kerosakan di sekolah tersebut.

Suka saya sebut pada peringkat ini bahawa pada tahun 1997 sebanyak RM35 juta telah diperuntukkan bagi membaiki sekolah-sekolah daif di seluruh negara dan jumlah kewangan tersebut telah pun habis kita gunakan. Bagi tahun ini peruntukan untuk sekolah-sekolah daif ini sedang kita muktamadkan. Soal hendak menggunakan atau cara hendak menggunakan semula empat tapak sekolah untuk dimanfaatkan kepada guru ataupun pelajar, sukalah saya nyatakan bahawa semua tapak sekolah ini adalah rizab Kementerian Pendidikan dan didaftarkan di atas Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Buat masa ini Jabatan Pendidikan belum mempunyai rancangan di tapak tersebut kecuali tapak Sekolah Rendah Kebangsaan Undang Jelevu yang dipohon oleh pihak

swasta untuk dijadikan asrama Kuala Kelawang Medical College. Soal sama ada Tabung Pendidikan Nasional ini dapat dipanjangkan kepada pelajar-pelajar peringkat diploma. Suka saya nyatakan bahawa dana yang disediakan setakat ini hanyalah untuk kemudahan pinjaman pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus di peringkat Ijazah Pertama di IPTA dan IPTS sahaja.

Walau bagaimanapun, kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelevu atas pandangan dan akan mengambil langkah-langkah yang kita fikirkan sesuai supaya perkara ini dapat dilaksanakan di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menimbulkan terutama sekali soal pengambilan tanah yang dikatakan lambat di kawasan Yang Berhormat Balik Pulau. Saya suka menyatakan di sini bahawa proses pengambilan balik tanah bagi projek pendidikan di Balik Pulau sebenarnya tidak ada mengalami masalah, tinggal lagi kita pun maklum soal urusan pentadbiran tanah ini dia punya perkara-perkara yang perlu diselesaikan itu banyak, itu kalau hendak dikatakan lambat sedikit, memang ada, kita mengakui proses itu kadangkala memakan masa sedikit, tapi bukan kata tergendala-tidak, dan semua projek yang diluluskan telah pun selesai diuruskan pengambilan tanah ini.

Soal potongan peruntukan, sebenarnya potongan peruntukan pembangunan bagi kementerian adalah sebanyak 28.5%, daripada peruntukan asal. Pemotongan ini tidak dapat dielakkan, memandangkan kepada masalah ekonomi negara kita sekarang ini.

Mengenai pusat-pusat tuisyen ataupun kemudahan-kemudahan bimbingan yang ditimbulkan sama ada ianya sesuai ataupun tidak diwujudkan dalam sistem pendidikan kita ini, suka saya nyatakan bahawa sekolah-sekolah sememangnya mengadakan kelas-kelas tambahan bagi mengukuhkan pemahaman pelajar-pelajar. Bagi pelajar-pelajar yang sangat lemah, terutamanya pelajar-pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran 3M

(membaca, menulis dan mengira), kelas-kelas pemulihan diadakan melalui program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri di sekolah-sekolah.

Mengenai soal hendak menahan pelajar-pelajar yang lemah di tahun 6, Kementerian Pendidikan perlu mengadakan kajian yang lebih mendalam mengenai perkara ini, memandangkan selain daripada faktor akademik, faktor-faktor lain seperti motivasi, psikologi, emosi, jasmani, persekitaran dan lain-lain juga perlu diambil kira. Mengenai pelajar-pelajar Tingkatan 3 pula, Kementerian Pendidikan sememangnya membenarkan pelajar-pelajar yang memenuhi syarat untuk mengulang pengajian di tingkatan tersebut.

Yang Berhormat dari Libaran, telah menimbulkan beberapa perkara secara khusus, terutama mengenai Sekolah Rendah Ilapura, yang hendak diketahui kedudukannya. Suka saya nyatakan bahawa di situ terdapat dua projek pembangunan sekolah di Ilapura. Satu, Sekolah Kebangsaan Rimba, projek ini merupakan projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Keenam, telah pun disiapkan. Dan ada satu lagi Sekolah Kebangsaan Merpati, projek ini telah dimulakan pada 1 Oktober, 1997 dan dijangka siap pada bulan Mac, 1999. Status kemajuan projek pada masa ini adalah sebanyak 23%.

Kemudian soal peruntukan Universiti Malaysia Sabah sama ada dipotong ataupun tidak, sebenarnya semua kementerian pun terlibat dalam pemotongan ini. Untuk makluman, peruntukan pembangunan untuk semua universiti pada tahun 1998 telah dikurangkan sebanyak RM440 juta, akibat daripada masalah ekonomi negara. Ini termasuk juga peruntukan Universiti Malaysia Sabah, yang dikurangkan daripada RM350 juta kepada RM260 juta. Namun demikian, saya suka memberikan penegasan di sini bahawa projek pembangunan kampus tetap UMS tersebut pasti dan tetap diteruskan oleh kerajaan.

Satu perkara lagi Yang Berhormat timbulkan ialah soal kelebihan guru di Kelantan dan di Pulau Pinang, saya pun tidak tahu pasal apa dia timbulkan soal Kelantan dan Pulau Pinang, tapi tak apa, melibatkan kita semua. Masalah ini sebenarnya timbul kerana soal pertukaran guru yang memohon balik ke negeri asal khususnya di negeri Kelantan. Masalah ini juga timbul kerana ramai guru perempuan, guru wanita yang bertukar kerana mengikut suami masing-masing. Adalah menjadi prinsip kita di kementerian ini, Tuan Pengerusi, seboleh-bolehnya untuk tidak memisahkan antara suami dan isteri dalam sektor pendidikan ini.

Soal perumahan guru, saya suka menyatakan bahawa projek perumahan diberikan keutamaan di Sabah dan juga di Sarawak. Antaranya ialah mewujudkan projek perumahan ataupun melaksanakan program perumahan ini secara penswastaaan, dan kita memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan dengan cara sama ada kita menaikkan taraf bangunan yang uzur dan juga meningkatkan pembekalan air dan juga elektrik secara tindakan bersama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Soal latihan IT atau Teknologi Maklumat kepada guru-guru...

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelevu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas segala jawapan yang Dato' Timbalan Menteri berikan tadi. Tetapi saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan, walaupun keutamaan diberikan kepada Sabah dan Sarawak untuk rumah-rumah guru dan kompleks perguruan, saya hendak menekankan kepada perancangan yang telah dibuat mengenai dengan perumahan guru yang ada di kawasan Negeri Sembilan, khasnya di Jempol dan Jelevu, saya sebut Jempol kerana kawasan Dato' Timbalan Menteri juga, yang sebahagiannya dalam Parlimen Jelevu.

Apa yang menyedihkan ialah masalah guru-guru yang melebihi 200 orang bilangannya di beberapa buah sekolah, hanya buat masa ini tinggal di rumah-rumah murah dan rumah-rumah sewa, oleh kerana arahan kerajaan tempatan tidak membenarkan rumah-rumah murah ini disewakan kepada orang, dan kuatkuasanya telah pun dilakukan, bermakna guru-guru ini terpaksa keluar dari rumah-rumah sewa mereka. Dan di sekolah-sekolah berkenaan tidak mempunyai kuarters guru, malah mereka ini ada yang berulang dari Jempol, berulang dari Kuala Pilah pun ada, daripada Simpang Pertang pun ada, jadi ini menimbulkan masalah kepada guru-guru.

Saya yakin dan percaya kalau keadaan ini begitu lama ditanggung menyebabkan guru-guru sebahagiannya akan merasa terhimpit dan jemu sebab itu akan mengurangkan lagi minat dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu apakah rancangan, walaupun dalam keadaan sekarang ini saya rasa selain daripada bilik darjah, masalah perumahan guru juga perlu diutamakan, walaupun di Malaysia kita menghadapi masalah kegawatan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat dari Jelevu. Tuan Pengerusi, sepanjang yang saya ingat program perumahan rumah guru yang dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya, setakat yang sudah siap ini melebihi angka 3,000 unit dan kita berharap mulai bulan Julai ini selewat-lewatnya, salah satu program penswastaaan yang telah pun diluluskan oleh kerajaan melibatkan pembinaan kira-kira 10,000 rumah guru akan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, dan dalam masa yang sama kita juga sedang meneliti langkah-langkah untuk mengadakan satu lagi program penswastaaan yang melibatkan tambahan 10,000 rumah guru yang akan juga dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Jadi kita berharap dengan terlaksananya program-program ini, saya pun tahu ia memakan masa yang agak lama tetapi dari segi program ini kita telah pun membuat beberapa keputusan yang kita harap akan dapat mengatasi banyak

masalah tempat tinggal di kalangan guru-guru kita terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Memang saya sendiri pun insaf akan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru kita terutama di kawasan-kawasan luar bandar dari segi tempat penginapan ini. Dan dari segi kementerian kita harap dengan terlaksananya program ini nanti, ia akan banyak meringankan beban yang dihadapi oleh guru-guru kita.

Tuan Pengerusi, saya teruskan dengan memberikan penjelasan kepada Yang Berhormat dari Libaran mengenai latihan I.T. Kementerian Pendidikan telah menyediakan program latihan guru yang memberi penekanan kepada perkembangan teknologi maklumat dengan mewajibkan semua guru pelatih mengikuti kursus teknologi maklumat sejak tahun 1993. Latihan ini menggunakan modul latihan yang menekankan kepada pendekatan hands on, dengan izin, dan simulasi.

Di samping itu, satu program latihan Jurulatih Utama dalam penggunaan teknologi maklumat dan multi-media untuk bidang Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sedang dijalankan untuk guru-guru sekolah rendah dan menengah.

Soal perluasan konsep sekolah bestari, saya sudah sebutkan tadi cuma saya hendak tambah sedikit sahaja lagi. 90 buah sekolah bestari yang akan dimulakan pada tahun hadapan (1999), kita harap akan menjadi, dengan izin, test-bed ataupun ujian dan juga panduan kepada konsep sekolah bestari ini iaitu pengajaran dan pembelajaran yang dibantu oleh teknologi multi media.

Apabila pelaksanaan ini didapati memuaskan dan kita mengenal pasti kalau sekiranya ada apa-apa kekurangan kita akan cuba memperbaiki dan mempertingkatkan serta memperluaskan secara beransur-ansur di negara kita ini. Setakat ini suka juga saya sebutkan iaitu setiap sekolah telah dibekalkan dengan satu set komputer untuk tujuan pentadbiran dan banyak mana boleh kita

tambah pembekalan komputer di sekolah-sekolah ini banyak bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Soal guru-guru sandaran, saya suka menjelaskan bahawa mereka diberi peluang sebenarnya untuk mengikuti latihan perguruan agar menjadi guru yang terlatih. Bagaimanapun, mereka mesti mempunyai syarat-syarat kelayakan. Sebenarnya ini yang menjadi masalah. Mereka mesti mempunyai syarat-syarat kelayakan untuk memasuki Maktab Perguruan.

Kemudian soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Libaran juga ialah soal reformasi pendidikan di Sabah. Sebenarnya reformasi pendidikan ini telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri dan ia meliputi seluruh negara kita dan kita sedar akan kekuarangan-kekurangan yang berlaku di Sabah dan Sarawak, begitu juga di kawasan-kawasan pedalaman di Semenanjung ini. Di bawah gerakan reformasi-reformasi pendidikan yang kita laksanakan sekarang ini, ia melibatkan banyak perkara bermula daripada kemudahan asas, tenaga perguruan, peralatan dan lain-lain, sudah pastilah ia memerlukan ataupun melibatkan kewangan yang banyak, tenaga yang ramai dan penelitian yang cukup cermat. Kita berharap dengan adanya perubahan-perubahan yang kita buat melalui reformasi ini secara beransur-ansur pada akhirnya akan dapat memberikan lonjakan kepada usaha-usaha kita hendak mempertingkatkan baik dari segi kemudahan, tenaga perguruan dan peralatan dalam soal hendak menyalurkan ilmu dan pengetahuan kepada anak-anak kita di seluruh negara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menimbulkan balik soal kriteria memasuki universiti dan saya pun sudah memberi penjelasan dahulu. Sebenarnya kemasukan ke IPT mengambil kira 90% prestasi akademik dan 10% penglibatan di dalam kokurikulum. Dahulu kita tiada memberi markah, tiada memberi point kepada kegiatan-kegiatan kokurikulum yang disertai oleh murid-murid ataupun pelajar-pelajar kita. Tetapi sekarang ini kita

sudah membuat keputusan dan itu menunjukkan bahawa kita tidak dapat lari daripada soal hendak mengisi falsafah pendidikan negara kita ini yang mana ktia hendak melahirkan insan yang seimbang ataupun all rounded person ini. Tetapi apabila kita menjurus secara khusus, secara spesifik, dengan izin, kepada soal kemasukan pelajar ke universiti sudah pastilah pencapaian akademik itu lebih diutamakan sebab kita bersandarkan kepada soal politik, soal hendak mencapai pendidikan taraf dunia dan lain-lain.

Soal hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bagi rantau ini. Jadi semua itu mestilah berasaskan, berteraskan kepada ilmu dan pengetahuan yang cukup kukuh dan tidak boleh dipertikaikan kredibiliti atau mutu dan nilainya. Itulah sebabnya kita berpegang kepada pendekatan yang sedemikian.

Yang Berhormat dari Batang Lupar juga telah bertanya soal pelaksanaan 31 buah sekolah di Sarawak yang dicadangkan. Apa sudah jadi kepada projek ini? Saya suka menjelaskan iaitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 20 buah sekolah di Sarawak akan dibina secara turnkey ataupun design and build, dengan izin, oleh kontraktor berwibawa di Negeri Sarawak. Kebanyakan sekolah tersebut akan mula dibina pada tahun 1998 ini walaupun berlaku kegawatan ekonomi. Itu jaminan yang diberi oleh kementerian.

Yang Berhormat dari Senai menimbulkan soal ijazah luar kampus ini. Saya suka menjelaskan pada dasarnya kementerian memberi kelonggaran untuk penggunaan bahasa Inggeris terutamanya dalam bidang-bidang pendidikan yang profesional seperti bidang kejuruteraan dan juga bidang komputer dan lain-lain.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah menimbulkan soal membenarkan guru-guru yang bersara untuk diambil semula secara perkhidmatan kontrak. Suka saya menerangkan bahawa Kementerian Pendidikan memang menyedari terdapat kekurangan guru-guru bahasa Cina di

sekolah-sekolah. Untuk mengatasi masalah ini beberapa langkah telah diambil seperti menambah bilangan calon masuk ke maktab perguruan dalam jurusan bahasa Cina. Cuma saya hendak sebut pada peringkat ini, saya sudah siasat sedikit perkara ini. Guru-guru yang mengambil option pendidikan bahasa Cina ini kita harap dia akan mengajar bahasa Cinalah, jangan dia pergi mengajar perkara lain. Saya sudah dapat kesan perkara ini. Jadi, saya tidak mahu perkara ini dijadikan alasan untuk menambah bilangan guru dengan alasan kurang guru untuk mata pelajaran Bahasa Cina. Kalau mengikut maklumat yang saya sudah dapat ini, kekurangan itu kita terima, ada. Tetapi saya juga tahu ada guru-guru yang patut mengajar mata pelajaran Bahasa Cina tetapi mengajar perkara lain. Ini saya akan mengambil tindakan supaya diperbetulkan. Supaya tidak timbul masalah inilah.....

Datuk Lim Si Cheng: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak ada masalah, tidak payahlah, Yang Berhormat tanya, sudahlah.

Satu lagi, supaya kita mengambil semula guru-guru yang genap perkhidmatan 55 tahun sebagai guru kontrak dan perkhidmatan guru sandaran bagi mata pelajaran kritikal. Ini kita masih timbang dan kita tengok kepada keperluannya pasal kita berhadapan dengan masalah kegawatan ekonomi sekarang ini. Kita harap masalah kekurangan guru bahasa Cina ini dapat kita selesaikan, jangan timbul-timbul lagilah di masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah menimbulkan soal pembinaan Sekolah Wawasan dan juga dewan di sekolah-sekolah menengah. Jadi, pembinaan dewan di sekolah menengah sekarang ini tidak diberi keutamaan yang tinggi seperti dahulu kerana masalah-masalah kewangan yang kita hadapi sekarang. Tetapi prinsipnya kita memang berhasrat untuk mengadakan, mendirikan dewan-dewan kepada pelajar-pelajar ataupun murid-murid kita di sekolah-sekolah. Untuk makluman, setakat ini kementerian telah merancang 7

buah projek Sekolah Wawasan di mana pelajar dari 2 atau 3 aliran akan belajar di bawah satu bumbung sekolah.

Khusus soal Sekolah Wawasan di Taman Universiti, Skudai, suka saya nyatakan bahawa sebuah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah sedang dalam pembinaan di Kompleks CIQ. Sekolah-sekolah ini dijadualkan siap pada penghujung tahun 1998 dan dirancang beroperasi pada sesi pertama sidang persekolahan tahun 1999.

Yang Berhormat dari Pasir Mas, pasai hendak membuat surau. Memang benarlah kita tidak ada peruntukan yang khusus. Pada prinsipnya kita bersetuju, kalau bolehlah diadakan satu subhead ataupun peruntukan yang khusus untuk mendirikan surau ini, tinggal lagi keupayaan kerajaan. Pokoknya di sini ialah tujuan kita untuk mengajar, membimbing, mengasuh anak-anak kita belajar bersembahyang. Didikan agama itu boleh kita sampaikan, disalurkan melalui pelajaran-pelajaran yang diberikan di sepanjang masa mengikut jadual waktu yang telah disediakan. Untuk sementara waktu ini kita harap kita akan cuba sama-sama ikhtiar untuk membantu mana-mana juga sekolah dalam soal hendak mengatasi masalah ini. Saya faham masalah hendak mendirikan kemudahan surau di sekolah-sekolah ini dan saya percaya kalau setiap daripada kita bergabung tenaga, mungkin ini akan dapat menyelesaikan secara beransur-ansur masalah kita.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kinabalu ada perkara-perkara yang dibangkitkan sudahpun saya sebut mengenai Universiti Malaysia Sabah. Sebagai kesimpulannya, suka saya jelaskan bahawa setiap pandangan yang diberikan oleh setiap Yang Berhormat dalam debat ini sentiasa kita hargai dan sanjung tinggi dan kita harap dengan adanya sokongan dan teguran yang membina dari Yang Berhormat semua, kita akan dapat menunaikan tanggungjawab dan amanah ini sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM39,818,633 untuk Maksud B.26; dan RM3,694 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM39,818,633 untuk Maksud B.26; dan RM3,694 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM173,370,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM173,370,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997.

Maksud B.30 [Jadual] -

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Kota Melaka.

5.18 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan P.28 iaitu RM40 juta. Saya ingin tahu berdasarkan perkiraan apa RM40 juta ini dikehendaki sebagai bayaran awal untuk mengambil alih projek Hidroelektrik Bakun. Bolehkah kerajaan beritahu sebab jumlah RM40 juta dipilih atau adakah ia satu angka yang dicabut sesuka hati?

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan pada Isnin lalu bahawa kerajaan telah bercadang membayar RM200 juta sebagai pampasan untuk kerja-kerja yang dijalankan oleh Ekran. Memandangkan bahawa

Hidroelektrik Bakun mempunyai aset sebanyak RM770 juta akhir November pada tahun lepas dan liabiliti sebanyak pinjaman RM436 juta kepada bank-bank kewangan, RM210 juta kepada Ekran dan RM24 juta kepada Dong Ah Constructions dari Korea Selatan, bolehkah jumlah ini disahihkan sebagai benar oleh satu lagi pengauditan syarikat perakaunan antarabangsa? Adakah kerajaan akan membuat bayaran RM460,000,000 ini kepada Bank Kewangan dan Dong Ah Constructions Sdn. Bhd. dan bolehkah bayaran dibuat kepada Ekran bila Ekran telah menyalahgunakan sebahagian daripada tabung wang RM1.5 bilion daripada rights issues tahun lepas. Ekran telah mengeluarkan satu rights issue sebanyak RM1.5 bilion seperti berikut:

membayar balik pinjaman RM273 juta; untuk subscribe kepada Wembley right issue RM156,000,000; modal kerja RM159.1 juta; membayar balik pinjaman bank Ekran RM197 juta; dan untuk subscribe kepada share di Hidroelektrik Bakun RM660 juta dan juga semua perbelanjaan untuk rights dan bond issue RM21 juta; keseluruhannya RM1,465.7 juta. Sehingga sekarang kita masih tidak tahu berapa banyakkah daripada jumlah ini telah pun digunakan. Bolehkah kementerian menyatakan berapa jumlah wang tunai ini telah pun digunakan secara sah dan mengikut lunas undang-undang? Mengikut penyata kewangan Ekran untuk akhir bulan Jun 1997, Ekran masih mempunyai RM1,348 juta wang tunai dalam bank iaitu kekurangan

RM118 juta daripada RM1,466 juta yang diterbitkan daripada rights issue ini.

Ini ialah untuk akhir bulan Jun 1997, selepas akhir Jun 1997 ini, kita tidak tahu kedudukan sebenarnya. Pengakuan EKCRAN semasa membuat dan mengumumkan penyata kewangannya, bahawa ia telah menggunakan untuk tujuan lain. Wang ini untuk tujuan lain. Menimbulkan pertanyaan mengapakah auditor EKCRAN (Arthur Andersen and Company) tidak menyelidiki perkara ini dengan lebih mendalam dan EKCRAN baru mengumumkan kerugian bersih sebanyak RM453 juta untuk akhir tahun 1997, yang merupakan perbezaan besar daripada pengumuman awal keuntungan sebelum diaudit sebanyak RM93.4 juta. Ini merupakan satu perbezaan pengumuman keuntungan sebelum dan selepas diaudit yang paling besar di antara syarikat-syarikat di Malaysia. Bukankah tindakan harus diambil ke atas perbezaan besar ini? Siapakah syarikat audit yang bertanggungjawab dan mengapakah tindakan tidak diambil?

Yang penting sekali Tuan Pengerusi, bolehkah kita mempercayai due diligence yang dijalankan ke atas projek hidroelekterik Bakun dan EKCRAN patut dibayar RM200 juta bila perbezaan yang begitu ketara dan serius boleh berlaku seperti yang ditunjukkan di atas? Oleh yang demikian adalah perlu, kita mesti 100% pasti dengan melantik satu lagi pakar perunding sebelum bayaran RM200 juta ataupun RM40 juta yang sekarang dipohon diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dibuat.

Akhirnya, adakah benar bahawa projek Bakun ini akan dipulihkan seperti mana yang ditandakan oleh EKCRAN dalam satu pengumuman. Bolehkah kita dapat tahu kerugian yang akan dialami oleh kerajaan ataupun pihak swasta kerana terlibat dalam projek ini.

Tuan Pengerusi, adalah diharapkan juga, Maksud B.30 bahawa perbelanjaan sebanyak RM6.7 bilion untuk projek-projek pembangunan,

tidak disalahgunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu yang menghadapi masalah kewangan. Bolehkah saya dapat tahu pecahan perbelanjaan pembangunan ini? Perlu ditegaskan bahawa wang pembangunan digunakan untuk kepentingan rakyat. Kita tidak boleh terima logik bahawa syarikat-syarikat tertentu harus diselamatkan, semata-mata kerana mereka membayar cukai. Kalau begitu, tidak ada seorang pekerja harus dipecat kerana mereka sama-sama juga membayar cukai. Mengapakah kerajaan tidak menghalang pula pekerja dipecat, tetapi masih bersikap double-standard dengan meminta syarikat besar diselamatkan. Oleh yang demikian saya harap, bahawa semua wang perbelanjaan yang dialihkan ini, kita boleh pastikan bahawa ia benar-benar digunakan untuk tujuan seperti mana yang disebutkan.

Satu lagi perkara yang saya ingin hendak sentuh, iaitu berbalik kepada projek Bakun, Tuan Pengerusi, iaitu dengan pendek sahaja. Saya ingin dapat tahu siapakah yang membuat keputusan tentang pembayaran pampasan Bakun? Adakah dibuat oleh Kementerian Kewangan ataupun oleh EPU? Kerana di sini saya rasa terdapat kekeliruan, sebenarnya siapakah agensi yang membuat keputusan muktamad, kerana kadangkala kita lihat EPU pula membuat keputusan tetapi pada masa yang lain Kementerian Kewangan. Saya harap perkara ini boleh dijawab dengan teliti oleh pihak kerajaan kerana ini adalah satu perkara berkepentingan awam, dan melibatkan wang orang ramai yang begitu besar bukan sahaja menjejaskan masa hadapan penduduk-penduduk yang terjejas, tetapi juga khazanah negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Machang

5.25 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ambil masa ringkas sahaja pertama Maksud P.28 berhubung dengan pembayaran sebanyak RM40 juta yang telah didahulukan kepada

Bakun Berhad. Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat tahu bagaimana kedudukan terakhir sekarang? Di antara pemegangan ekuiti EKTRAN Bhd. dalam projek Hidroelektrik Bakun.

Yang keduanya, bayaran RM40 juta itu adalah merupakan bayaran pendahuluan yang telah didahulukan sebelum daripada ini. Persoalannya berapakah sebenar bayaran akhir yang perlu dibayar oleh kerajaan untuk mengambil alih Syarikat Bakun ini daripada EKTRAN yang saya percaya mempunyai kepentingan saham lebih kurang 30% dalam projek ini.

Yang ketiganya, apakah akan jadi kepada projek ini di masa yang akan datang kerana ianya adalah merupakan projek strategik negara dan setelah pengambilalihan ini, adakah ianya akan diteruskan atau adakah satu restructure atau penjadualan semula ataupun satu tawaran baru akan diberi kepada mana-mana syarikat untuk meneruskan kepentingan syarikat ini.

Yang keempatnya, bayaran akhir yang akan dikenakan nanti, tentulah lebih daripada RM40 juta. Apakah faktor-faktor yang diambil kira untuk menentukan jumlah bayaran akhir yang akan dibayar kepada EKTRAN. Setelah mengambil kira bahawa keuntungan yang telah pun diperolehi oleh EKTRAN daripada pembalakan dan sebagainya, hasil pembalakan di atas kawasan yang begitu luas, saya percaya EKTRAN selama ini telah mendapat satu jumlah yang agak lumayan daripada hasil pembalakan. Jadi adakah bayaran sebanyak RM40 juta dan bayaran-bayaran lain yang mungkin akan dibuat selepas ini telah mengambil kira keuntungan-keuntungan keseluruhan yang diperolehi daripada EKTRAN hasil daripada perjanjian awal yang dibuat dengan pihak kerajaan. Itu yang pertama.

Yang kedua, berhubung dengan Maksud B.30 Tuan Pengerusi, iaitu sebanyak peruntukan sebanyak lebih daripada RM6 bilion adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan. Tuan Pengerusi, kita akui bahawa

sekarang kita menghadapi satu keadaan yang amat sukar dan kerajaan tentulah kena merancang kedudukan kewangan begitu teliti bagi memastikan bahawa kesan daripada krisis ekonomi sekarang, tidak menjejaskan rakyat secara keseluruhannya. Saya percaya kesan daripada keseluruhan economic crisis kita sekarang ini masih lagi belum mencapai tahap ke peringkat bawah, dengan kata lain belum sampai ke peringkat akar umbi. Rakyat di peringkat bawah, masih belum merasainya sebegitu hebat setakat ini. Jadi saya ingin bertanya adakah peruntukan-peruntukan untuk pembangunan rakyat di peringkat bawah ini terjejas hasil daripada kedudukan ekonomi sekarang. Dan saya percaya sebahagian besar daripada wang sebanyak RM6 bilion ini sebahagiannya adalah digunakan untuk membangunkan negeri-negeri, membantu negeri-negeri yang miskin dalam negara ini.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin dapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, berhubung dengan penjelasan yang telah beliau berikan dalam Dewan ini pada 20 haribulan yang lepas iaitu dalam *Hansard* muka surat 116, berhubung dengan bantuan-bantuan pembangunan dan bantuan-bantuan lain yang telah diberikan oleh kerajaan pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Mengikut beliau, dalam jawapan pada 20 haribulan yang lepas Kerajaan Persekutuan, bayaran balik hutang kepada Kerajaan Negeri Kelantan daripada Kerajaan Persekutuan daripada tahun 1990 hingga sekarang ialah sebanyak RM104.15

juta. Ini bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada kerajaan pusat. Sepatutnya jumlah sebenar yang dibayar oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada kerajaan pusat ialah RM396.18 juta iaitu kekurangan kelewatan pembayaran, kekurangan sebanyak RM292.02 juta ataupun kegagalan menjelaskan RM73.71%.

Jadi saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selain daripada penjadualan semula bayaran-bayaran ini, apakah bentuk-bentuk ataupun hutang-hutang Kerajaan Negeri Kelantan kepada kerajaan pusat yang telah diberi penjadualan semula, iaitu pertama saya ingin tahu penjadualan semula mengenai hutang Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan yang saya percaya telah mencapai angka RM140 juta yang tidak terbayar sekarang. Bagaimana perkembangan terakhir kedudukan ini?

Yang keduanya, ialah projek pembangunan rumah murah yang telah didahulukan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM25 juta tertunggak bagaimana kedudukan ini sekarang.

Dan yang ketiganya projek-projek lain yang saya dipercayakan projek pembangunan lain telah berjumlah RM44 juta, bagaimana bayaran ini harus dibuat. Selain daripada itu ialah pembangunan untuk air di negeri Kelantan. Saya difahamkan bahawa telah tertunggak sebanyak RM80 juta, bagaimana penjadualan semula ini harus dibuat?

Saya bangkitkan perkara ini, Tuan Pengerusi, ialah kerana Yang Berhormat dari Tumpat beberapa hari lepas telah membangkitkan soal penjadualan semula atau reschedule oleh beberapa buah bank kepada beberapa

syarikat. Jadi, kalaulah Kerajaan Pusat boleh membuat satu penjadualan semula kepada Kerajaan Negeri Kelantan, tidak harus mengapa Yang Berhormat dari Tumpat mempersoalkan bagaimana tindakan Kerajaan Pusat untuk melakukan penjadualan semula kepada beberapa syarikat strategik yang boleh menjejaskan prestasi dan ekonomi negara di masa hadapan. Jadi, kalaulah kepada Kerajaan Kelantan boleh dibuat, mengapa dipersoalkan kepada Kerajaan Pusat? Jika ini dipersoalkan, saya nampak Yang Berhormat dari Tumpat bersikap 'double standard'. Apabila penjadualan semula dibuat oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri, beliau berdiam diri, tetapi apabila Kerajaan Pusat membuat penjadualan semula kepada beberapa buah syarikat, terutamanya akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara, beliau mempersoalkan.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen menjelaskan kepada rakyat dan kepada Dewan yang mulia ini tentang kedudukan wang-wang yang telah didahulukan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Kelantan di bawah beberapa tajuk yang telah saya nyatakan tadi. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kepong

5.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai masalah Bakun B.28, cuma ringkas sahaja saya akan bangkitkan. Mengenai laporan Price Waterhouse, sejak 30 November tahun lepas yang membuat kajian akaun projek yang dilaksanakan oleh EKCRAN setakat ini dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Melaka tadi mengenai due diligent exercise. Memang Tuan Pengerusi, kajian itu sudah disiapkan, bolehkah kajian ataupun laporan Price Waterhouse ini diumumkan supaya kita dapat mengetahui setakat manakah liability ataupun due diligent itu telah diketahui dan setakat mana pihak kementerian akan membayar pampasannya, bukan setakat yang disebutkan oleh Yang Berhormat

tadi, kerana kita pun tidak tahulah setakat mana ‘amaun’ yang akan dibayar oleh pihak Kementerian Kewangan dikorporatkan.

Tuan Pengerusi, sejak 20 November tahun lalu, Kementerian Kewangan sudah menubuhkan satu syarikat sebagai Kementerian Kewangan dikorporatkan untuk mengambil alih daripada EKCRAN dan juga untuk projek Bakun Hydroelectric Corporation Berhad (BHCB).

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini kerana saya pun bimbang kerana yang pertama satu projek raksasa ini sebahagian sudah dilaksanakan, misalnya terowong melencong sungai (river diversion tunnel)’ dan ini memang bahagian yang kritikal dan strategik untuk projek tersebut dan setakat ini ada lebih 69,000 hektar hutan yang telah pun dikerjakan oleh pihak EKCRAN. Ini bermakna pihak EKCRAN sudah pun menebang banyak balak, daripada 69,000 hektar hutan di sekitar tapak projek tersebut. Apakah amaun balak-balak yang dijual daripada kawasan tersebut, Tuan Pengerusi. Memang ini relevan kepada peruntukan tambahan yang diminta sekarang, Tuan Pengerusi, kerana RM40 juta ini merupakan bayaran awal untuk mengambil alih projek tersebut.

Tuan Pengerusi, masalah kedua EKCRAN yang saya nampak sekarang ialah di bawah EKCRAN ini ada Granite Industries Berhad, PWE Industries Berhad, Pasific Chemical Berhad dan Wembley Industries Berhad. Sesetengah syarikat seperti Wembley Industries Berhad sudah muflis, mungkin ada syarikat yang lain muflis lagi. Apakah yang akan terjadi dengan semua ini kerana kita nampak pada satu ketika satu projek yang begitu dilaung-laungkan sekarang ada syarikat-syarikat di bawahnya sudah muflis. Sebahagian faktornya kerana kegawatan ekonomi dan ada faktor-faktor yang lain. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan setakat mana penyelesaian atau ‘settlement’nya.

Tuan Pengerusi, mengenai projek yang ditangguhkan ini. Kalau menurut pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, projek ini tidak akan dimulakan lagi dan apa yang dibuat itu ialah untuk pertimbangan

alam sekitar dan keselamatan awam. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat manakah projek ini dilaksanakan untuk alam sekitar dan keselamatan awam. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bintulu.

5.37 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Merujuk kepada P.28 - Projek Hidroelektrik Bakun. Projek Empangan Bakun merupakan satu contoh, salah satu punca dan sebab yang membawa negara ke dalam kegawatan ekonomi. Orang ramai mempercayai bahawa kerajaan akan menjamin sekiranya ada yang tidak kena. Pelaksanaan projek-projek mega terpaksa membuat pinjaman besar dan berat, malah terlebih pinjam. Tatkala peraturan tidak ketat, penyeliaan lemah berikutan liberalisasi kewangan negara kita, bank-bank juga terlebih memberi pinjaman di bawah keadaan yang sama.

Kreditor antarabangsa tidak mengawasi dan terlebih memberi pinjaman kepada bank-bank tempatan dan institusi kewangan yang lain atas kepercayaan bahawa mereka akan ditolong sama ada oleh kerajaan ataupun oleh mana-mana pihak. Bank-bank dan syarikat kewangan tempatan tidak mengawasi pinjaman mereka atas beberapa sebab. Kebanyakannya juga berkait kepada kepercayaan bahawa kerajaan akan menjamin mereka jika berlaku tidak betul.

Sesetengah bank ada kaitan secara tidak langsung dengan pemimpin-pemimpin politik yang memberi pinjaman terus kepada sesetengah firma dan projek yang berbau politik. Pendeposit-pendeposit bank diberi jaminan bayar balik dan dengan itu mengawasi keputusan memberi pinjaman oleh bank menjadi terlalu longgar. Pihak bank sendiri mempercayai bahawa mereka akan dijamin jika berlaku sesuatu yang tidak betul kelak, kerana pinjaman asing berlebihan. Semua hilang pertimbangan apabila diberitahu dan mempercayai

bahawa rakyat Malaysia boleh berjaya apa jua di bawah matahari di bumi Malaysia. Akibatnya pihak bank meminjam terlalu banyak wang dari luar negeri dan kemudian menyalurkan pinjaman ke dalam projek pelaburan berisiko tinggi, kerana yakin boleh menjamin

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap atas dasar apa?

Tuan Chiew Chiu Sing: Ini sebab-sebab mengapa kerajaan..

Tuan Pengerusi: Tahu, tetapi kena berucap spesifik tidak mengapa, tetapi sekarang berucap atas dasar.

Tuan Chiew Chiu Sing: Baik, Tuan Pengerusi, sebenarnya seluruh projek empangan Bakun tidak sahaja mendatangkan kesan negatif ke atas krisis ekonomi kita tetapi juga mengakibatkan banyak ketidakadilan kepada kaum bumiputera negeri Sarawak dalam kawasan Bakun. Kerajaan ada bercakap tentang pampasan besar, RM200 juta kepada rakyat di sana, jika mereka sedia bersikap adil terhadap kerajaan tetapi dalam kenyataannya sepatutnya begitu. Apa yang saya faham apa yang mereka dapat sangat kurang. Cara bagaimana pampasan itu dikira sungguh tidak munasabah langsung - tiada kejujuran.

Menurut pegawai penilai, mana-mana pokok koko yang ditanam tetapi tidak begitu elok dan tidak menghasilkan banyak buah dikenakan potongan 50% atau jika mana-mana pokok yang tidak mencapai standard yang ditetapkan akan dikenakan diskaun beberapa peratus. Siapakah yang akan tahu apakah peratus potongan yang diberikan antara pokok yang sedang membesar dan pokok yang sudah matang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak ada kesudahan dalam cerita ini dan ia membangkitkan perasaan sakit hati di kalangan penduduk terbabit. Kemudian pegawai penilai datang semula dengan satu bentuk peraturan sendiri yang lain iaitu mana-mana tuntutan pampasan melebihi 3 ekar tanah dipotong 50% sedangkan kaum bumiputera biasanya mempunyai tanah sendiri yang luas kerana selama ini mereka bekerja keras sejak beberapa generasi. Ia

bertentangan dengan tradisi kaum bumiputera yang rajin bekerja tetapi mereka dikenakan hukuman, bagaimana mereka dihukum seperti ini kerana memiliki tanah yang luas. Sudah terlalu banyak diskaun, berapa pula yang mereka terima. Pastilah kaum bumiputera menerima pampasan yang kecil. Inilah cara yang mereka lakukan tanpa pertimbangan sebenar amaun pampasan yang patut diberi dan jauh sekali dari keikhlasan.

Sebagai contoh lagi, kaum bumiputera Sarawak telah dijanjikan bahawa rumah panjang lama akan dinilai dan amaun pampasan akan dijadikan bayaran bagi rumah panjang baru yang hendak dibina oleh kontraktor. Menurut penduduk, penilaian dibuat dengan tujuan sengaja direndahkan hanya RM30,000 iaitu kepingan papan dipotong, alang atau tiang pun dipotong manakala sebuah rumah panjang baru berharga lebih kurang RM50,000. Ini bermakna kaum bumiputera perlu mengeluarkan sendiri tambahan RM20,000 yang bermakna semua pampasan yang diperolehi dari tanaman pokok buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan akan mengalir untuk menampung tambahan kos tadi. Tatkala mereka berpindah masuk ke rumah baru, mereka tidak mempunyai apa-apa kecuali rumah baru, tambah tanah lagi dan pokok-pokok tanaman yang mereka punyai sebelumnya. Pihak yang mengaturkan pampasan membuat keuntungan dan wang pampasan itu mengalir masuk semula ke dalam saku mereka.

Tuan Pengerusi, tidak pernah terjadi sejak 15 tahun dalam tempoh saya berurusan dengan kaum bumiputera, saya mendengar potongan pampasan kepada mereka secara diskaun. Jabatan Hutan, JKR, Jabatan Tanah dan Jurukur selalunya menyediakan satu flat rate untuk pampasan dan ia telah berjalan selama ini dan kaum bumiputera Sarawak telah tahu bagaimana pampasan itu dibuat. Tetapi mengapa hari ini di Bakun terdapat pula sistem potongan. Kita rakyat di bandar perlu memahami apakah makna pampasan kepada kaum bumiputera. Pampasan dibuat kepada mereka sebagai mengiktiraf

dan menghormati adab kaum tersebut yang hidup dan bersusah payah atas tanah tersebut selama ini. Ini kerana mereka mengakui kehendak kerajaan dan penghormatan mereka kepada kerajaan bahawa mereka bersetuju diberikan pampasan. Bukanlah kerana mereka hendak menjualkan tanah mereka tetapi kerana kerajaan yang meminta mereka menghormati permintaan itu. Ia bukanlah satu urusan jual beli.

Tuan Pengerusi, mengenai kayu balak dan pembalakan (logging) di Bakun. Saya ingin tahu apakah syarikat-syarikat yang sebenarnya yang terlibat dalam pembalakan ini dan berapakah pendapatan ataupun hasil yang terdapat dan macam mana ia telah memberi pertolongan kepada rakyat native of Sarawak di Balaga sana. Sekarang sejak Bakun dishelve, kerajaan patutlah membenarkan kaum bumiputera membuat pilihan sendiri jika mereka ingin terus tinggal di atas tanah mereka dan meneruskan kehidupan asal mereka. Pampasan yang telah diperuntukkan tetapi masih belum dibayar lagi kepada mereka bolehlah digunakan untuk membantu ke arah meningkatkan taraf hidup mereka di sana dengan menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur, hospital, sekolah, bekalan air bersih, tenaga elektrik dan kemudahan perhubungan.

Tuan Pengerusi, kerajaan perlu memikirkan semula soal pembinaan projek empangan Hidroelektrik Bakun yang mana kini projek itu ditangguhkan akibat krisis ekonomi negara masa kini. Kerajaan perlu memeriksa dengan teliti projek itu sekali lagi sebelum berjalan terlalu jauh dan barangkali inilah masanya kerajaan mencari alternatif baru dan membina empangan lebih kecil untuk membekalkan tenaga hanya untuk kegunaan dan keperluan Sarawak sahaja.

Salah satu masalah projek empangan Hidroelektrik Bakun ialah memasang kabel bawah laut yang sangat panjang menghubungkan Ba'kelalan dari Sarawak ke Semenanjung merupakan salah satu cabaran besar dalam menyediakan projek. Tidak ada salah Kerajaan Persekutuan membina sebuah

empangan lebih kecil untuk Sarawak semata-mata menampung keperluan tenaga masa depan Sarawak kerana Sarawak ialah sebahagian Malaysia dan membina sebuah empangan kecil bagi Sarawak serupa membina sebuah empangan bagi Malaysia. Sekian.

Tuan Pengerusi: Tuaran.

5.46 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahas B.30 dan P.28 sekali gus.

Tuan Pengerusi, peruntukan RM40 juta diminta untuk membayar pampasan kepada EKCRAN kerana mengambil balik projek hidro Bakun. Saya ingat projek ini telah menjadi satu kontroversi yang amat besar di negara kita bahkan di seluruh dunia dan ini satu perkara yang amat menyedihkan oleh kerana setelah nama negara kita tercemar sekarang pula tercemar kerana pelaksanaan hidro Bakun ini dan sekarang pula rakyat terpaksa menanggung beban untuk membayar hutang yang mana tidak akan mendapat manfaat langsung kerana belum tahu lagi sama ada projek Bakun ini akan diteruskan, lebih-lebih lagi kalau keadaan kegawatan ekonomi kita sekarang ini akan berterusan.

Inilah satu perkara yang seharusnya diambil kira sebelum sesuatu mega projek itu dijalankan. Memang perlu kita merancang tentang keperluan tenaga negara kita pada jangka masa yang panjang, tetapi saya rasa kalau ada kos yang boleh kita potong oleh kerana pelaksanaan sesuatu projek itu lebih baik kita buat projek-projek yang kecil dan jangan buat sesuatu, misal kata pendawaian

daripada projek Bakun itu sendiri ke Semenanjung pun sudah lebih daripada mencukupi untuk membuat hidroelektrik di Liwagu, Sabah.

Jadi ini adalah tidak wajar untuk dilaksanakan. Persoalannya sekarang, apakah kita buat dengan projek ini setelah kita membelanjakan begitu banyak kewangan tetapi tidak akan mendapat keuntungan apa-apa. Jadi saya ingin cadangkan di sini supaya projek ini dikaji secara mendalam, adakah cara lain untuk projek ini diteruskan. Oleh kerana kalau tidak diteruskan kehidupan rakyat di kawasan yang terlibat sudah mula terjejas dan kalau tidak ada pelaksanaan projek ini begitu sahaja ia menjadi bukan sahaja nightmare to the government, dengan izin, tetapi nightmare to the local people, dengan izin Tuan Pengerusi.

Jadi, saya fikir ada jalan untuk meneruskan projek ini dengan lebih munasabah dan mungkin satu daripada caranya ialah meminta bantuan negara-negara jiran untuk mengambil bahagian di dalam projek ini.

Misalnya mungkin kerajaan Singapura ada minat untuk mahu mengambil bahagian. Demikian juga dengan kerajaan Indonesia dan juga kerajaan Brunei Darussalam. Mungkin bukan pada saat ini ketika negara-negara yang saya sebut tadi itu sedang menghadapi kegawatan ekonomi tetapi adalah lebih baik kalau ada perundingan awal daripada membiarkan Bakun to be return just like that, Tuan Pengerusi, dengan izin.

Satu perkara lagi yang ingin saya tanya ialah adakah Syarikat Ekran dibenarkan terus menjalankan pembalakan di kawasan yang berkenaan sedangkan projek itu telah dihentikan atau ditangguhkan. Bagaimanakah

kegiatan-kegiatan di situ boleh menjejaskan keadaan kehidupan rakyat tempatan di Belaga.

Satu lagi perkara ialah saya difahamkan syarikat-syarikat tempatan yang diberi subkontrak untuk Bakun ini kini menanggung beban hutang lebih kurang RM70 juta, tetapi tidak ada lagi punca untuk membayar balik wang itu. Jadi persoalannya, adakah kerajaan dapat membantu mereka oleh kerana kalau Ekran the proposer of this project, dengan izin, dibantu oleh kerajaan tetapi mereka yang telah dipengaruhi untuk mengambil bahagian di dalam projek ini menerima akibat yang buruk. Adalah tidak wajar kalau sesetengah masyarakat sahaja yang mendapat manfaat tetapi tidak diambil kira tentang masalah syarikat-syarikat yang terlibat. Saya minta penjelasan apakah tindakan-tindakan pihak kementerian untuk mengatasi masalah rakyat tempatan yang sedang menghadapi masalah hutang akibat penangguhan projek Bakun ini. Saya rasa itu sahaja dalam hal Bakun Tuan Pengerusi.

Saya ingin berpindah kepada B.30 iaitu tentang pembiayaan projek-projek. Saya fikir dalam hal ini kita mengalu-alukan oleh kerana walaupun kita menghadapi kegawatan, pihak kementerian dapat mengeluarkan sebahagian daripada simpanan kewangan kita atau tabungan kita untuk meneruskan beberapa projek oleh kerana saya rasa ini adalah wajar. Kita tidak mahu ekonomi negara kita dan kegiatan pembangunan negara kita ini terus terjejas. Kalau kita ada kemampuan walaupun tidak secara besar-besaran, projek-projek yang boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat mestilah diteruskan. Justeru itulah, saya menyokong peruntukan B.30 yang diminta itu tetapi saya ingin bertanya pula, apakah projek-projek yang terdapat di Sabah yang akan dibiayai daripada sebahagian jumlah yang kita akan luluskan ini. Saya harap pihak kementerian akan dapat memberi penjelasan.

Dalam negara menghadapi kegawatan ekonomi sekarang, Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyeru kepada pihak kementerian khususnya dan

pihak-pihak pelaksana amnya agar berhati-hati di dalam menggunakan kewangan. Oleh kerana waktu kita dalam keadaan ekonomi baik, kita mungkin tidak begitu menitik berat tentang perancangan prudent financial management, dengan izin, tetapi saya rasa inilah satu pengajaran yang kita perlu ambil iktibar di mana keadaan ekonomi kita tidak begitu memberangsangkan maka haruslah berhati-hati dalam pelaksanaan mana-mana projek. Hanya kalau projek itu benar-benar perlu diteruskan maka peruntukan haruslah diberi tetapi kalau tidak begitu diperlukan untuk diteruskan oleh kerana tidak melibatkan mungkin keselamatan ataupun ekonomi rakyat, maka bolehlah ditangguhkan buat sementara waktu.

Mengenai pembaziran, Tuan Pengerusi ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Apa lagi yang hendak diucapkan itu?

Tuan Yunof Edward Maringking: Ada satu dua contoh yang saya ingin ambil, Tuan Pengerusi, oleh kerana pembaziran.

Tuan Pengerusi: Tetapi masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Okay, saya gulung ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Sudah cukup, sudah cukup.

Tuan Pengerusi: Tolong gulung apa yang hendak diucap.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya ingin berucap mengenai bail out, Tuan Pengerusi. Itulah.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Itu dasar.

Tuan Pengerusi : Yang Berhormat lain sudah berucap. Kota Melaka tadi sudah berucap ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya minta izin, pendek sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi : Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya ingin menyentuh tentang perkara bail out ini, saya harap peruntukan yang sebanyak lebih kurang RM6.7 billion ini tidak akan digunakan untuk to bail out, dengan izin. Di dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar jika ada bail out yang perlu dibuat, kerajaan janganlah melibatkan wang rakyat. Misal kata pembelian ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu hendak ambil duit di mana pula?

Seorang Ahli: Itu salah anggapan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Pembelian Sime Bank, Tuan Pengerusi. Saya rasa EPF patut membeli direct investment, dari dia, kepada lain-lain pihak. Jadi saya cadangkan kepada pihak kementerian, EPF membeli Sime Bank, bukan orang lain. Sekian

Tuan Pengerusi : Baiklah. Batang Lupar.

5.56 ptg

Tuan Haji Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dengar kawan cakap ya. Dalam maksud sahaja, bukan cakap dasar. Dalam Maksud 28, Perbendaharan iaitu RM40 juta bayaran kepada Ekran dalam projek hidro Bakun. Saya hendak bagi tunjuk kepada mereka. Soalan yang pertama tadi Yang Berhormat dari Bintulu itu cakaplah di Dewan Undangan Negeri Sarawak, jangan cakap di sini.

Tiga perkara yang berlaku di Bakun iaitu yang pertama, soalan civil work yang awal dibuat untuk tapak pembangunan Bakun. Yang kedua, ialah jalan daripada Bintulu pergi ke Bakun. Yang ketiga, ialah diversion tunnel telah dibina oleh Dong Ah yang mendapat kontrak untuk buat diversion tunnel,

buat subkontrak kepada beberapa syarikat termasuk Introprogress untuk beberapa perkara. Dong Ah pula tengah masalah kewangan dan mungkin daripada pembayaran lambat oleh Ekran. Lepas itu, Introprogress pula tidak dapat bayaran langsung daripada syarikat ini.

Jadi persoalannya ialah kalau ada wang daripada kerajaan RM40 juta macam ini, adakah tuntutan daripada pihak Introprogress ini iaitu syarikat tempatan, tuntutan kepada Dong Ah ataupun kepada Ekran diambil kira sebelum membayar duit RM40 juta kepada Ekran. Kerana adil atau tidak adil kalau duit ini dibayar terus kepada Ekran ataupun kepada mana-mana pihak tetapi orang yang di bawah buat kerja betul ini, Introprogress buat supply kereta dan sebagainya, tidak dapat pembayaran langsung. Jadi adakah pembayaran itu mengambil kira yang ada syarikat sebetulnya telah membuat kerja di tempat pembinaan itu. Itu yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, berkenaan jalan, Tuan Pengerusi. Jalan ini sejauh 360 kilometer daripada Bintulu. Setengah telah dibuat, tujuh pakej, hampir RM1 bilion harganya, jadi masa sekarang mungkin ada berapa peratusankah jalan ini disiapkan. Tapi kalau projek ini digantung, maknanya jalan ini leading to know where, economically tidak viable dan sebagainya dan bermakna wang kerajaan yang banyak selama ini digunakan dengan tidak mendapat hasil apa-apa sekalipun.

Dan diversion tunnel yang dianggar harga RM900 juta. Ini juga mungkin telah disiapkan. Siap untuk apa? Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, daripada satu persatu, tiga perkara ini iaitu civil work ini yang pertama, berapa duit telah dibelanjakan untuk pembinaan ini, satu.

Yang kedua, duit ini dari Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri pun ada untuk jalan raya ini. Saya ingat, kita lulus di dalam Dewan ini dulu, jadi jalan raya ini dari Bintulu pergi ke Bakun. Berapa perbelanjaan kerajaan telah dibuat untuk jalan raya ini?

Yang ketiga, 'diversion tunnel' berapa duit yang telah dibelanja untuk diversion tunnel ini. Adakah duit RM40 juta ini untuk sebahagian daripada ini? Dan kalau ya, apa akan jadi kepada subkontraktor yang menerima kerja daripada Dong Ah, EKCRAN dan daripada Bakun Management Agency kalau tidak salah saya, yang mendapat kerja-kerja awal, yang sekarang tidak mendapat bayaran. Jadi kalau kerajaan hendak bayar, saya berharap kalau tidak dalam RM40 juta ini pun, kalau ada pembayaran yang akan disusul selepas ini, kerana ini pembayaran awal, mungkin ada pembayaran pertengahan dan pembayaran yang akhir. Tuntutan daripada mereka ini atau pihak kementerian sepatutnya pergi ke kawasan yang berkenaan, cari dan buat publisiti siapa ada buat tuntutan, tuntutan dengan kementerian, dan kita bayar kepada syarikat-syarikat yang berkenaan, jangan bayar kepada EKCRAN kerana janganlah mereka yang dapat duit, yang buat kerja betul tidak dapat duit. Jadi dalam keadaan sedemikian Tuan Pengerusi, saya sudah janji cakap sedikit, hendak tunjuk macam mana hendak soal. Jadi dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

6.03 Ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 dibahas dan diputuskan”.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu Usul yang mencadangkan:

“Bahawa mengikut peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 dibahas dan diputuskan”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 dibahas dan diputuskan”.

[Perbahasan disambung semula]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Machang, Kepong, Bintulu, Tuaran dan Batang Lupar. Enam orang Ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan Usul ini.

Pertama ingin saya menyatakan mengenai RM40 juta yang telah dibincangkan dan diperkatakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu amaun ini ialah jumlah awal yang disyorkan oleh Syarikat Price Waterhouse dan dipersetujui oleh kerajaan. Jadi memandangkan beberapa dokumen belum lagi dikemukakan oleh EKTRAN Berhad, kerajaan bercadang melantik akauntan bebas dan jurutera bebas untuk menentukan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan. Ini adalah selaras dengan cadangan Yang Berhormat tadi.

Isu proceeds right disalahgunakan sedang disiasat oleh Suruhanjaya Sekuriti dan dijangka jika ada kesalahan yang disabitkan tindakan sewajarnya akan diambil. Mengenai EKTRAN lagi, iaitu Yang Berhormat daripada Kepong menyatakan isu pengumuman due diligence oleh Price Waterhouse yang diminta, ini belum boleh lagi diumumkan kerana rundingan pampasan belum lagi dikemukakan oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi isu muflis Wembley Industries dan sebagainya yang dikatakan itu tidak relevan dengan projek Bakun, walau bagaimanapun kita lihat bahawa pada satu ketika DAP heboh dengan bekas korporat yang jatuh, dan satu pihak pula cuba hendak menyelamatkan bekas-bekas korporat berkenaan ini masalah yang kita hadapi dalam kerajaan kerana DAP berdolak dalik.

Yang Berhormat dari Bintulu telah pun menyatakan juga tentang projek Bakun ini, dan juga Yang Berhormat dari Batang Lupar, ingin saya menyatakan di sini maklumat mengenai peruntukan sebanyak RM40 juta yang disebutkan itu. Pada 20 November, 1997, kerajaan telah membuat pengumuman untuk mengambil alih pelaksanaan projek Hidroelektrik Bakun dari Bakun Hydroelectric Corporation Berhad (BEC) dan meneruskan beberapa komponen projek ini, seperti pembinaan river diversion tunnel dan penempatan semula penduduk-penduduk di kawasan projek yang telah diperkatakan. Dalam pada itu kerajaan telah melantik Syarikat Price Waterhouse untuk menjalankan due diligence review ke atas akaun dan perbelanjaan (BEC) untuk menentukan pampasan yang sewajarnya kepada EKTRAN Berhad. EKTRAN Berhad adalah pemegang terbesar dalam (BEC) sebanyak 43%, dan telah membelanjakan wang untuk melaksanakan projek ini sebelum projek ini di'novate'kan kepada BEC pada tahun 1996.

Oleh itu pada bulan Disember, 1997, EKTRAN Berhad telah memohon bayaran pendahuluan dari kerajaan, kerana syarikat tersebut telah menghadapi masalah aliran wang tunai sendiri. Oleh itu kerajaan telah bersetuju dengan permohonan EKTRAN Berhad pada 22 Disember, dan memutuskan untuk membayar balik sejumlah RM40 juta kepada EKTRAN Berhad dengan mengambil kira bahawa amaun tersebut akan ditolak dari jumlah keseluruhan pampasan yang akan ditentukan nanti, jadi pampasan belum ditentukan. Pembayaran ini telah dibuat setelah kerajaan dan EKTRAN Berhad menandatangani satu perjanjian bayaran pendahuluan yang telah pun disediakan oleh Jabatan Peguam Negara.

Mengenai Batang Lupar yang menanyakan tadi beberapa bayaran pendahuluan juga telah dibuat oleh kerajaan kepada EKTRAN Berhad dan BEC pada tahun 1998, jadi sebanyak RM13 juta pada 13 Januari, 1998 untuk Syarikat Dong Ah sebagai bayaran kemajuan, sebanyak RM14 juta kepada

EKRAN Berhad, kerana EKRAN Berhad telah membuat bayaran pendahuluannya bagi pihak BEC kepada Syarikat Dong Ah dan sebanyak RM7 juta kepada syarikat Dong Ah untuk bayaran kemajuan kerja. Jadi kita lihat bahawa sub-subnya dapat bayaran berkenaan. Perlu dimaklumkan bahawa kerajaan pada 20 November, 1997 telah bercadang untuk menggunakan syarikat Menteri Kewangan diperbadankan untuk mengambil alih projek Hidroelektrik Bakun ini. Oleh itu kelulusan telah diperolehi dari Menteri Kewangan untuk meningkatkan modal berbayar Bakun Hidroelektrik Berhad, iaitu syarikat yang ditubuhkan oleh Menteri Kewangan di perbadankan dari RM2 kepada RM20 juta. Bayaran modal ini telah pun dibuat pada 13 Januari, 1998. Dong Ah telah mengemukakan beberapa tuntutan yang berjumlah RM11 juta dan kemudiannya Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan untuk bayaran tersebut, setelah mendapat pengesahan dari Price Waterhouse. Mengenai pampasan dan sebagainya, sekarang pampasan masih lagi dibayar dan ini tertakluk seperti mana kata oleh Yang Berhormat Batang Lular tadi, kepada kerajaan negeri yang mengambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat juga, telah pun menimbulkan Maksud B.30. Jadi ingin saya nyatakan di sini bahawa sejumlah RM21 bilion daripada lebih akaun semasa 1997 telah dipindahkan dari akaun hasil yang disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan akaun pinjaman yang disatukan. Pindaan ini dibuat berdasarkan kepada prestasi akaun hasil yang disatukan bagi tahun 1997. Jadi akaun hasil yang disatukan pada tahun 1997 sebanyak RM65 juta jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak RM44 juta, oleh itu kita ada lebih RM21 juta.

Kita pindahkan RM21 juta ini kepada Kumpulan Pembangunan RM19 juta dan pindahan kepada akaun pinjaman yang disatukan sebanyak RM2 juta lebih. Jadi tindakan ini untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ialah pindaan antara akaun sahaja. Ini yang telah saya perkatikan dulu kepada Yang

Berhormat dari Kota Melaka, iaitu dari akaun hasil disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan satu lagi kepada akaun pinjaman yang disatukan. Ianya bukan untuk membiayai projek-projek tertentu, tetapi pindaan ini ialah untuk mengurangkan defisit terkumpul di dalam Kumpulan Wang Pembangunan dan mengelakkan akaun pinjaman disatukan daripada beban defisit.

Tindakan ini tidak akan melibatkan perbelanjaan sebenar kerajaan kerana semua perbelanjaan pembangunan kerajaan dan kementerian-kementerian telah diperuntukkan melalui pecahan projek-projek berkenaan dan juga perbelanjaan pinjaman kerajaan telah pun dilakukan. Jadi kalau Yang Berhormat semak balik, seperti yang diminta oleh Yang Berhormat, kita tengok Belanjawan Persekutuan 1997 Sabah dan Sarawak pun ada peruntukan di sini, yang telah pun diberi dan telah pun dilaksanakan tahun 1997. Ini hanya pemindahan wang daripada satu poket kepada satu poket yang lain, untuk mengelakkan accumulated deficit dengan izin, jadi untuk makluman pindaan ini dibuat pada setiap tahun, apabila terdapat lebih dalam akaun semasa.

Untuk menyahut pertanyaan Yang Berhormat dari Machang tadi mengenai Negeri Kelantan. Saya telah pun menerangkannya dengan panjang lebar di muka surat 116 dan 117 dan beliau hendak tahu penjadualan semula ini. Jadi pada projek PKEN yang disebutkan tadi, tunggakan pinjaman Negeri Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM140,639,339.33 diselesaikan dengan bayaran balik sebanyak RM4,687,977.98 setahun selama 30 tahun mulai tahun 1993. Ini kita hendakkan penjadualan semula. Jadi kadar faedahnya kepada 2% setahun dan tempoh bayaran balik selama 35 tahun mulai 1993 dan wakil Perbendaharaan akan dilantik di dalam Lembaga Pengarah Ladang Sungai Terah Sendirian Berhad.

Mengenai projek perumahan awam kos rendah yang dikatakan tadi, tunggakan pinjaman ialah sebanyak RM25,198,370.99 diselesaikan dengan

bayaran balik sebanyak RM718,810.60 setahun selama 35 tahun mulai tahun 1993. Bagi pinjaman belum matang sebanyak RM61,685,781.09 dijadualkan semula seperti berikut - kadar faedah ditetapkan sebanyak 2% dan tempoh bayaran balik selama 35 tahun mulai tahun 1993. Projek pelbagai yang disebutkan tadi ialah tunggakan pinjaman sebanyak RM44,465,865.88 akan diselesaikan dengan bayaran balik sebanyak RM1,270,463.31 setahun selama 35 tahun. Jadi baki pinjaman yang belum matang sebanyak RM120,917,103.42 dijadualkan semula seperti berikut - tempoh bayaran balik selama 35 tahun mulai tahun 1993.

Mengenai projek air yang ditanyakan tadi, Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM19,290,592.32 untuk di 'offset'kan dengan pinjaman Kerajaan Negeri Kelantan untuk kegunaan kawasan luar bandar. Jadi peruntukan ini akan dibuat berperingkat-peringkat bagi mengelakkan terjejasnya belanjawan berimbang iaitu dalam tempoh empat tahun mulai 1996 hingga 1999. Dan sejumlah RM80,587,614.03 akan dijadualkan semula dengan Kerajaan Negeri Kelantan dan membayar balik sebanyak RM3 juta setahun mulai 30 November 1995 selama 35 tahun. Jadi buat masa ini, perjanjian pinjaman tambahan akan dikuatkuasakan kemudian.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,692,199,889 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Wang sebanyak RM6,692,199,889 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40,000,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40,000,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997.

Maksud B.34[Jadual] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ya, Jelebu.

6.15 petang

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih, di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah merangka banyak program dan pembangunan ke arah untuk mempertingkatkan taraf kesihatan masyarakat terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Namun beberapa perkara harus dilihat sebagai untuk memperlengkapkan lagi kemudahan-kemudahan yang telah disalurkan kepada pihak hospital dan juga klinik-klinik di kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Pengerusi, di Jelebu kita mempunyai sebuah hospital daerah yang telah pun diluluskan peruntukan baru-baru ini untuk menaikkan taraf sebahagian daripada bangunan-bangunan yang nampak uzur tetapi sekarang ini sudah nampak alhamdulillah, cukup baik. Apa yang perlu kita lihat ialah peralatan yang sepatutnya diperlengkapkan masih belum lagi dilengkapkan. Saya mendapat maklum bahawa peruntukan ini ditahan dahulu oleh kerana kegawatan ekonomi agaknya.

Namun saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, lihat-lihatlah Jelebu ini. Dan kita memang mengalu-alukan tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian terutamanya ke arah untuk melengkapkan hospital dan juga klinik-klinik besar di desa dan sebagainya dengan kakitangan yang boleh memberikan faedah dan juga manfaat kepada masyarakat. Di kampung Simpang Durian, kita mempunyai klinik besar yang mana sebagaimana yang

saya sebutkan dahulu, jawatan doktornya masih belum diisi. Kita mempunyai satu kawasan di mana perumahan kakitangan klinik berkenaan telah pun siap dan majoriti kakitangan tinggal di dalam kawasan berkenaan tetapi kuarters doktornya masih tidak berisi malah jawatan tersebut belum pernah lekat lagi. Diisi sementara tetapi bertukar dan diisi balik, bertukar, langsung tidak diisi. Jadi saya pohonlah perkara ini dapat dilihat dan diambil tindakan sewajarnya.

Begitu juga dengan kelengkapan peralatan x-ray dan sebagainya yang telah diputuskan untuk dibuat pembelian secara cepat dan masih belum diambil tindakan. Saya pohon perkara ini dapat disegerakan kerana keperluan memandangkan kepada pembangunan masyarakat di kawasan sebelah daerah Jelebu timur begitu pesat oleh kerana di kawasan persekitaran banyak dihuni oleh peneroka-peneroka FELDA dan kawasan-kawasan kampung tradisional.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, pengenalpastian kawasan-kawasan untuk membina klinik desa telah pun dibuat dan pejabat tanah telah pun menentukan kawasan-kawasan untuk didirikan klinik-klinik desa ini, begitu juga dengan pengubahsuaian. Saya pohon perkara ini dapat diambil tindakan kerana tanah telah ada dan bangunan telah dapat disegerakan

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya terpaksa membawa permohonan dan permintaan yang disuarakan oleh pengundi saya di sebelah DUN Lui, iaitu di dalam daerah Jempol. Sebagaimana yang dirancangkan sebuah hospital berharga RM20 juta telah pun dirancangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, tetapi mengikut maklumat yang terakhir ianya terpaksa ditangguhkan oleh kerana kegawatan ekonomi negara kita. Saya amat berharap agar hospital ini dapat diteruskan kerana keperluannya begitu mendesak. Oleh kerana ianya juga mementingkan kepada perkhidmatan yang akan diberikan kepada seluruh masyarakat di kawasan DUN Lui dan bersempadan dengan kawasan Teriang, Pahang, kerana terdapat pada waktu ini pesakit Teriang, Pahang datang juga ke Hospital Besar Kuala Pilah. Begitu juga dengan klinik-

klินิก desa yang ada di kawasan Rancangan FELDA Lui telah membuat layanan-layanan dan juga pemeriksaan kesihatan pada masyarakat yang tinggal di kawasan persempadanan antara Negeri Sembilan dan Pahang. Jadi, saya harap kementerian akan dapat melihat semula akan kewajaran supaya program ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Serdang.

6.22 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan. Saya ada dua perkara hendak dapat penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan kepentingan rakyat di kawasan Batu 11, Cheras. Sebuah klinik bidan yang berkhidmat di kawasan tersebut untuk rawatan wanita dan kanak-kanak telah ditutup tanpa alasan bagi kawasan tersebut. Saya rasa adakah pihak kementerian mengambil keputusan untuk menutup klinik bidan di Batu 11, Cheras semata-mata oleh kerana kekurangan kakitangan atau apa sebabnya. Klinik bidan adalah penting kepada kawasan tersebut yang memberi perkhidmatan kesihatan kepada kanak-kanak dan wanita di kawasan tersebut.

Oleh kerana dengan keputusan yang diambil untuk menutup perkhidmatan klinik bidan ini telah menjadikan satu masalah besar di kawasan tersebut. Kalau boleh, pihak Kementerian Kesihatan dapat, bukan semua, di kawasan yang bilangan penduduk yang ramai di situ supaya tidak akan terjejas di kawasan tersebut.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, di Kampung Baru Salak South, klinik bidan juga telah ditutup tanpa alasan. Klinik bidan di Kampung Baru Salak South ini telah memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan tersebut sepanjang masa hampir 30 hingga 40 tahun lamanya. Dengan tiada klinik bidan tersebut maka rawatan wanita dan kanak-kanak di kampung tersebut terjejas.

Saya telah menulis surat kepada pihak Kementerian Kesihatan hampir setahun, tetapi sampai hari ini tidak ber ada jawapan. Penduduk-penduduk kampung baru tersebut telah terjejas dan merayu kepada saya, walaupun kawasan ini di bawah kawasan DAP, saya sebagai Wakil Rakyat terpaksa mengambil alih bidang kuasa daripada Wakil Rakyat DAP, kerana Wakil Rakyat DAP bisu terhadap perkara tersebut. Sebagai Wakil Rakyat MCA terpaksa saya memohon kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya menimbang semula supaya lebih 20,000 rakyat di Kampung Baru Salak South ini dapat menikmati perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Kementerian Kesihatan. Maka saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengenai perkara ini akan memberi penjelasan lebih lanjut supaya rakyat di kedua-dua kawasan ini dapat menikmati semula perkhidmatan tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Teluk Intan.

6.25 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.34, iaitu di mana dikatakan diperlukan lebih RM18 juta untuk membiayai bayaran emolumen dan sebahagian imbuhan kakitangan. Dalam hal ini saya ingin menyentuh mengenai kawasan saya sendiri, Teluk Intan, di mana saya difahamkan tidak ada cukup pakar-pakar terutama pakar-pakar sakit kulit, pakar-pakar ortopedik. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Kepong ada.

Tuan M. Kulasegaran: DAP sedia bantu, tetapi buat sementara waktu kita perlukan dia di Kuala Lumpur. Sebelum ini saya difahamkan ada pakar-pakar yang telah dihantar dari Ipoh, tetapi praktis ini telah diberhentikan oleh sebab dikatakan membelanjakan banyak wang untuk mereka dihantar melawat kawasan-kawasan seperti Teluk Intan, Seri Manjung dan Gerik.

Saya ingin beritahu Dewan ini tempat-tempat macam Gerik adalah jauh lebih kurang 120 kilometer dari Ipoh, memakan masa lebih kurang 2½ jam ke-3 jam untuk seseorang pesakit datang dari Gerik atau dari Teluk Intan lebih kurang 2 jam ke Ipoh. Praktis di mana pakar-pakar sedia ada di Hospital Gerik, Hospital Teluk Intan dan Hospital Seri Manjung telah diberhentikan atas alasan ia akan menjimatkan wang. Tetapi saya difahamkan oleh pakar-pakar di mana saya ada berbincang bahawa kegunaan atau perbelanjaan itu sangat kecil. Lagipun bila mereka memberi perkhidmatan mereka ke kawasan-kawasan ini, mereka dapat berunding kepada doktor-doktor yang sedia ada di tempat itu memberi experience yang tertentu. Ini banyak memberi keuntungan kepada doktor-doktor di sana yang hanya doktor-doktor general practitioner (GP), dengan izin. Juga akan menguntungkan semua pihak kerana doktor-doktor tersebut bila berada di sana pesakit-pesakit tidak perlu datang ke pekan besar macam di Ipoh.

Sekarang kalau seorang pergi berjumpa pakar Ortopedik di Ipoh, mereka hanya berfungsi pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Ada orang-orang yang datang dari Teluk Intan atau dari Gerik perlu menunggu untuk 8 ke-10 jam dan adakala di mana mereka tidak dapat berjumpa dengan pakar tersebut. Ini adalah kerana kekurangan pakar, nombor satu. Nombor dua, kerana pesakit-pesakit itu katakan dari Gerik atau dari Teluk Intan selalunya datang lambat. Maklumlah mereka itu dari kampung atau di luar bandar mengambil teksi, bas dan lagipun lebih bertambah dari itu sakit, mereka datang ke Ipoh, sampai lebih kurang pukul 11 pagi terpaksa tunggu sampai petang tidak dapat jumpa doktor. Bila jumpa pun, hanya doktor pada masa itu pun saya rasa telah letih dan sebagainya tidak dapat memberi perhatian yang penuh. Jadi, saya harap kerajaan akan mengkaji balik perkara ini lebih-lebih lagi kerana emolument-emolument diperlukan yang dikatakan lebih RM18 juta. Saya ingat pada

pandangan saya kalau praktis yang lama diwujudkan balik tidak akan lebih dari RM1 juta diperlukan di negeri Perak.

Kalau kita kaji balik betul-betul kita tahu bahawa di Sungai Siput sebenarnya tidak perlu langsung satu hospital, kerana hospital yang sedia ada di Ipoh adalah 18 batu dari Sungai Siput, dan Hospital Kuala Kangsar adalah 18 batu dari Sungai Siput. Tetapi oleh kerana perkara-perkara yang banyak mustahak, kerana menteri berkenaan adalah seorang Menteri Kerja Raya, jadi terpaksa ada satu hospital di mana pesakit-pesakit pun tidak banyak di sana. Jadi, inilah membazirkan wang. Jadi, dalam keadaan ini saya mohon agar kerajaan kaji balik.

Selain dari itu, saya juga ingin tahu berapa ramaikah doktor pakar dan doktor general practitioner dari luar negeri yang berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan dan berapakah emolumen yang tertentu yang dibayar kepada mereka dan apakah tindakan yang sedia diambil seperti di Hospital Ipoh di mana ramai doktor yang ingin melanjutkan pelajaran ke Masters degree dalam medical field, dengan izin, tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran oleh kerana perkara-perkara yang tertentu dan apakah insentif yang akan diberi kepada mereka dan kepada registrar yang berkhidmat di hospital-hospital adakah emolumen-emolumen yang lebih akan diberi kepada mereka. Saya juga difahamkan seperti di Hospital Ipoh ada registrar ortopedik yang telah berkhidmat lebih tujuh atau lapan tahun yang dikatakan sangat pakar menjalankan kerja-kerja pakar perubatan, akan tetapi oleh kerana faktor-faktor yang tertentu, mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai doktor-doktor pakar dan doktor-doktor yang berada di negara ini yang dikatakan dari unrecognised university, apakah keadaan mereka, adakah mereka bekerja di hospital-hospital Kementerian Kesihatan dan adakah kerajaan akan memberi kelonggaran untuk mereka melanjutkan atau

mungkinah mereka diberi kerja di kementerian dan adakah kerajaan ingin ataupun telah menghantar doktor-doktor untuk melanjutkan pelajaran mereka ke universiti-universiti di Indonesia memandangkan saya difahamkan universiti-universiti di Indonesia peluang sekarang sungguh cerah dan senang dan adakah degree mereka akan di‘recognised’, dengan izin.

Tuan Pengerusi, itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

6.32 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit sahaja hendak menyokong B.34 ini.

Tuan Pengerusi, soalan yang pertama saya hendak bertanya dengan kementerian, saya telah difahamkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak sebelas hospital akan dibina di Sarawak dan kontraknya telah diberi kepada sebuah syarikat, tak payah sebut nama syarikat itulah, tetapi kalau kementerian hendak beritahu apa nama syarikat itu boleh juga, adakah rancangan untuk membina sebelas hospital di Sarawak ini akan diteruskan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Itu soalan yang pertama.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang kedua, saya hendak bertanya dasar pemindahan tempat bertugas untuk doktor, biasanya doktor-doktor ini telah habis membuat housemanship mereka di hospital-hospital besar, lepas itu ditugaskan di pekan-pekan kecil, apabila ditugaskan di pekan-pekan kecil, dia seorang sahaja. Jadi, ini tak ubah seperti jabatan lain juga bermakna yang tidak ada experience dihantar ke luar bandar sebagai latihan lanjutan dengan doktor-doktor yang sedemikian.

Jadi, doktor yang baru ini sepatutnya ditugaskan di hospital yang besar yang mana ada experience doktor-doktor yang pakar dan sebagainya yang boleh menunjuk ajar selanjutnya doktor-doktor dan sepatut yang lebih pakar lagi dan lebih berkemahiran itu dihantarkan ke pekan-pekan yang lebih terpencil yang mana dia sendiri terpaksa membuat keputusan dalam apa-apa segi sahaja penyakit yang dia jumpa di luar bandar dan sebagainya yang mana kita belum lagi ada telemedicine yang mana consultation boleh dibuat menerusi teleconferencing dan sebagainya.

Jadi, saya hendak tanya kementerian apakah dasar pemindahan ini daripada hospital besar selepas internship ataupun housemanship kepada hospital-hospital kecil di luar bandar. Itu soalan yang kedua.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang baru saya baca dua, tiga hari ini kita hendak menjadikan Malaysia ini satu pusat kesihatan di rantau ini, jadi apa yang berlaku dalam masa yang sama, saya juga diberitahu oleh kawan saya yang mendapati dadanya berasa sakit sedikit, selepas itu dia berhubung dengan Institut Jantung Negara yang diberitahu kalau dia hendak jumpa doktor itu, list untuk berjumpa itu ada sepanjang sedepa, jadi mungkin tiga atau empat bulan yang akan datang barulah dia boleh berjumpa.

Jadi, dia terpaksa pergi ke Singapura kerana apa yang dikatakan Thalium scan ini hanya dua di rantau ini iaitu satu di Singapura General Hospital dan satu lagi di Institut Jantung Negara. Jadi, Singapura hanya 2 juta lebih orang tetapi rakyat Malaysia kita ada 20 juta orang, jadi saya fikir walaupun dalam keadaan ekonomi yang sekarang sepatutnya kita mengadakan satu Thalium scan ini diadakan di Kuching satu untuk di Sabah dan di Sarawak dan satu lagi diadakan di Perak ataupun di Alor Setar ataupun di Langkawi umpamanya untuk kawasan sebelah utara dan satu lagi diadakan di Johor dan kawasan tengah ini di Kuala Lumpur.

Sepatutnya mengadakan mesin Thalium scan ini supaya faedahnya adalah untuk kesihatan bagi rakyat Malaysia, itu yang pertama dan yang keduanya, pembaziran wang ke luar negeri, umpamanya kawan yang saya sebutkan tadi, bila dia merasa sakit dia takut dia dihindangi penyakit jantung, dia terpaksa terus pergi ke Singapura untuk pemeriksaan rawatan oleh kerana Institut Jantung Negara ini terlalu panjang listnya, berjumpa ke General Hospital Singapura dan buat scanningnya, dia telah membelanjakan wangnya hampir RM20,000 untuk seorang pada satu hari. Jadi, ini untuk seorang, jadi peratusan rakyat Malaysia yang mengalami penyakit jantung ini banyak. Jadi,

maknanya pengaliran wang dari negara kita ke luar negeri, kepada sesiapa sahaja yang berkemampuan pergi ke Singapura mendapat scanning ini adalah satu pembaziran yang sepatutnya kita selamatkan.

Jadi, tiga persoalan yang saya tanya kepada kementerian dan saya telah berjanji, saya tidak buat ucapan dasar seperti Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, dia selalu buat ucapan dasar. *[Ketawa]* Macam saya hanya soalan-soalan yang sepatutnya kita bangkitkan dalam committee ini sahaja yang saya bangkitkan, kita mestilah peka dengan peraturan-peraturan itu, jadi, kawan-kawan di sini pun janji hendak bercakap tidak ada yang bertanya dengan saya, jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi dan saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi, minta maaf. Satu pertanyaan yang saya lupa hendak bertanya tadi, berapa harga untuk satu mesin Thaliium scan ini, yang kita tidak berkemampuan sangat hendak beli untuk empat tempat, satu di Sarawak, satu di Perak ataupun di Alor Setar sama ada di Pokok Sena ataupun satu di Johor dan satu di Kuala Lumpur. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Gelang Patah.

6.37 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.34 tentang pembangunan kesihatan keluarga. Terlebih dahulu saya ingin bertanya pihak Kementerian Kesihatan rancangan ‘decentralisation’ yang selama ini dijalankan untuk mewujudkan lebih poliklinik supaya dapat memberikan

perkhidmatan kesihatan kepada rakyat jelata berbilang kaum dengan lebih efektif, jimat masa dan jimat wang.

Saya ingin mengambil peluang keemasan ini, untuk meminta pihak Kementerian Kesihatan menyelesaikan masalah kekurangan doktor di poliklinik di Taman Tunku Tun Aminah yang mana cuma mempunyai seorang doktor dan seorang pembantu perubatan dan beberapa orang jururawat. Saya pernah melawat poliklinik itu baru-baru ini dan memberikan peruntukan sebanyak RM5,000 untuk peruntukan membekal sebuah TV dan video untuk kegunaan pesakit-pesakit semasa menunggu dan didapati dari rekod poliklinik itu setiap hari mereka mempunyai lebih 100 pesakit luar untuk mendapatkan rawatan di sana, ini adalah satu bebanan yang cukup berat kepada tenaga kerja pegawai kesihatan di poliklinik itu. Dan saya dapati poliklinik itu menggunakan dua buah rumah kedai dua tingkat yang mana di alamat No. 115, tingkat bawah digunakan untuk 'maternity and child service' dan di tingkat atas 115A untuk stor, 117 di tingkat bawah untuk 'outpatient' dan 117A untuk klinik gigi, memang sangat sempit.

Saya harap Kementerian Kesihatan dapat mengadakan satu tapak yang lebih sesuai dengan mewujudkan sebuah poliklinik yang besar di kawasan itu kerana kawasan itu memang mempunyai banyak penduduk dan lebih daripada 50,000 orang di kawasan Taman Tunku Tun Aminah, satu taman perumahan yang besar.

Selain daripada itu di kawasan Taman Universiti pun mempunyai penduduk lebih daripada 50,000 orang. Pada masa sekarang memang tiada poliklinik dan mengikut maklumat yang saya dapati daripada Pegawai Kesihatan daerah Johor Bahru bahawa memang ada dalam Rancangan Malaysia Ke-tujuh tetapi hingga sekarang belum diwujudkan lagi. Di sini saya ingin meminta supaya Kementerian Kesihatan dapat mengadakan sebuah poliklinik di Taman Perling yang mana kawasan sekeliling ada beberapa taman iaitu Taman Sutera, Taman Tampoi Utama, Taman Tampoi Indah dan kampung-kampung sekeliling. Penduduk di sana lebih daripada 50,000 orang dan memerlukan sebuah klinik yang besar.

Di kawasan Taman Skudai Baru dan Taman Selesa Jaya, saya harap pihak Kementerian Kesihatan pun dapat merancang mengadakan poliklinik supaya benar-benar mewujudkan atau melaksanakan rancangan 'decentralisation' dalam perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai.

Selain daripada itu, baru-baru ini saya ada pergi ke Hospital Besar Johor Bahru kerana pada 8 Mac, abang saya tidak sedarkan diri semasa tidur dan dihantar ke hospital dan didapati bahawa servis yang diberikan secara penswastaan untuk servis itu memang kurang baik oleh kerana mesin 'scan' di Hospital Besar Sultanah Aminah pada hari Sabtu iaitu 6 Mac sudah rosak tetapi belum diperbaiki. Apabila abang saya masuk ke sana pada 8 Mac, oleh kerana mesin 'scan' tidak dapat berfungsi, maka tidak dapat dikesan bahawa otaknya memang berdarah dan kerana kelambatan itu pada hari Isnin 9 Mac baru dapat gunakan satu mesin yang lebih canggih di hospital itu iaitu jenis MRI, baru dapat dikesan bahawa otak abang saya berdarah dan terus buat pembedahan tetapi oleh kerana sudah lambat, pada masa sekarang abang saya sudah balik ke rumah tetapi tidak dapat bercakap.

Saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat meninjau kesan (effectiveness) yang dilaksanakan dengan penswastaan secara konsesi kepada

syarikat konsesi ini yang mana kadang-kadang lambat memperbaiki alat-alat yang sangat penting di hospital-hospital. Demi kepentingan orang ramai, saya harap Kementerian Kesihatan ambil perhatian.

Selain daripada itu saya dapati banyak komputer, sama ada rosak atau tidak rosak terkumpul di Hospital Besar Johor Bahru dan saya dapati ianya tidak digunakan. Kita sekarang menuju ke peringkat IT, kalau ada banyak komputer di hospital jika tidak digunapakai dengan baik, kita tidak akan sampai satu tahap yang kita ingini. Oleh yang demikian, saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat meninjau kes tentang komputer ini sama ada digunakan dengan baik. Memang Hospital Sultanah Aminah pada masa sekarang menghadapi kekurangan doktor dan pakar tetapi ada satu yang saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kesihatan iaitu Unit Jantung di Hospital Sultanah Aminah memang adalah satu unit yang sangat moden dan canggih. Ini saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan.

Satu lagi saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kesihatan tentang rancangan membina sebuah hospital besar di Pandan yang mana luas tanahnya ialah 50 ekar. Saya ingin tahu bilakah hospital itu akan diwujudkan. Selain daripada itu, saya harap dapat penjelasan tentang kemajuan Rancangan Pendidikan Kesihatan selama ini terutama tentang rancangan Program Cara Hidup Sihat, tentang kurang menggunakan gula sama ada mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Selain daripada itu, saya harap dapat penjelasan tentang masalah yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan cukup pakar. Saya harap dapat penjelasan berapa doktor pakar yang Kementerian Kesihatan masih menghadapi kekurangan dan dalam bidang apa. Jika saya tidak silap dalam bidang 'speech therapy' negara kita ini pada masa sekarang cuma mempunyai seorang pakar 'speech therapy', sama ada itu betul atau tidak betul dan sama ada kita dapat menambahkan doktor pakar 'speech therapy' itu. Selain

daripada itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan berikan maklumat tentang bilangan doktor asing sama ada MO atau pakar yang sedang berkhidmat di negara kita ini dan saya ingin tahu tentang status program Telemedicine yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan.

Selain daripada itu, tentang tindakan pencegahan penyakit berjangkit terutama pada tahun ini kita akan mengadakan Sukom dan pihak Kementerian Kesihatan perlu mengambil tindakan yang berkesan supaya kita dapat mengelakkan penyakit berjangkit seperti taun atau typhoid, dengue fever dan lain-lain di negara kita ini.

Berkenaan dengan perkhidmatan pergigian saya harap mendapat maklumat daripada Kementerian Kesihatan tentang 'population ratio' dengan doktor gigi. Apa tahap kita sudah dapat capai setakat ini dan jika kita masih menghadapi kekurangan doktor gigi, apa rancangan yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan untuk menambahkan doktor gigi dan apa rancangan dalam perkhidmatan pergigian terutama dalam rancangan pencegahan kerana saya berpendapat dalam perkhidmatan pergigian, jika Kementerian Kesihatan dapat menjalankan rancangan pencegahan, ia akan lebih efektif kerana seperti kita semua tahu pencegahan adalah lebih efektif atau lebih baik daripada rawatan dari segi perkhidmatan pergigian.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Tuan Chang See Ten: Ya, saya akan gulung. Tuan Pengerusi. akhir sekali saya ingin dapat maklumat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tentang tindakan-tindakan yang lebih berkesan untuk mencegah HIV atau AIDS dan harap dapat angka-angka yang dapat membuktikan yang kita telah dapat mencapai kemajuan untuk mencegah HIV dan AIDS di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tuanan.

6.50 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan Maksud B.34 Kementerian Kesihatan dan akan membangkitkan beberapa perkara.

Pertama sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian tentang pelaksanaan cawangan IJN di Kota Kinabalu yang mula dilaksanakan tetapi mungkin boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penerangan bilakah perkhidmatan sebenar akan dilaksanakan oleh kerana saya difahamkan belum lagi mendapat keperluan untuk digunakan bagi memulakan perkhidmatan dan berapakah pakar-pakar yang akan ditempatkan di Kota Kinabalu ini dan sama ada perkhidmatan kepada rakyat yang miskin boleh dijalankan?

Saya sangat bergembira kerana saya sendiri telah membangkitkan ini dan memang pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah menyatakan akan mengambil perhatian dan pertimbangkan hal ini. Ini satu perkembangan yang baru yang saya sangat menghargai dan mengalu-alukan. Tetapi dalam pada itu saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa kakitangan perkhidmatan perubatan ataupun Kementerian Kesihatan khususnya di Sabah amat terbeban sekali dengan kehadiran begitu ramai sekali pendatang asing yang mengambil tempat di dalam perkhidmatan bahagian rawatan? Ini perlu diambil perhatian dan mencari jalan bagaimanakah kementerian ataupun kakitangan boleh menumpukan perhatian untuk memberi rawatan kepada rakyat sendiri. Oleh kerana di dalam kegawatan ekonomi kita sekarang banyak masalah timbul dan rakyat perlulah diberi perkhidmatan kesihatan yang baik dan di samping itu saya tidak tahu bagaimanakah boleh berlaku di mana pendatang tanpa izin dibenarkan masuk sehingga mereka boleh membawa berbagai-bagai penyakit yang belum pernah kita ketahui di negara kita ini. Inilah masalah bila kita tidak

ambil kira segala implikasi ini di dalam kehadiran masyarakat pendatang asing tanpa izin ini khususnya di Sabah.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, Sabah mengalami masalah berlakunya wabak taun dan juga kolera dan saya difahamkan bahawa ini timbul kerana kehadiran pendatang asing tanpa izin yang begitu ramai dan tidak begitu prihatin tentang kesihatan mereka ataupun memang terdesak mungkin, oleh kerana tidak cukup air dan keadaan perkampungan mereka tidak mempunyai kemudahan-kemudahan kesihatan. Walaupun pada dasarnya ini bermula di perkampungan pendatang asing tanpa izin tetapi akhirnya ia merebak kepada penduduk tempatan.

Saya harap perkara ini akan diambil perhatian dan kementerian bolehlah menghantar pakar-pakar untuk menangani perkara ini dan tidak akan menjejaskan perkhidmatan biasa dan kalau perlu, saya rasa oleh kerana sebahagian besar daripada rakyat pendatang asing tanpa izin ini dikatakan satu statistik iaitu lebih kurang 60,000 yang sedang berada di Sabah adalah refugees, dengan izin, dan dalam keadaan ini seharusnya pihak kementerian ataupun kerajaan meminta bantuan pihak UNHCR untuk menangani kesihatan mereka supaya mereka tidak akan menjejaskan kesihatan rakyat tempatan.

Jangan kita dibebankan dengan keadaan politik di negara jiran sehingga bukan sahaja kita menghadapi masalah makanan sendiri tetapi juga kesihatan dan berbagai-bagai keperluan kemasyarakatan. Seharusnya pihak kementerian memanggil mungkin Red Crescent ataupun Red Cross untuk membantu kalau betul-betul boleh ditentukan di mana pelarian ini berada dan menempatkan perkhidmatan perubatan antarabangsa di situ.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah keadaan kehidupan, kesihatan atau kebajikan kakitangan hospital-hospital di Sabah juga perlu diambil kira khususnya di Tuaran dan di Tenom. Saya difahamkan banyak keperluan yang mana rumah-rumah mereka sudah usang

dan perlu perbaikan yang segera dan saya harap pihak kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini. Demikian juga dengan kekurangan beberapa kakitangan baik di peringkat support staff ataupun di peringkat pegawai perubatan dan saya sangat berbangga kerana prestasi pegawai-pegawai perubatan di Sabah. Saya ada melawat di Hospital Besar Kota Kinabalu sendiri dan berjumpa dengan mereka. Mereka dedikasi dan bersungguh-sungguh untuk menjalankan tugas tetapi hanya tertekan dengan bebanan tugas yang berat ataupun banyak. Jadi, saya fikir perlu diperbanyakkan doktor perubatan ataupun pegawai-pegawai perubatan dihantar ke negeri Sabah dan juga lain-lain pakar.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai pakar makanan tidak begitu banyak yang ada di Sabah iaitu saya difahamkan tidak sampai 10 orang pakar makanan. Ini penting oleh kerana nilai pemakanan kita boleh menentukan taraf kesihatan rakyat dan saya harap pihak kementerian akan mengambil daya usaha untuk memperbanyakkan lagi pakar makanan dan juga Inspektor Kesihatan kerana ini penting di saat-saat pembangunan dijalankan tetapi kadangkala aspek kesihatan tidak diambil kira. Justeru itu, ini perlulah juga ditekankan.

Akhir sekali, saya ingin tanya kepada pihak kementerian khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perancangan ataupun pelaksanaan Hospital Tuaran yang sudah lama direncanakan dan bilakah ia akan dimulakan? Begitu juga dengan perkhidmatan pergigian di Hospital Daerah Tuaran. Sudahkah dimulai perkhidmatan di situ dan kalau sudah mengapa tidak begitu diberi publisiti supaya rakyat tidak perlu datang ke Kota Kinabalu hingga menghadapi berbagai masalah kesesakan dan perbelanjaan yang tidak sepatutnya berlaku.

Demikian juga klinik-klinik desa di daerah Tuaran banyak yang perlu dilaksanakan terutama di kampung-kampung terpencil. Mereka juga perlu

diberi bukan sahaja bangunan yang selesa untuk tempat merawat tetapi tempat kediaman di kampung-kampung yang terpencil dan juga bekalan air yang diberikan oleh kesihatan haruslah dipergiatkan oleh kerana ini adalah keperluan asas yang penting. Saya fikir itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya ingin bangkitkan dan saya harap pihak kementerian akan dapat memberi penjelasan beberapa perkara yang telah saya kemukakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya izinkan dua orang lagi mengambil bahagian dalam perbahasan sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab. Bukit Mertajam.

7.00 mlm.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Maksud B.34 Kementerian Kesihatan. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, terhadap beberapa isu tertentu.

Yang pertama, Kementerian Kesihatan terutama sekali hospital-hospital di rantau utara sangat kekurangan pakar-pakar patologi dan pakar pembedahan forensic. Saya masih ingat pada satu hujung minggu di mana ada dua, tiga kemalangan berlaku di mana ada satu mayat di Ipoh, ada satu mayat di Hospital Bukit Mertajam dan satu lagi ada di Pulau Pinang. Ketiga-tiga keluarga minta bantuan dari Yang Berhormat-Yang Berhormat dapatkan post-mortem itu dilakukan cepat-cepat supaya boleh mendapatkan mayat itu balik ke rumah supaya menjalankan upacara pengebumian dan sebagainya secara cepat. Tetapi mereka semua diberitahu kami hanya ada seorang pakar pembedahan forensic sahaja, dan seorang itu sudah dipanggil ke Ipoh menjalankan kerja pembedahan, seorang mangsa pembunuhan di Hospital

Ipoh. Jadi dua mangsa yang lain, di Hospital Bukit Mertajam dan satu lagi di Hospital Pulau Pinang terpaksa tunggu sampai hari Isninlah. Mengikut adat orang Cina dan orang Melayu, kebanyakan keluarga ingin dapatkan mayat itu balik cepat-cepat supaya boleh jalankan istiadat sembahyang dan sebagainya kemudian diikuti oleh istiadat pengebumian. Jadi dengan itu kita sudah pun menghadapi satu kesulitan dan nampaknya kesulitan itu semuanya disebabkan oleh kekurangan pakar-pakar patologi, pembedahan forensic. Nampaknya Kementerian Kesihatan perlu mengadakan lebih ramai pakar dalam bidang ini.

Perkara yang kedua, dalam cara pesakit-pesakit mental ataupun orang-orang yang sakit jiwa ditangani, saya rasa biasanya ada masanya kita tidak tahan melihat keluarga-keluarga di bawah tekanan mental kerana orang yang sakit jiwa itu, sudah dekat-dekat memberi ancaman kepada hidup ataupun nyawa ahli-ahli keluarga yang sama itu, baru minta bantuan polis tangkap orang yang sakit jiwa itu dan masuk ke dalam hospital untuk orang sakit jiwa, kalau tidak biar hospital katakan tidak boleh terima orang sakit itu. Mengapa kita perlu tunggu sampai orang sakit jiwa itu dia meletup dalam situasi yang begitu merbahaya. Kadang-kadang dia membawa senjata iaitu....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya tidak dapat membayangkan bagaimana seorang pesakit itu boleh meletup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: Ya. Situasi yang meletup, maksud saya situasi yang meletup. Satu situasi yang meletup iaitu sangat merbahaya kerana pihak hospital itu hendak tunggu sampai ada laporan polis, ada polis tangkap orang sakit jiwa itu baru ingin terima dia untuk diberi rawatan hospital sakit jiwa. Mengapa hospital sakit jiwa itu tidak boleh terima dengan sukarelaya. Keluarganya bawa orang sakit jiwa itu datang ke hospital dan dapatkan

rawatan secara sukarela, bukan bila dia sudah meletup secara merbahaya. Jadi saya khuatir cara masalah ini ditangani akan membawa kadang-kadang bahaya yang meliputi bahaya sampai maut untuk ahli keluarga yang lain. Jadi semua ini adalah disebabkan oleh kerana saya syaki Kementerian Kesihatan kita tidak mempunyai pakar-pakar psikologi, doktor-doktor psychiatry yang mencukupi untuk menangani masalah pesakit mental atau orang sakit jiwa ini. Saya harap Kementerian Kesihatan boleh memberi perhatian kepda masalah ini kerana di zaman moden di mana tekanan kerja, tekanan hidup yang cepat ini memberikan tekanan yang baru kepada banyak orang yang menyebabkan berlakunya kes-kes orang sakit jiwa yang bertambah.

Perkara yang ketiga, saya berpendapat negara kita tidak mempunyai pakar-pakar seperti pakar dalam mikrobiologi, farmasi dan sebagainya, terutama sekali apabila kita nampak penyakit-penyakit berjangkit berlaku. Apabila ada taun, coxsackie dan sebagainya berlaku atau pun racun 'loh see fun' berlaku, kita pun nampak pada pakar-pakar daripada luar negara dijemput datang ke Malaysia untuk menolong kita menangani masalah tersebut. Dan ini memang adalah satu-satunya tanda menunjukkan bahawa Kementerian Kesihatan sendiri tidak mempunyai cukup orang yang pakar dalam bidang patologi, mikrobiologi biokimia, farmasi dan sebagainya untuk membuat penyelidikan mencari penyelesaian untuk masalah-masalah yang selalu berlaku seperti dalam masa-masa banjir, masa-masa ada berlakunya penyakit-penyakit berjangkit dan sebagainya.

Jadi, oleh kerana ada berlakunya penyakit-penyakit berjangkit dalam masa baru-baru ini, saya rasa Kementerian Kesihatan perlu mengadakan program-program yang khas untuk memberi latihan kepada pakar-pakar yang boleh dan yakin dalam menangani masalah-masalah yang berjangkit dalam bidang mikrobiologi, patologi dan sebagainya supaya kita tidak perlu sedikit-sedikit masalah sahaja, kita pun minta pakar dari lain-lain tempat. Sedikit masalah sahaja, kita panggil WHO dan sebagainya. Kita mesti berdikari sebagai sebuah negara yang ingin mencapai Wawasan 2020, kita mesti ambil langkah positif ke arah berdikari dalam bidang kesihatan untuk melengkapkan Kementerian Kesihatan kita dengan pakar-pakar yang cukup dalam semua bidang.

Akhir sekali ada perkara keempat saya ingin sentuh sebelum saya mengulung, saya tidak bersetuju dengan cara Kementerian Kesihatan membiarkan sahaja theatre pembedahan yang canggih yang sudah dibina di Hospital Bukit Mertajam, kononnya theatre pembedahan itu sudah dibina dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM2 juta dan bila theatre pembedahan itu baru sahaja disiapkan, Hospital Nukleas Seberang Jaya pun dirancang dan dibina. Semua pakar-pakar perunding untuk pembedahan pun dipindahkan ke Hospital Seberang Jaya dan selepas itu nampaknya operation theatre, dengan izin, di Hospital Bukit Mertajam pun disia-siakan sahaja menjadi 'white elephant', dengan izin.

Oleh sebab itu saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya jangan membiarkan kemudahan yang canggih seperti operation theatre yang canggih di Hospital Bukit Mertajam disia-siakan sahaja. Saya yakin di tempat-tempat lain di seluruh negara mesti ada alat-alat yang canggih lagi yang barangkali juga dalam keadaan yang sama. Saya mesti menyeru kepada Kementerian Kesihatan supaya untuk semua kemudahan canggih yang dibina ataupun yang dilengkapi dalam Kementeriannya, kita mesti pastikan bahawa tahap penggunaannya adalah sepadan dengan peruntukan yang sudah digunakan bagi tujuan pembinaan ataupun kelengkapan kemudahan itu. Jadi, itu sahajalah untuk Maksud B.34. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.11 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya akan bangkitkan beberapa perkara dengan ringkas. Yang pertamanya beberapa minggu yang lepas, Yang Berhormat telah menerangkan mengenai maklumat yang terkini terhadap wabak di Sarawak yang hampir satu tahun kita pun masih tidak mengetahui apakah puncanya dan Yang Berhormat telah menerangkan mengenai 'milton' (kuman) yang mungkin menyebabkan wabak itu.

Seperti Yang Berhormat dari Bukit Mertajam pun menyatakan tadi kita jemput pakar-pakar daripada Jepun dan sebagainya. Dengan bilangan pakar yang begitu ramai, apakah keputusan sekarang mengenai wabak yang berlaku satu tahun yang lepas.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi pun ingat satu, dua minggu yang lepas iaitu di dalam jawapan kepada soalan saya, pihak Timbalan Menteri menjawab mengatakan tidak ada masalah mengenai pesakit-pesakit di hospital terutamanya pesakit-pesakit luar. Layanannya semua baik, semuanya sempurna, tetapi halnya tidak begitu sebab bilangan pesakit sudah bertambah di

hospital dan klinik kerajaan. Dengan sedemikian, layanan itu tidak setanding dengan bilangan pesakit yang bertambah. Pesakit bertambah kerana kegawatan ekonomi yang menyebabkan kos perubatan meningkat sehingga 30% dan pesakit-pesakit di klinik swasta ataupun hospital swasta sudah kurang dan mereka pergi ke hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan peratusan bertambahnya bilangan pesakit di hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan.

Sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak mendesak supaya Yang Berhormat benar-benar mengambil perhatian dan langkah untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan di hospital-hospital dan klinik-klinik. Saya setuju memang kerana bilangan bertambah dengan banyak dan perkhidmatan itu memang tiada had diberikan kepada peringkat yang dikehendaki, tetapi bolehkah Yang Berhormat, kita memang melatih kakitangan di hospital dan klinik supaya walau sibuk macam manapun, sikap dan tingkahlaku kakitangan itu mestilah bersopan-santun walaupun mereka itu tunggu berjam-jam, kalau sakit tidak tenat pun jadi tenat juga. Dengan keadaan yang serupa ini memang kita mesti melatih kakitangan di hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan supaya bersopan-santun, sentiasa melayani dengan baik, jangan naik berang.

Tuan Pengerusi, masalah yang ketiga mengenai pengubatan diri (self-medication). Dengan kegawatan ekonomi sekarang, Tuan Pengerusi, memang saya nampak Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga Timbalannya sudah menggalakkan orang awam supaya mengamalkan pengubatan diri (self-medication). Sebenarnya self-medication atau pengubatan diri di Malaysia sudah diamalkan bertahun-tahun. Itu bukan masalah, masalah yang timbul adalah kerana sesetengah mereka tidak tahu apakah penyakit itu boleh diubati sendiri dan apakah yang tidak boleh, sehingga kadangkala timbul masalah. Saya tahu, saya sebagai pengamal perubatan lebih 20 tahun, merawat sendiri

banyak akibat sampingannya, kerana mengubati sendiri dengan cara yang tidak betul.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Saya nampak ada satu projek ataupun skim di kementeriannya untuk 'Prevention and Promotion of Health' (Pencegahan dan Promosi Kesihatan). Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana skim ini dilaksanakan. Adakah pihak kementerian menyenaraikan penyakit-penyakit yang ringan dan ubat-ubat yang boleh digunakan serta cara-cara keselamatan untuk pesakit-pesakit yang mengamalkan pengubatan diri. Memang ini satu caralah, kita tidak mahu apa yang berlaku di negara ini dan juga di negara-negara yang lain. Ada sesetengah pesakit yang tidak faham mengenai ubat dan kemudian ada juga kedai-kedai yang menjual ubat, kadangkala ubat yang berbahaya pun dijual sehingga wujudnya masalah.

Saya beri satu contoh, Yang Berhormat, masih berlaku dengan kerap kali, ubat Sapu misalnya, 'steroid' - 'steroid' yang kuat, bukan yang sederhana, yang kuat - sekarang dibeli, termasuk di kampung-kampung, dijual sebagai penawar yang terbaik, dijual seperti jual biskut, jual manisan dan sebagainya, dan ini menyebabkan mereka ini mengalami kesusahan kerana akibat sampingan yang teruk. Walaupun ada unit pencegahan dalam Kementerian Kesihatan, nampaknya unit ini, mungkin kerana bilangan kakitangan yang kurang, tidak dapat menguatkuasakan, tidak dapat menjalankan tugas dengan berkesan kerana keluasan negara ini memang ada 21 juta orang dan Kementerian Kesihatan tidak dapat melaksanakan semua itu dengan begitu berkesan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa sudah cukup, ya. Ada dua, tiga perkara lagi.

Akhirnya saya nampak pihak kementerian terutamanya Yang Berhormat menteri melaung-laungkan pelancongan perubatan kerana kadangkala ada pesakit-pesakit daripada luar negara terutamanya daripada Indonesia, Brunei yang pergi ke Pulau Pinang dan Melaka untuk mendapatkan rawatan sebagai yang disebutkan sebagai pelancongan perubatan (medical tourist). Apakah rancangan pihak kementerian untuk melaksanakan pelancongan perubatan ini dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya kita tidak mewujudkan satu sistem perubatan yang semata-mata secara komersial sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta kementerian jawab.

7.21 mlm.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Perbekalan Tambahan kali ini.

Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jelebu mengenai peralatan di Hospital Jelebu yang dikatakan tidak disempurnakan. Sebenarnya peruntukan untuk penggantian peralatan perubatan tidak dikurangkan tetapi oleh kerana peruntukan yang disediakan hanyalah berjumlah sebanyak RM10 juta, maka rancangan penggantian ini harus mengikut keperluan ataupun priority. Walau bagaimanapun sejumlah RM700 juta telah disediakan di bawah Anggaran Belanjawan Pembangunan 1997 untuk menaikkan taraf Hospital Jelebu. Jadi, adalah diharapkan dengan

peruntukan ini, taraf perkhidmatan yang diberikan oleh Hospital Jelevu boleh dinaikkan.

Mengenai kakitangan dan pengisian jawatan peralatan X-ray di Jelevu dan program kesihatan di Jelevu, pengisian jawatan dan peralatan di klinik-klinik kesihatan memang telah dirancang tetapi ianya hanya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut peruntukan yang diperolehi. Tentang klinik kesihatan dan klinik desa yang mana tanahnya sudahpun disediakan, perancangan akan diteruskan untuk melaksanakan klinik kesihatan dan klinik desa ini di kawasan-kawasan luar bandar.

Bagi Hospital Jempol pula, di mana dikatakan hospital ini adalah ditangguhkan kerana masalah kegawatan ekonomi, buat masa ini peruntukan tidak disediakan untuk Hospital Jempol.

Tentang masalah kekosongan jawatan pegawai perubatan, sebenarnya ia berlaku di semua negeri dan kementerian dari masa ke semasa berusaha untuk mengisi kekosongan jawatan. Contohnya, di Klinik Kesihatan Simpang Durian memandangkan perisian dibuat pada setiap bulan apabila lantikan baru dibuat, peruntukan pegawai perubatan bolehlah dibuat secara purata termasuk untuk membuat pengisian di Klinik Kesihatan Simpang Durian.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang minta penjelasan berkenaan dengan kedua-dua klinik bidan yang telah ditutup. Sebenarnya, kedua-dua klinik ini ditutup mestilah berasaskan kepada alasan-alasan yang kukuh, mengapa perkhidmatan ini telah diberhentikan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan mengambil perhatian dan akan membuat susulan dan kajian mengapa ianya telah diberhentikan.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan membangkitkan tentang perkhidmatan pakar yang melawat ke hospital daerah yang telah dikurangkan. Sebenarnya hasil daripada usaha pengurangan belanjawan yang telah dimandatorikan kepada semua agensi-agensi, kementerian memanglah telah

meminta semua institusi di bawah kementerian untuk mengurangkan perbelanjaan khususnya perbelanjaan perjalanan. Tetapi pengurangan ini adalah lebih kepada perkhidmatan bukan berbentuk klinikal. Perkhidmatan pakar yang melawat ke daerah akan diteruskan dan jika perlu peruntukan tambahan bolehlah dipertimbangkan.

Berkenaan dengan peluang doktor-doktor melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, peruntukan untuk aktiviti latihan di kementerian tidak dikurangkan walaupun peruntukan kementerian telah dikurangkan secara keseluruhan. Ini adalah untuk menentukan kepakaran kakitangan kementerian akan sentiasa ditingkatkan.

Tentang perkara ataupun masalah kekurangan pakar-pakar perubatan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan, sehingga kini jumlah pakar kontrak luar negeri yang diambil ialah sebanyak 183 orang dan sebanyak 236 pegawai perubatan yang bukan pakar. Amalan pengambilan pakar kontrak asing ini sebenarnya akan diteruskan bagi menampung kekurangan pakar di hospital-hospital kerajaan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kerana masa terlalu suntuk, saya tidak dapat benarkan. Minta dia teruskan jawapan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya hendak cepatlah. Jumlah doktor kontrak keseluruhannya adalah sebanyak 416 orang dan jumlah pembayaran RM18 juta ini adalah termasuk jumlah pembayaran untuk jururawat kontrak.

Ahli Yang Berhormat daripada Batang Lupar telah membangkitkan persoalan tentang dasar membuat lantikan pegawai kesihatan, pegawai perubatan. Dari segi dasarnya, kerajaan telah bersetuju supaya perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan kontrak disambung terutamanya di Sabah dan

Sarawak dan yang bertugas di kawasan-kawasan luar bandar kerana di negeri-negeri dan di kawasan-kawasan yang berkenaan lazimnya menghadapi kekurangan pegawai-pegawai perubatan. Jadi buat masa ini kita telah memastikan supaya pengambilan itu juga dibuat berdasarkan keperluan negara terhadap bidang-bidang tertentu.

Mengenai kekurangan scan jantung di Malaysia. Selain daripada yang terdapat di Institut Jantung Negara, dua unit lagi terdapat di Unit Kardiorasik dan Kardiologi di Johor Bahru dan Pulau Pinang dan satu lagi akan ditubuhkan di Kuching.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga telah membangkitkan tentang klinik kesihatan dan klinik desa di kawasan Gelang Patah. Sebenarnya klinik-klinik kesihatan dan klinik-klinik desa ini memang diberi keutamaan dalam perancangan dan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh di negeri Johor. Jadi, cadangan Yang Berhormat itu akan diberi perhatian.

Berkenaan dengan teguran bahawa scan di Johor Bahru itu tidak berfungsi, syarikat konsesi yang ditawarkan penswastan iaitu Biomedical Engineering memang sedang diawasi untuk menentukan supaya down-time, dengan izin, alat-alat bio-medical yang merupakan life saving boleh dikurangkan dan berada dalam keadaan yang baik.

Menyentuh tentang status Telemedicine sekarang, kementerian juga sedang mengadakan, dengan izin, multi track negotiation dengan 10 syarikat yang telah disenaraipendekkan untuk projek Telemedicine dan dijangka keputusan untuk memilih syarikat yang berjaya akan dibuat dalam bulan Jun atau Julai 1998 ini.

Berkenaan dengan ratio doktor kepada kependudukan, pada tahun 1997, ratio doktor kepada kependudukan adalah sebanyak 1:1,521 dan ratio dentist kepada kependudukan adalah sebanyak 1:11,761 pada tahun 1996.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah juga telah bertanya tentang Hospital Pandan, bilakah hospital ini akan dibina. Projek Hospital Pandan ini adalah dalam perancangan dan akan dilaksanakan sebaik sahaja perkara-perkara detail selesai dilaksanakan.

Tentang kemajuan mengenai penyakit AIDS, sehingga kini lebih 24,000 kes HIV telah dilaporkan. Walau bagaimanapun, bilangan kes yang telah dilaporkan pada tahun lalu iaitu pada tahun 1997 buat pertama kalinya adalah lebih rendah daripada bilangan-bilangan yang dilaporkan pada tahun-tahun sebelumnya. Bilangan yang dilaporkan dalam dua bulan pada tahun ini juga menunjukkan kadar penurunan.

Ahli Yang Berhormat daripada Tuaran menyentuh tentang projek Hospital Tuaran di mana projek Hospital Tuaran sebenarnya tidak disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji semula keperluan hospital tersebut dan jika keperluan mendesak boleh disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita tidak cukup masa. Kita tidak dapat benarkan penjelasan setakat ini.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: ...Berkenaan dengan quaters dan klinik-klinik kesihatan di Tuaran dan Tenom yang perlu diperbaiki, peruntukan khas sebanyak lebih kurang RM4 juta di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan telah diberi kepada negeri Sabah pada bulan April untuk menaikkan taraf fasiliti-fasiliti kesihatan termasuk quaters kakitangan.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga telah membangkitkan tentang kebimbangan mengenai soal penyakit-penyakit jangkitan yang juga dikatakan berpunca daripada warga asing. Sebenarnya kementerian sentiasa mengawasi

keadaan penyakit berjangkit termasuk mengawal keadaan penyakit ini dan mengawal pembawanya yang termasuk di kalangan rakyat asing.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menentukan bahawa penjagaan kesihatan asas meliputi semua lapisan masyarakat termasuk warga asing, sebab itulah dasar yang kita pegang ialah kita boleh menggunakan mana-mana fasiliti kesihatan yang ada di negara ini untuk mengesan dengan baik dan betul tentang penyakit jika ada yang dibawa oleh warga asing dan bagi mereka yang didapati mengidap penyakit berjangkit akan dirawat terlebih dahulu sebelum dikembalikan ke negara asal.

Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam membangkitkan tentang kekurangan ahli sains seperti microbiologist, biochemist di dalam negara kita, sebenarnya Institut Penyelidikan Perubatan mempunyai ahli-ahli sains yang sedang menjalani penyelidikan dalam beberapa jenis penyakit dan institut tersebut mempunyai taraf penyelidikan yang tinggi dan diharap akan memainkan peranan yang lebih penting dalam mengenal pasti penyakit di masa yang akan datang.

Berkenaan dengan pakar-pakar yang dipindahkan daripada Hospital Bukit Mertajam ke Hospital Seberang Perai apabila hospital baru siap, pada dasarnya Hospital Bukit Mertajam akan dinaikkan taraf perkhidmatannya. Oleh kekurangan pakar pembedahan buat masa sekarang, perkhidmatan tersebut akan diadakan jika terdapat pakar pembedahan yang cukup. Berkenaan dengan kekurangan pathologist dan pakar psychologist di negara ini, lebih ramai yang telah dan akan dilatih di masa akan datang. Masalahnya adalah kerana kekurangan mereka yang berminat untuk menceburi di dalam bidang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan tentang pesakit bertambah akibat daripada kemelut ekonomi. Berdasarkan kepada pengalaman kemelut ekonomi 1985/1986 dijangka akan bertambah 15%. Walau bagaimanapun, kementerian tidak akan membenarkan kualiti dan rawatan

menurun dan perkara ini telahpun dimaklumkan kepada Perbendaharaan yang telah bersetuju untuk mengurangkan peruntukan kementerian hanya 12% untuk tahun 1998.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja yang dapat saya jawab, bagi yang tidak dapat saya jawab, saya harap saya akan dapat memberikan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM18,573,641 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM18,573,641 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.36 dan B.40 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.36 dan B.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

7.35 mlm.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya melihat polis diberi RM50,440,253 juta tambahan dikehendaki untuk membiayai pelaksanaan Model Struktur Organisasi baru ataupun MSOB-PDRM dan sebahagian daripada imbuhan kakitangan awam. Jumlah yang sedemikian saya bersetuju dan menyokong permohonan cadangan ini tetapi sebelum itu ingin saya beralih ke satu perkara sebentar iaitu pada 11 April 1998, National Human Rights Society yang diketuai oleh Raja Aziz Addruse telah mengatakan iaitu Polis Malaysia ini adalah 'trigger-happy' dan menembak bila-bila masa sahaja. Jadi ini adalah satu tuduhan yang saya tidak bersetuju langsung dan saya tidak berpuas hati mendengar. Saya ialah bekas

polis dan pernah berjuang dalam polis dahulu selama 13 tahun. Saya mempunyai ilustrasi-ilustrasi di sini yang terlibat dengan saya sendiri yang menunjukkan polis tidak pernah menjadi seorang yang boleh digelar 'trigger-happy'.

Pada tahun 1962, ini semasa saya masih muda, masa Police Station dirempuh, empat orang polis mati. Polis teragak-agak hendak tembak orang itu, lepas itu bapa saudara saya mati kena tembak di Police Station berkenaan. Pada tahun 1970 semasa mengejar penjenayah, polis juga di 'ambush' dengan izin dan polis itu sebelum menembak memberi challenge dalam bahasa polis, memberi challenge dan penjenayah itu lari begitu sahaja walaupun telah menembak polis. Dalam tahun 1971, saya sendiri telah diserang hendap di kawasan Tulai, seorang budak saya mati dan seorang luka parah. Baru berjumpa dengan saya lima hari lepas, dia kata dia kena enam peluru dekat dada dia. Apa kerajaan beri - commissional commendation - satu sahaja. Dia hampir mati. Saya hendak baca ini oleh kerana masa singkat sangat:-

My attention has been drawn to your high sense of duty devotion and courage during 'Ops Nyawa' Sungai Setajam, Bulat Complex in Sarikei District on the 26th September 1971. I am pleased to learn that though you have been injured, you fought courageously against enemy and as a result of your devotion to duty, courage and determination, one bandit was killed and discovery of arms and documents. Jadi orang yang diserang hendap, ditembak dan dibuat semua itu, jadi macam mana keadaan fikiran orang yang jadi polis, pakai uniform sebagai satu sasaran untuk ditembak begitu sahaja. Pada tahun 1984 sepupu saya, umur 22 tahun, baru habis latihan, mengejar seorang penjenayah di satu lorong kawasan Miri telah ditikam dengan satu pisau. Pada ketika itu dia membawa satu revolver. Oleh kerana teragak-agak sama ada hendak tembak ataupun tidak tembak orang yang bawa senjata ini, dia sendiri yang tertikam dan meninggal dunia, umur 22 tahun.

Tuan Pengerusi, jadi adakah ini kita katakan yang polis ini sentiasa 'trigger- happy' bawa senjata tembak sahaja apabila keadaan mendesak? Adakah kita pernah melihat sendiri, bertanya dengan kita sendiri semasa kita keghairahan untuk mempertahankan the right of this criminal, dengan izin, polis itu juga mempunyai hak asasi mereka sendiri. Adakah jika mereka sengaja hendak mempertahankan, bukalah dada dan tembaklah aku ini, supaya orang lain boleh tangkap.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Bangun]

Tuan Pengerusi: [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong [Bangun].

Tuan Ruhaine bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya pun cuba bincang perkara ini tapi dia sudah bercakap, okay tetapi saya hendak bertanya sahabat saya, adakah tidak kita boleh mentafsir bahawa kenyataan yang dikeluarkan oleh Raja Aziz Addruse seminggu yang lalu merupakan atau mencerminkan pandangan setengah orang yang hanya berpijak di awang-awang, tidak berpijak kepada senario kenyataan (reality) setempat iaitu di negara kita sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang benar, Tuan Pengerusi, oleh mereka ini idealisme mereka ialah satu keadaan utopia, keadaan negeri yang utopia yang mana semuanya selesa, semuanya betul. Jadi Human Rights ini diperjuangkan sampai ke satu peringkat yang orang mungkin bukan manusia yang duduk tetapi mungkin ahli syurga, mungkin dia. Jadi mereka ini tidak melihat keadaan kita di sini yang mana orang bawa senjata, orang keluar daripada bank merompak dan bawa senjata tidak kira sama ada senjata ini genuine atau benda itu palsu. Macam mana kalau 50 ela ataupun 100 kaki kita boleh cam yang benda ini atau boleh menembak benar ataupun tidak. Pada ketika itu apprehension yang ada pada kita, dia orang itu bawa

senjata, hendak tembak pada kita, Tuan Pengerusi. Jadi orang macam Raja Aziz Addruse ini belum lihat benda macam itu.

Saya sudah melihat kawan saya mati tertembak, saya sudah lihat keluarga saya mati tertembak. Jadi dia yang mengatakan polis, ini 'trigger-happy'. Jadi kita belum lihat lagi anak-anak polis yang mati tertembak di jalan raya, di hutan dan di belukar itu, apa jadi kepada mereka. Siapa membela? Aziz Addruse ini membela? Human Rights Society yang membela siapa? Kerajaan yang bela. Jadi dalam keadaan yang sedemikian jangan melulu dan merendahkan perasaan polis, menjatuhkan moral mereka untuk bertugas.

Dalam keadaan ini adakah kita mahu macam di New York, di Washington dan Chicago yang mana waktu malam macam sudah tidak boleh keluar lagi. Kalau hendak keluar pun sampai 10 orang, kalau hendak seorang pandang muka orang pun tidak boleh. Kalau pandang muka orang kita mungkin sudah kena gertak dan sebagainya. Tetapi alhamdulillah oleh kerana tindakan polis kita boleh masih berjalan di belakang Chow Kit Road, boleh berjalan di belakang jalan Tunku Abdul Rahman dengan selesa. Macam Kepong, you hendak jalan macam di New York, lepas pukul 6.00 tidak boleh jalan lagi.

Ini champion Human Rights, jangan cakaplah. You go to the jungle and fight with the communist, lawan dengan penjenayah ini dahulu. Kalau you tengok senapang mengacu ke muka you, macam mana you hendak bertindak, you hendak turun atau you hendak tembak dulu. Human Rights kata jangan tembak. Jadi saya bagi tahulah jangan kita lihat, ada pernah kita orang macam Aziz itu bertanya dengan orang yang telah pernah kena kidnap, orang sudah kena kurung oleh penjenayah ini, digertak oleh penjenayah, hendak dibunuh, ada pernah melihat ini kesan dan trauma yang dialami mereka yang telah menjadi mangsa penjenayah, tidak pernah.

Ada kemungkinan orang kalau macam Ketua Pembangkang yang pernah ada dilaporkan dalam surat khabar terkena macam itu, mungkin kita ada rasa sedikit, tetapi belum cukup sangat dia belum melihat anak saudara mati tertembak di hadapan dia. Jadi jangan tuduh melulu, jangan kecilkan perasaan orang yang mempertarungkan nyawa untuk keselamatan kita. Jadi saya menyebut ini saya berharaplah soalan-soalan ‘innocent until proven guilty’ saya beritahulah tanyalah seorang peguam kalau orang bawa senjata ini ‘innocent until proven guilty’ mana yang hendak jawab dulu. Kalau senjata di tangan, peringkat mana ‘innocent until proven guilty’, tak payahlah you tak tahulah, belum dengar, peluru sudah lari.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Pengerusi, saya tak boleh oleh kerana tak boleh bercakap panjang kerana masa saya terhad, begitu sahaja sebelum orang-orang hendak fight for the human rights cakap ini sana situ dan mengkritik orang yang berkhidmat untuk negara, pandang dulu sebelah sana kita masuk dalam kasut orang sebelah sana dulu, lihat macam mana keadaan mereka bertugas, dalam keadaan mana mereka bertindak dan apakah yang dipandang mereka pada ketika itu. Adakah kita hendak tanya, kamu bawa senjata betulkah tidak, sebelum saya tembak kamu, hendak tanya macam itu? Jadi saya berharaplah dia orang tak payah bercakap banyak sangat, belum experience benda-benda yang mengugatkan perasaan dan nyawa yang hampir melayang lepas peluru terbang. Jadi ini perkara yang pertama, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, saya hendak tanya apa benda yang dinamakan Model Struktur Organisasi Baru ini (MSOB) yang guna RM50 juta ini. Jadi saya berharaplah yang Model Struktur Organisasi Baru ini boleh memperbaiki

lagi kedudukan polis dan boleh mempertingkatkan lagi perkhidmatan polis kepada masyarakat. Dan satu lagi kritikan saya Tuan Pengerusi, bahkan saya dapat soal di sini, tapi mungkin tidak keluar kerana soalan saya nombor 32.

Soalan saya iaitu Pegawai Polis diminta mempunyai satu ‘Chain of Command’ iaitu Tali Arahan iaitu secara militari, kerana benda ini diluluskan pada zaman Jepun dahulu, selepas Jepun iaitu ‘Obey First and Complain Later’, maknanya kalau seorang polis pangkat rendah menerima arahan daripada pegawai pangkat tinggi, buat satu-satu, dia buat dahulu, walaupun bagaimana jahat benda itu, dia buat dulu selepas itu baru dia kompelin kepada orang atasan, menyatakan arahan ini kurang baik, kurang sesuai dan tidak betul. Ini adalah arahan para militari, kerana polis bila masuk ke Malaysia dahulu memang ala militari constabulary dan sebagainya, macam di Sarawak, begitu juga di Semenanjung, jadi saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan habiskan dalam masa satu minit. Jadi saya berharap hendak tanya macam mana ini, adakah dalam kita melaksanakan MSOB ini kita juga akan ubah tali arahan ini supaya jangan gunakan ‘Obey First and Complain Later’, oleh kerana keadaan ini pegawai-pegawai kita sudah cerdas, pandai, terdidik dan sebagainya boleh menggunakan akal fikiran dan kewajaran mereka sendiri selain daripada menerima arahan. Kerana kita tidak hendak berlaku seperti apa yang berlaku kepada pegawai polis yang tidak menerima laporan, lepas itu seorang yang minta selamatkan motokar, Perodua Kancil, tetapi tidak ada orang terima laporan, oleh kerana kata dia menerima arahan daripada pegawai kanan yang menyatakan jangan ambil laporan, bahkan yang memberi itu mengikut catatan dia, bukan Pegawai Polis itu tetapi anak Pegawai Polis. Jadi kalau konsep ini tidak ada, perkara macam ini tidak berlaku dan pegawai di stesen itu akan

menggunakan kebijaksanaan mereka untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang polis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu.

7.45 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.36 Polis DiRaja Malaysia. Kita maklum lebih kurang 70,000 kakitangan anggota polis telah pun menjalankan tugas dengan penuh disiplin dan penuh bertanggungjawab dan tentunya perlukan perhatian dan pertimbangan, kebajikan dan juga imbuhan yang sepatutnya mereka diberikan tumpuan dan keutamaan.

Saya ingin melihat kepada masalah penempatan anggota polis di daerah Jelebu, IPD Daerah Jelebu. Sejak beberapa bulan ataupun awal tahun yang lepas, perkara ini telah pun dibangkitkan, masalah pembinaan quarters IPD Jelebu, saya pun tak faham kenapa ianya ditangguhkan begitu lama. Masalah untuk mengenal pasti tempat, sedangkan peruntukannya telah pun ada sejak lama di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini telah pun di senaraikan. Dan apa yang menyedihkan Tuan Pengerusi, ialah mengenal pasti tapak yang telah dicadangkan oleh Pejabat Tanah Daerah Jelebu begitu lama. Mengapa perkara ini harus berlaku, dan saya mahu supaya perkara ini dapat diberikan penjelasan mengapa ia berlaku dan kenapa projek ini terbengkalai begitu lama, sedangkan duit memang sudah ada, peruntukan memang sudah ada. Kalau tanya IPD Jelebu, dia kata Bukit Aman, tanya Bukit Aman dia kata minta clearance daripada Pejabat Tanah. Tanya Pejabat Tanah, tempat telah disediakan.

Jadi saya mintalah jangan kita seksa mereka, kerana kakitangan polis yang ada di daerah Jelebu, kita tahu quarters yang disediakan tidak mencukupi, dan ramai di antara mereka ini menyewa daripada rumah-rumah yang berada di kawasan persekitaran ini. Jadi untuk berulang-alik ke tempat kerja dan

menjalankan tugas-tugas yang begitu berat, bagi memenuhi tanggungjawab dan disiplin pasukan ianya haruslah diberikan tumpuan dan diutamakan.

Tuan Pengerusi, yang keduanya mengenai dengan penglibatan anggota pasukan ini di dalam kerja-kerja kebajikan. Kita mengucapkan terima kasih dan syabas kepada anggota polis yang rata-rata berada di daerah Jelevu dan Parlimen Jelevu, baik di pondok polisnya atau pun di IPDnya, sentiasa memberikan kerjasama kepada masyarakat. Ini haruslah kita rakamkan terima kasih kepada pasukan berkenaan, dan kita minta keadaan ini akan dapat diteruskan memberikan bantuan dan pertolongan kepada mereka yang memerlukan, sebab itulah perkara yang berkaitan dengan kebajikan mereka juga haruslah difikirkan bersama.

Masalah peralatan perabot dan sebagainya, kelengkapan mesin taip, perlu kita lengkapkan di balai-balai polis ini dan juga di pondok-pondok polis. Untuk melengkapkan lagi pengurusan mereka, kemungkinan sistem komputer boleh kita cadangkan supaya on-line daripada setiap IPD daerah-daerah ke peringkat negeri yang masih belum sempurna, apatah lagi di Unit Trafik. Jadi, ini harus kita lihat untuk memperlengkapkan dan memperkemaskan sistem pengurusan jabatan. Saya ucap tahniah di atas penggunaan yang dicadangkan ini untuk memperlengkapkan lagi pentadbiran dan struktur organisasi dalam pasukan untuk lebih 'up-to-date' dan 'sophisticated', dengan izin.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, mengenai dengan pasukan trafik. Kita mengucapkan tahniah di atas pencapaian dan kecapaian pasukan ini yang dari masa ke semasa menambah pendapatan negara, tetapi apa yang harus kita lihat Tuan Pengerusi, ialah kebajikan mereka ini tidak begitu ditumpukan. Saya ingin bertanya sejauh manakah pasukan polis ataupun Bukit Aman menjalankan kajian mengenai kesan kepada kesihatan anggota polis trafik ini di atas pendedahan mereka kepada pencemaran udara persekitaran sewaktu menjalankan tugas.

Kita dapat melihat akan kesan asap kenderaan yang sentiasa dihidu dan ditelan oleh anggota ini. Dan tentunya kajian yang menyeluruh harus dibuat bagaimana langkah-langkah untuk melindungi mereka ini supaya kesihatan mereka selaku anggota pasukan dan juga ketua kepada keluarga mereka dapat terjamin. Untuk mendapatkan kemudahan perlindungan insurans, saya rasa tidak cukup. Insurans berkelompok yang dilaksanakan oleh pasukan beruniform ini tidak mencukupi malah mereka haruslah diberikan perlindungan yang sewajarnya.

Kita bayangkan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu pada tahun 1997 dan awal tahun 1998, berapakah jumlah kutipan kompaun yang telah dapat dikutip oleh anggota polis trafik ini? Kita bandingkan dengan kemampuan kakitangan yang sedia ada dan jumlah pulangan untuk hasil kepada negara, saya rasa begitu lumayan. Jadi, saya minta figure yang tepat dan adakah kemungkinan jawatan mereka ini dapat ditambahkan kerana kita lihat tugas anggota trafik pada masa ini begitu mencabar, malah begitu berat di dalam keadaan sekarang dengan adanya tanggungjawab yang diberikan untuk melaksanakan undang-undang RTA 1987 dan juga Akta LPKP yang juga menjadi bebanan mereka terpaksa digandakan tugas kerana masalah-masalah keselamatan jalan raya begitu mencemaskan dan membimbangkan keadaan pada waktu ini. Jadi, saya mencadangkan supaya PDRM mengambil berat akan kebajikan dan juga perlindungan kepada mereka ini kerana memandangkan pengorbanan mereka begitu besar kepada keselamatan pengguna jalan raya dan juga masyarakat keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah mengenai dengan hubungan anggota polis dengan masyarakat, begitu juga penjenayah-penjenayah. Kita bimbang dalam keadaan kegawatan masalah-masalah pendatang haram, masalah penagih dadah, masalah pushers dan sebagainya, masalah di karaoke dan di disko yang juga mencabar kewibawaan anggota polis. Kita tidak dapat

menafikan bahawa terdapat segelintir golongan yang begitu ghairah kepada soal-soal hiburan yang sedemikian. Apa yang kita harapkan supaya mereka ini selaku pagar kepada masyarakat, janganlah sampai kita anggapkan sebagai ‘harapkan pagar, pagar makan padi’.

Kita selalu mendengar dan mendapat laporan bahawa setiap hari ada sahaja kes-kes yang melibatkan anggota polis yang diambil tindakan oleh pihak yang berkuasa. Jadi, kita berharap jagalah imej dan maruah pasukan, ‘Cepat dan Betul’ haruslah dilaksanakan dan patuhilah disiplin-disiplin pasukan supaya menjaga maruah dan prestasi jabatan untuk kepentingan negara, bangsa dan agama. Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

7.53 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan B.36 dan juga Maksud Bekalan B.40.

Di sini saya ingin meminta Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor supaya tidak harus begitu sensitif terhadap kritikan terhadap polis tetapi sebaliknya harus menganggapnya sebagai cabaran untuk mempertingkatkan prestasi melindungi rakyat dan menjaga keamanan sosial.

Tidak boleh dinafikan bahawa rakyat menghargai sumbangan dan pengorbanan pihak polis melindungi rakyat dan menjaga keamanan sosial daripada penjenayah dan juga ancaman luar. Itulah sebabnya saya sendiri kerap kali menuntut agar elaun dan gaji anggota polis dinaikkan selaras dengan risiko yang dihadapi oleh mereka tetapi ada juga segelintir kecil anggota polis yang melakukan perbuatan yang mencemarkan nama baik dan prestasi pihak polis. Tindakan dan kumpulan kecil anggota polis inilah yang harus dikikis bukan sahaja untuk menjaga imej baik polis tetapi juga mengekalkan keyakinan

orang ramai bahawa pihak polis menjalankan tugasnya dan menegakkan undang-undang dengan adil dan saksama tanpa mengira kedudukan dan status.

Saya percaya Presiden Persatuan Hak Asasi Manusia Malaysia, Raja Aziz Adrusse mempunyai asas yang kukuh bila melahirkan perasaan prihatin terhadap gambaran ‘ghairah menembak’, (trigger-happy), setengah-setengah anggota polis. Beliau menyatakan, dengan izin, “the alarming increase in the number of suspected criminal fatalities bespeaks the possibility define of a police force, that has forgotten the two crucial principles that define all legal and justified use of firearms-proportionality and discrimination. The police should uphold the maxim of ‘innocent until proven guilty’”.

Sebagai seorang peguam terkemuka, pihak polis harus menerima komen beliau dengan semangat membina dan terbuka ataupun mendapat maklum balas yang lebih lanjut daripadanya. Imej dan kewibawaan polis tidak dicabar tetapi sebenarnya anggota kecil polis yang menyalahgunakan kuasa mereka yang dipertikaikan. Kebelakangan ini pernah berlaku beberapa kes di mana orang awam berasa tidak senang hati, individu yang tidak mempunyai sebarang rekod jenayah ditembak mati.

Polis mendakwa mereka melakukan perbuatan jenayah bila mereka tidak mempunyai rekod sedemikian, sebaliknya merupakan pemimpin tempatan yang dihormati oleh masyarakat mereka. Mungkinkah pihak polis membuat kesilapan atau tersalah tembak. Ini telah dibangkitkan dalam beberapa kes di mana keluarga simati telah membuat saman ke atas polis di mahkamah . Contohnya satu lagi kes yang terkini ialah tentang kes mendiang Somasundram Prumal yang telah ditembak mati pada 20 Mac tahun ini di Tol Plaza Rawang kerana didakwa menculik seorang rakyat India. Simati yang juga tidak mempunyai rekod jenayah adalah bekas majikan kepada simangsa. Anaknyanya yang bernama S. Akasthiyan menyatakan bapanya berumur 57 tahun tetapi pihak polis masih berdegil menyatakan bapanya berumur 46 tahun. Apakah

kedudukan sebenarnya dan siasatan polis terhadap kes itu sekarang, khususnya dakwaan bahawa bapanya tersalah ditembak mati. Rakyat mahu pihak polis menjalankan tugasnya dengan efisien.

Oleh itu sebelum seseorang ditembak mati, ia mesti diberikan peluang untuk menyerahkan diri. Tembak-menembak harus dielakkan untuk menghindarkan orang yang tidak bersalah, yang ada di dalam kereta turut ditembak mati bersama dengan orang yang disyaki. Hanya bila penjenayah mengancam keselamatan polis dengan menembak ataupun cuba mengeluarkan senjata barulah tembakan oleh pihak polis dijustifikasikan.

Tindakan polis dalam beberapa kes lain pernah menunjukkan mereka tidak menjalankan tugas dengan baik dan adil. Contohnya, kes seorang gadis bawah umur yang dirogol ditahan oleh polis sedangkan orang yang disyaki merogolnya pernah ditahan oleh polis untuk menjalankan siasatan. Mana ada sistem pentadbiran undang-undang di dunia di mana mangsa yang dirogol ditahan manakala orang yang disyaki merogolnya bebas sehingga boleh pergi melancong ke luar negara. Kalau inilah sistem dan saya rasa kes seperti ini merupakan kes yang bukan banyak tetapi satu, dua kes seperti ini yang membuat orang ramai ragu terhadap kewibawaan dan keadilan pihak polis.

Di sini saya berasa amat kesal bahawa polis boleh menjalankan tindakan menahan mangsa yang telah dirogol tetapi pada masa yang sama tidak menahan untuk direman atau disiasat pihak yang disyaki merogolnya. Adakah kerana pihak yang disyaki merogolnya merupakan orang atas. Itulah timbul double standard di mana polis mempunyai undang-undang yang berlainan, satu untuk orang atas dan satu untuk orang bawah sehingga saya rasa seorang penulis yang terkenal menyatakan kalau inilah sistem undang-undang yang kita mahu, mungkin pada masa hadapan wanita terpaksa membuat sedemikian iaitu 'choose your rapist carefully'.

Inilah satu kenyataan yang dibuat oleh seorang penulis yang terkemuka, iaitu anak perempuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau kenyataan sedemikian boleh dikeluarkan oleh anak perempuan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita boleh lihat dalam kes seperti ini pihak polis telah gagal menjalankan tugasnya. Itulah yang dipertikaikan. Di sini saya harap apabila kita menjalankan tugas, jalankannya dengan adil, jalankannya tanpa double standard. Macam yang saya hadapi sendiri, apabila saya digari selepas tidak mendapat wang jaminan....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun hendak minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya akan beri. Nanti sekejap.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya akan beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Point of order, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Baiklah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, kalau kita amati ucapan Yang Berhormat ini kepada point of order 36(2), subjudice. Kalau diamati baik-baik ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka ini ada kaitan dan dekat-dekat hendak pergi kepada kes dia yang sedang diperbincang dalam appeal sekarang. Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi, rasanya elok Yang Berhormat jangan sentuh kes ini, kerana kes ini masih lagi dalam appeal stage dan ada kaitan Fasal 36(2) dalam kes subjudice.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, itu berkaitan dengan tindakan polis, bukan berkaitan dengan kes....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, mungkin Tuan Pengerusi elok awasi dalam kes ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita awasi, kalau sampai perkara itu kita tidak benarkan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Dalam perkara ini, cara enuendo. Cara enuendo telah menampakkan seolah-olah gambar kes....

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tahu apa maksud Ahli Yang Berhormat....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Kes Rahim Tamby Chik....

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat jangan buang masa saya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Saya fikir perkara ini sudah selesai.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan buang masa saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau dia sampai kepada kes itu kita akan beritahu.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak sentuh langsung, saya tahu kes saya subjudice, saya tidak sentuh langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta teruskan, masa sudah tidak banyak.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan paksa saya sentuh, sebenarnya subjudice, kerana saya tidak sentuh kes saya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Persoalan yang disentuh, you have to ikut peraturan Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ikut, saya tidak sentuh.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Saya hanya menarik perhatian Dewan ini....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi telah buat keputusan, boleh duduklah. Masa saya sudah jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka sila teruskan ucapan, jangan kaitkan langsung.

Tuan Lim Guan Eng: Saya masih ingat apabila Dato' Mokhtar Hashim, sekarang Bendahari UMNO Negeri Sembilan. Apabila beliau dihukum bersalah membunuh bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Negeri Sembilan, selepas dihukum bersalah, sungguhpun sudah pun dihukum bersalah, beliau tidak digari oleh pihak polis sungguhpun dianggap sebagai pembunuh. Saya rasa Yang Berhormat tahu tentang kes ini kerana pernah menjadi bekas Peguambela bagi pihaknya. Ini saya rasa sebagai satu penghormatan kepada seorang Wakil Rakyat. Dia tidak boleh cakap, kerana kalau dia cakap ada pecuniary interest. Tetapi bila saya digari, saya rasa ini menunjukkan bahawa memang timbul double standard yang diamalkan oleh pihak polis.

Saya tidak mahu meminta layanan istimewa, tidak. Tetapi yang penting ialah mengapa pihak polis mengamalkan double standard bila melaksanakan undang-undang. Itu yang menjadi pokoknya. Mana keadilan wisdom, mana keadilan. Oleh sebab itu, saya rasa itu satu perkara penting. Oleh itu, adalah perlu bahawa Tan Sri Rahim Noor sedar sebarang kritikan terhadap polis adalah untuk memperbaiki prestasi polis. Sekiranya kita melenting dan menolak sebarang dakwaan tanpa mengambil kira sama ada ianya berasas ataupun bernas, ia seolah-olah cukup untuk menutup penyalahgunaan kuasa, kelemahan ataupun kesilapan segelintir pihak polis. Hanya negara polis (police state) yang tidak boleh menerima kritikan. Saya percaya Malaysia belum lagi mencapai tahap police state.

[Tuan yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Satu lagi kes ialah kes Lee Kok Leong. Mengapakah apabila seorang tahanan boleh dibunuh semasa di lock-up. Pegawai tertinggi yang terlibat

dalam kes ini tidak didakwa. Ini juga saya rasa menyebabkan keyakinan orang ramai terjejas hanya kerana satu-dua 'black sheep' ini. Keseluruhannya pihak polis memberikan sumbangan dan perkhidmatan menjalankan tugas dengan baik, tetapi oleh kerana segelintir kecil ini telah mencemarkan nama baik polis. Ini yang kita hendak kikis kerana kita hendak menjaga imej, kita hendak menjaga nama baik pasukan polis, bukan dicemarkan dan diturunkan standard oleh segelintir kecil anggota polis ini. Kalau pihak polis hendak menutup kesalahan, kelemahan dan kesilapan segelintir pihak polis ini, saya rasa kita tidak boleh salahkan siapa-siapa kalau imej dan prestasi pihak polis tercemar dan terjejas. Sekian, terima kasih.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Saya rasa kita sudah pukul 8.00, Yang Berhormat, kita ada banyak lagi, saya mintalah Menteri menjawab.

8.06 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan dan teguran semasa mengambil perbahasan. Kepada Yang Berhormat dari Batang Lupar dan juga beberapa orang lagi Ahli Yang Berhormat yang lain telah pun menyentuh tentang penyalahgunaan kuasa polis dan sebagainya, saya rasa tidak payah panjang lebar saya buat apa-apa penjelasan. Ketua Polis Negara sendiri telah pun buat penjelasan secara terbuka tentang apa yang telah dikatakan oleh Raja Aziz dalam satu artikel yang telah pun ditulis. Apa yang ingin saya menekankan di sini pihak kementerian ataupun kerajaan tidak akan bertolak ansur, dan selama ini memang tidak bertolak ansur terhadap sebarang penyalahgunaan atau penyelewengan pihak polis dalam menjalankan tugas.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah sebut katakan hanya segelintir sahaja. Memang saya setuju segelintir sahaja pihak kakitangan polis

yang dikatakan kadangkala ada buat kesilapan. Itu pun pihak Suruhanjaya Polis (Police Commission), yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri telah begitu tegas. Sebagai contoh, Suruhanjaya Polis ini telah pun mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka, iaitu dalam tahun 1996 seramai 2,054 orang kakitangan polis daripada konstabel sehingga setinggi kepada Assistant Commissioner telah pun dikenakan tindakan tatatertib, dan pada tahun 1997 seramai 1,978 kes tindakan tatatertib telah pun diambil. Tindakan tatatertib ini termasuk buang kerja, tahan kerja, gantung kerja dan sebagainya.

Selain daripada itu, kalau mereka didapati menyalahi undang-undang, mereka tetap didakwa di bawah undang-undang yang berkenaan. dan ada di antara mereka itu yang sedang dihukum dipenjarakan. Apa yang saya ingin meyakinkan Dewan ini ialah pihak kerajaan tidak akan bertolak ansur dan tidak akan tutup kalau sekiranya ada apa-apa penyelewengan. Itulah prinsip yang dapat saya jaminkan.

Mengenai apakah prinsip MSOB ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Ong Ka Ting: MSOB....

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Ong Ka Ting: Seorang sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, adakah terdapat mana-mana kes polis didapati menyalahgunakan kuasa dan bertindak 'trigger happy' sebagaimana yang dituduh oleh golongan-golongan hak asasi manusia?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, tidak ada mana-mana satu kes yang diambil tindakan kerana dikatakan polis menembak orang. Ini tidak tepat, sebenarnya semua kes yang didapati menembak itu, polis sendiri buat siasatan secara terperinci siapakah mereka yang ditembak itu dan mereka pasti jaminkan

keadilan kepada ahli keluarga. Kes-kes yang saya sebut itu semua tidak melibatkan sama sekali apa kes-kes dikatakan menembak ataupun didakwa “trigger happy”.

Tuan Pengerusi, MSOB yang di bawah apa yang telah kita sebut di sini ialah satu program, sebenarnya RM50 juta ini bukan semuanya untuk MSOB. Hanya RM13,005,015 itu adalah melibatkan Model Struktur Organisasi Baru (MSOB - PDRM).

Tuan Pengerusi, ini adalah satu konsep di mana kita perlu mengemaskinikan satu program pengurusan perjawatan jangka panjang bagi polis di mana kita terpaksa menyelaraskan sempadan pentadbiran daerah awam dan daerah Polis Diraja Malaysia.

Ini akan melibatkan penubuhan beberapa polis kontinjen IPD daerah dan juga melibatkan penambahan kakitangan atau menaiktarafkan kakitangan termasuk gred-gred jawatan ketua dan timbalan ketua organisasi-organisasi tersebut juga termasuk pertambahan kakitangan, penubuhan organisasi baru di peringkat daerah, maka semuanya ini ada implikasi kewangan. Yang selebihnya sebanyak RM30 juta lebih adalah untuk imbuhan yang lain seperti bonus, pakaian, kursus dalam negeri, bayaran balik tuntutan tugas-tugas rasmi semasa mereka menjalankan tugas yang meliputi keselamatan di dalam dan di luar negeri.

Jadi, secara ringkasnya tambahan sebanyak RM50 juta ini adalah satu tambahan permintaan yang terpaksa diguna, bukan satu permintaan yang optional.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga beban dan cabaran polis telah pun begitu

Dr. Yap Yit Thong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Ong Ka Ting: Saya ingat tidak ada masa.

Dr. Yap Yit Thong: Tidak ada masa!

Dato' Ong Ka Ting: Ya. Beban kerja polis telah pun meningkat, bukan sahaja dari segi kes-kes seperti pendatang tanpa izin, pengedaran dadah dan sebagainya, malah indeks jenayah memang telah pun meningkat kerana cabaran yang baru. Sebagai contoh, untuk tiga bulan yang pertama tahun ini, kalau kita bandingkan dengan tahun lepas, jenayah kekerasan sudah meningkat sebanyak 43% dan begitu juga jenayah harta-benda telah pun meningkat untuk tiga bulan yang pertama sehingga 52%. Ini satu peningkatan yang tinggi kerana cabaran-cabaran baru, bukan disebabkan ketidakberkesanan polis tetapi banyak tugas-tugas tambahan telah dihadapi. Jadi, penyusunan semula struktur polis ini akan dapat membantu untuk membanteraskan kegiatan jenayah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah bertanya berkenaan dengan quarters, ini telah terkeluar dari apa yang sebenar kita minta ia itu pembangunan tetapi beliau telah menanya berapakah kompaun yang telah dikutip, yang dapat saya bekalkan maklumat di sini adalah sehingga bulan Mac ini, jumlah kompaun yang dikutip sejak tahun 1990 hingga Mac tahun ini sebanyak RM592 juta kompaun telah berjaya dikutip, amaun yang banyak, tetapi ini bukan untuk diguna oleh polis sendiri, ini akan dimasukkan untuk diuruskan oleh Perbendaharaan, kita tidak boleh katakan kita kutip banyak kompaun maka kita boleh gunakan wang itu, saya rasa Ahli Yang Berhormat sedia maklum.

Kes-kes yang lain seperti apa yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, secara keseluruhannya saya telah jawab iaitu kita menjamin supaya apa-apa penyelewengan kita bertindak, tetapi kalau dakwaan itu tidak tepat, kita tetap akan menolaknya dan tidak boleh kita menyalahkan polis. Memang benar Ketua Polis Negara sendiri merupakan seorang yang peka, beliau sentiasa tegas, bukan sahaja dia akan mengambil tindakan tegas terhadap

polis tetapi kalau dakwaan tidak tepat, beliau tetap akan membela, ini untuk menjaga moral polis supaya sentiasa tinggi. Pada keseluruhannya itu sahajalah yang dapat saya jawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM50,440,253 untuk Maksud B.36; dan RM1,599,108 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM50,440,253 untuk Maksud B.36 dan RM1,599,108 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Di sini tidak ada perbincangan kerana wang ini ialah wang token.

[Tiada Perbincangan]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1997 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997.

Maksud B.45 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas. Ya, sila, Kepong.

8.16 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bekerja dengan kuatnya

Seorang Ahli: Bodek!

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana bodek pula, dia benar, dia bekerja dengan kuat dan dia datang hadir ke sini untuk menjawab soalan.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak bangkitkan beberapa perkara, pertamanya mengenai pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja sekarang walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menyatakan untuk bulan Januari dan Februari hanya hampir 8,000 pekerja yang diberhentikan, ini pun di sektor industri sahaja dan bolehkah Yang Berhormat terangkan keadaan yang sebenar sekarang bulan April, setiap bulan ada sebilangan pekerja yang diberhentikan kerja dan sudah bertambah dan kesan kegawatan ekonomi itu mulai dirasai di banyak tempat dan di banyak sektor dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah keadaan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, saya pernah mendengar satu skim dicadangkan oleh pihak kementerian untuk mengadakan skim kewangan membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerjanya, financial scheme to help lack off workers, apakah skim ini, adakah ini serupa dengan SOCSO atau dengan PERKESO. PERKESO itu berlainan tetapi ini satu skim yang khas dan sementara untuk pekerja-pekerja seumpama ini sahaja. Bolehkah Yang Berhormat terangkan semasa kegawatan ekonomi ini apakah dana yang diadakan untuk skim yang sedemikian, ini memang satu perkara yang penting. Setakat manakah dapat kita mengalihkan pekerja-pekerja asing, misalnya yang bekerja di sektor pembinaan sekarang kerana sektor pembinaan sekarang sudah terjejas dengan kemerosotan ekonomi, maka beratus ribu pekerja asing sudah tidak dapat bekerja di sektor ini. Setakat manakah kementerian berjaya untuk mengalihkan pekerja-pekerja ini kepada sektor yang lain seperti sektor perladangan yang masih memerlukan pekerja-pekerja asing.

Saya diberitahu bahawa kebanyakan pekerja-pekerja asing ini enggan untuk bertukar kerjanya mungkin kerana di sektor pembinaan misalnya gaji itu lebih tinggi dan di sektor perladangan gajinya rendah dan mungkin ladang-ladang pun di kawasan-kawasan terpencil dan inilah satu perkara.

Yang kedua, pihak kementerian sudah mengatakan usaha sedang dipertimbangkan untuk memperbaiki keadaan informasi atau maklumat untuk pasaran buruh. Setakat manakah pihak kementerian dapat mempertingkatkan atau mengadakan informasi atau maklumat bagi pasaran buruh dan adakah koordinasi atau penyelarasan di antara kementeriannya dengan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk bersama-sama kita memajukan informasi seumpama ini. Apakah kewajipan pihak majikan yang hendak memberhentikan pekerja-pekerjanya. Setakat ini adakah pihak majikan dengan terlebih dahulu memberi maklumat kepada pihak kementerian sebelum mengambil tindakan untuk memberhentikan pekerja.

Saya membangkitkan perkara ini sebab sebelum ini kita tidak ada satu sistem yang memerlukan pihak majikan melaporkan masalah ini sebelum mereka mengambil tindakan dan kalau kita hendak mewajibkan pihak majikan berbuat demikian, apakah undang-undang yang boleh kita gunakan untuk tindakan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia jawab ya.

8.22 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Sukacita saya menyatakan bahawa sehingga 15 April angka orang-orang yang telah diberhentikan kerja dan dilaporkan kepada kita adalah lebih kurang 22,000 orang iaitu daripada Januari hingga 15 April dan hampir kesemua mereka ini telah pun mendapat kerja ganti, hampir kesemua.

Jadi, salah satu cara sekarang ini yang boleh kita mendapat maklumat dengan mudah iaitu mulai 1 Februari 1998, kita telah pun menerusi undang-undang memaksa semua majikan yang hendak memberhentikan pekerja mereka itu melaporkan kepada Jabatan Buruh sekurang-kurangnya sebulan sebelum mereka hendak memberhentikan pekerja, tentang niat mereka itu.

Tujuannya dua, yang pertama kita hendak menasihatkan mereka tentang tanggungjawab mereka kepada pekerja tentang gantirugi, bayaran dan sebagainya. Keduanya, untuk memberikan masa kepada Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Tenaga Rakyat dan sebagainya untuk mencari kerja ganti. Jadi, itulah yang kita buat.

Keduanya kita ada juga satu jawatankuasa tetap untuk pre-empt sebarang masalah yang serius mengenai retrenchment ini iaitu kita ada satu jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Tripartite antara kerajaan, majikan iaitu Malaysian Employees Federation dan sebagainya dan juga Kesatuan Sekerja dan ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Buruh dan kita ada mesyuarat sepanjang masa untuk monitor dengan rapat tentang masalah ini, yakni majikan ada di sana, kesatuan sekerja di sana dan juga kerajaan.

Memang kita menjangkakan kita akan ada sedikit masalah dari segi pengangguran di kalangan golongan pertengahan dan atasan. Sungguhpun bilangannya itu kecil tetapi golongan pertengahan dan atasan kita jangka kita akan menghadapi masalah untuk mencari kerja ganti kepada orang-orang yang kena retrenched. Itu sebabnya kerajaan telah pun, menerusi Tabung Pembangunan Sumber Manusia, wang-wang yang tidak digunakan itu kita telah mengadakan satu tabung buat permulaan lebih kurang RM2 juta untuk maksud memberi retraining kepada orang-orang yang telah pun di retrenched dan tidak boleh dapat kerja ganti dalam jangka masa pendek. Maka kita akan memberi sedikit sebanyak latihan tertentu kepada mereka. Tentang skim latihan itu masih sedang dikemaskinikan pada ketika ini.

Last sekali mengenai pekerja asing di sektor pembinaan. Keputusan kerajaan adalah untuk menghantarkan mereka balik. Dua sebab, satunya kalau kita redeploy mereka pun mereka tidak begitu berminat sebab gaji mereka terlalu tinggi dan di sektor perladangan dan sebagainya gaji adalah rendah. Keduanya, pada ketika ini pekerja-pekerja di sektor binaan, dalam 6 orang hanya 1 sahaja pekerja tempatan – 5 adalah pekerja asing dan waktu ekonomi kita melambung tinggi dahulu mereka telah pun mengambil kesempatan untuk menaikkan gaji, dengan izin, they have asked to ransom iaitu telah pun memaksa kita untuk menaikkan gaji dalam masa setahun dua sahaja gaji yang biasanya RM18 ke RM20 telah pun meningkat sampai RM40, RM50 dan akhirnya consumers kita terpaksa menanggung beban ini dengan terpaksa membeli rumah yang mahal dan sebagainya. Jadi, kalau kita hendak turunkan, kita hendak pecahkan property bubbles kita hendak turunkan harga rumah-rumah kita ini kepada tahap yang munasabah, maka kita kena jugalah kawal wages dalam sektor binaan ini.

Jadi, oleh sebab itu saya rasa kerajaan lebih cenderung untuk menghantar mereka ini yang menerima gaji yang terlalu tinggi yang artificial balik dan pada satu masa nanti kalau kita perlu ambil juga pekerja untuk sektor binaan, maka pada ketika itu kita perlulah mencari pekerja-pekerja yang sanggup menerima gaji ataupun pembayaran yang munasabah. Jadi, itu sahajalah jawapan saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,731,551 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,731,551 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.47 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Perbekalan di bawah B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Serdang.

8.26 mlm.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, hanya satu sahaja saya hendak meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi penjelasan iaitu berkenaan dengan Stesen Keretapi Serdang Lama di mana keretapi komuter melalui kawasan tersebut. Setelah perkhidmatan commuter train diadakan di kawasan tersebut, telah menarik banyak penumpang untuk menggunakan commuter train itu tetapi apa yang saya difahamkan bahawa satu perjanjian telah diadakan di antara KTMB dengan Park May Berhad supaya mengadakan perkhidmatan bas di Stesen Keretapi Serdang Lama supaya boleh membawa penumpang-penumpang yang tidak jauh daripada kawasan untuk naik commuter train ke Kuala Lumpur tetapi sehingga ke hari ini walaupun perkhidmatan commuter train telah dijalankan di Stesen Keretapi Serdang Lama telah beberapa tahun tetapi penumpang-penumpang tadi masih berterusan di Serdang - susah hendak datang ke Stesen Keretapi Serdang Lama untuk menggunakan commuter train kerana tidak ada perkhidmatan bas.

Ini adalah satu masalah yang dihadapi. Apakah sebabnya perkhidmatan bas yang telah dijanjikan oleh Park May Berhad tidak diadakan di Stesen Keretapi Serdang Lama dan telah memberi kesukaran kepada penumpang-penumpang daripada menggunakan commuter train.

Dan juga di Stesen Keretapi Serdang Lama ini tidak mengadakan stesen teksi di mana teksi-teksi yang menunggu penumpang-penumpang hanya diletakkan di tepi jalan yang sibuk sangat di kawasan tersebut. Maka, ini telah menjadi gangguan lalu lintas sepanjang Jalan Sungai Besi, maka dengan tiada kemudahan untuk tempat letak teksi di dalam Stesen Keretapi Serdang Lama

telah menjadikan masalah besar di kawasan tersebut – satu masalah sosial di situ. Saya meminta penjelasan mengapa kemudahan-kemudahan seperti ini tidak diadakan di Stesen Keretapi Serdang Lama sejak begitu lama. Sekian, Terima kasih.

Tuan Pengerusi Kepong.

8.30 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya dengan ringkasnya meminta Yang Berhormat menerangkan mengapa kita mesti jelaskan tuntutan subsidi kepada KTMB atas kerugian yang dialami bagi perkhidmatan sosial dan laluan train penumpang yang tidak ekonomik. Apakah yang dimaksudkan sebagai perkhidmatan sosial dan laluan kepada kawasan yang tidak ekonomik? Adakah ini termasuk di dalam kawasan Lembah Klang termasuk Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, ini bukan satu angka yang kecil, hampir RM20 juta yang diberikan sebagai subsidi kepada KTMB walhal KTMB sekarang boleh membuat laluan yang baru dan sebagainya termasuk satu yang dicadangkan untuk satu laluan di antara Butterworth Utara sebagai North Butterworth Container Terminal di antara terminal itu dengan Butterworth Railway Station. Satu laluan yang baru yang akan menelan belanja lebih RM230 juta. Kalau mereka ada wang untuk berbuat demikian dan kita masih memberi subsidi seumpama ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah yang dimaksudkan ini.

Mengenai KTMB sekarang yang akan disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan konsortium seperti Merak Unggul Sdn. Bhd. yang meliputi Renong Bhd., DRB Hicom dan juga Bolton Properties Bhd. yang secara rasminya bertanggungjawab untuk penswastaaan KTMB ini dan juga untuk disenaraikan. Setakat manakah, Tuan Pengerusi, pihak KTMB berjaya untuk menyenaraikan syarikat itu? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri menjawab.

8.32 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Serdang dan juga Kepong yang telah pun mengambil bahagian dalam Jawatankuasa sebentar tadi. Saya suka menjelaskan bahawa berkaitan dengan tidak adanya perkhidmatan bas Park May di Stesen Serdang Lama untuk perkhidmatan commuter train dan juga tidak adanya parking teksi. Seperti yang telah diputuskan oleh kerajaan bahawa Park May hendaklah mengadakan perkhidmatan tersebut.

Walau bagaimanapun, untuk Stesen Serdang Lama, syarikat ini mendapati terlalu kurang penduduk daripada taman-taman perumahan ingin menggunakan perkhidmatan bas mereka, kerana itu mereka telah tidak menjalankan perkhidmatan ini dengan baik. Walau bagaimanapun, kementerian telah pun meminta syarikat ini mengambil tindakan yang berterusan supaya perkhidmatan ini hendaklah disediakan walaupun complaint mereka orang yang berkurangan. Jika mereka tidak mampu, kementerian akan mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan ataupun Lembaga Pelesenan, beri sahaja kepada syarikat bas yang lain seperti yang telah dibuat untuk laluan Intrakota di kawasan-kawasan LRT yang mereka mengatakan tidak ekonomik. Begitu juga parking teksi, saya akan berbincang perkara ini semula dengan Dewan Bandaraya supaya parking teksi yang lebih selesa akan dapat diadakan.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Kepong, saya suka menjelaskan bahawa tambahan RM19,386,068.00 yang telah diminta kelulusan pada hari ini adalah diperlukan bagi menjelaskan tuntutan subsidi kepada KTMB atas kerugian yang dialami bagi perkhidmatan yang tidak ekonomik bagi tahun 1995 dan juga tahun 1996 berdasarkan formula 100% kerugian yang

dialami. Bayaran bagi tahun 1995 ialah sebanyak RM6,592,387.00 iaitu baki 50% daripada amaun yang telah pun dibayar pada 23 Oktober 1996. Permulaan asal ialah 50% kerugian ditanggung oleh kerajaan dan Kementerian Kewangan pada 25 Jun 1997 telah bersetuju dengan rayuan KTMB supaya dibayar 100%. Bagi tahun 1996 sebanyak RM12,793,681.00 dan kerana itulah kalau dicampurkan 50% tahun 1995 dan tahun 1996, maka berjumlah RM19 juta.

Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat apakah laluan ini termasuk laluan-laluan commuter train, ia tidak termasuk laluan commuter train di dalam bandar. Ianya merupakan laluan-laluan yang melibatkan kawasan luar bandar misalnya daripada Singapura ke Gua Musang di mana KTM berhenti di sepanjang laluan di banyak stesen. Begitu juga Gua Musang ke Singapura, Tumpat ke Gua Musang, Gua Musang ke Tumpat, Tumpat ke Gemas dan Gemas ke Tumpat. Inilah laluan-laluan yang telah menyebabkan kerugian dan laluan ini mustahak kerana terdapatnya banyak orang luar bandar menggunakan laluan ini.

Penswastan KTMB kepada Merak Unggul telah pun dilakukan dan prosesnya masih dalam perbincangan. Walaupun Merak Unggul Sdn. Bhd. telah mengambil alih pentadbiran tetapi daripada segi syarat-syarat nyata, syarat-syarat yang telah ditetapkan masih lagi perbincangan antara Merak Unggul dengan EPU sehingga penyelesaian ini dibuat, maka akan disiarkan untuk pengetahuan umum.

Itulah jawapan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19,386,068 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM19,386,068 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.51 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.38 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya bangun kerana tiada orang yang bangun [*Ketawa*] sebab kawan saya.....[*Disampuk*] Macam mana pula.... Kawan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia tokoh di situ sahaja, tidak hendak jawab.

Tuan Pengerusi, memang itu satu perkara penting juga kita telah membelanjakan hampir RM12 juta untuk mesyuarat tahunan Menteri-menteri ASEAN dan juga untuk Mesyuarat Tidak Rasmi ASEAN pada bulan Disember 1997 dan bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah sumbangan atau bantuan Kerajaan Malaysia kepada negara-negara asing? Adakah ini bermakna kita bayar kepada kos mereka untuk hadir ke negara ini untuk menyertai mesyuarat kita? Kalau itu apakah amaun yang diberi kepada pihak negara asing untuk berbuat demikian, bolehkah Yang Berhormat terangkan?

Saya ada memerhatikan semasa Mesyuarat Tidak Rasmi ASEAN, mesyuarat itu ditumpukan kepada masalah kegawatan ekonomi di rantau ini dan termasuk menggunakan mata wang negara masing-masing untuk mengurangkan pergantungan kepada Dollar Amerika. Di dalam mesyuarat itu, Tuan Pengerusi, apakah keputusan yang dibuat dan susulan daripada keputusan itu apakah hasilnya kerana kita belanja dengan banyak untuk mesyuarat bersama-sama ahli-ahli ASEAN untuk memperbaiki keadaan yang buruk dan apakah hasilnya setakat ini daripada mesyuarat tersebut. Adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu lagi Mesyuarat Tidak Rasmi ASEAN tidak lama lagi ataupun kita sudah berjaya untuk melaksanakan resolusi-resolusi yang ditetapkan dan tidak payah lagi buat masa ini.

Tuan Pengerusi, memang kita hendak mengetahui masalah yang dibincangkan dalam mesyuarat itu kerana masalah di Thailand dan terutama di Indonesia memang lebih teruk daripada Malaysia. Setakat ini apakah keadaan di Indonesia kerana apa yang berlaku di Indonesia memang menjejaskan masalah di Malaysia kerana negara dengan kependudukan lebih 200 juta orang itu memang mempunyai implikasi dan konsekuensi yang besar dan jika ekonomi negara Indonesia tidak pulih, ekonomi Malaysia pun akan terus terjejas. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri menjawab.

8.40 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengucapkan terima kasih atas usaha Yang Berhormat dari Kepong untuk mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan tambahan di bawah Kementerian Luar Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti saya dapat jelaskan bahawa perbelanjaan ini telah digunakan untuk Mesyuarat Tahunan Menteri-menteri ASEAN yang diadakan tiap-tiap tahun di antara Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri ASEAN yang bergiliran tempatnya. Dan kebiasaannya, perbelanjaan ini adalah dikeluarkan oleh negara yang menjadi tuan rumah dan ini adalah persefahaman di antara negara masing-masing ada satu formulanya untuk perbelanjaan pengangkutan dan hotel dan sebagainya adalah dipersetujui, satu perkara yang di mana tuan rumah itu sentiasa bertanggungjawab, tetapi ini adalah persetujuan bersama dan negara menjadi tuan rumah secara bergiliran.

Jadi, boleh katakan, Tuan Pengerusi, bahawa perbelanjaan seperti ini memang penting dalam usaha kita memperkukuhkan perhubungan antara negara-negara ASEAN dan sentiasa mengadakan mewujudkan satu forum di mana persefahaman, perhubungan yang mendalam dapat diwujudkan dan juga masalah-masalah secara multilateral boleh diperbincangkan dan kesempatan

itu untuk kita mengadakan perhubungan dua hala pun wujud dalam persidangan seperti ini.

Jadi yang keduanya adalah perkara mengenai kemuncak tidak rasmi ASEAN yang kedua itu. Ini memang diadakan bergiliran antara negara ASEAN di mana diadakan di antara kemuncak yang rasmi (formal summit) di antara Ketua-ketua Negara ASEAN dan diadakan di Kuala Lumpur dalam tahun yang lalu boleh dikatakan telah mencapai satu usaha yang penting di mana dalam situasi negara-negara ASEAN mengalami krisis kewangan serantau. Jadi, kita nampak tumpuan ketua-ketua negara dan Kerajaan ASEAN ialah mengenai usaha-usaha untuk kita memulihkan keadaan ekonomi serantau dan kerjasama yang erat dan rapat telah dapat dipersetujui, antaranya ialah usaha untuk meningkatkan perdagangan serantau ASEAN. Peluang yang sama juga Ketua-ketua ASEAN telah juga berkesempatan untuk bertemu dengan Ketua-ketua Negara China, Jepun dan juga Republik Korea mengenai isu-isu serantau.

Jadi, inilah perkara-perkara yang telah berhasil dari peruntukan yang kita pohonkan ini dan juga perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kerajaan Malaysia memang sentiasa yakin, cukup yakin dengan usaha negara-negara serantau ini dalam usaha mereka untuk sebenarnya dengan terus mencari jalan untuk menyelesaikan krisis kewangan ini yang telah dialami di rantau ini, kita cukup yakin usaha termasuk negara Indonesia juga dalam mengatasi perkara ini. Kita sama-sama berusaha supaya serantau ini dapat pulih kembali dalam ekonominya.

Jadi, itu sahaja yang saya dapat jawab dan kalau ada yang lain, saya akan sampaikan secara bertulis dan dengan itu, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,729.503 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM11,729,503 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya dibuka untuk dibahas.

8. 45 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu kawan saya juga Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk di situ sahaja, tidak jawab memang tidak boleh, jadi eloklah dengan soalan-soalan yang ringkas.

Tuan Pengerusi, saya seringkali tiap-tiap minggu gunakan Lebuhraya Utara-Selatan walaupun tidak sepenuhnya, jadi ada 848 kilometer semuanya dan kita seringkali ke Melaka, Johor, ke Pulau Pinang dan tidak sampai Bukit Kayu Hitam. Walau bagaimanapun, saya nampak di setengah-setengah itu ada continuous reinforce concrete pavement (CRCP) tetapi tidak panjang dan bolehkah Yang Berhormat terangkan mengapa kita mesti menukarkan kaedah pembinaan dari jointed concrete pavement kepada CRCP? Dan ini telah menelan belanja hampir RM110 juta, memang besar, banyak juga RM110 juta untuk tukar daripada JCP kepada CRCP. Ini memang saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*

Mengenai Lebuhraya Utara-Selatan, memang saya hendak mengetahui walaupun pihak kerajaan, pihak kementerian sudah membenarkan iaitu pemegang konsesi PLUS untuk menaikkan sedikit kadar tol 0.74 sen kepada 11.24 sen 1 kilometer, mulai Januari tahun ini. Ini bermakna pihak kementerian memang ada mengkaji perjanjian di antara pemegang konsesi

ini dengan kerajaan dan kalau ada dikaji apakah keputusan dibuat, sama ada pihak kementerian sudah membenarkan pemegang konsesi ini melanjutkan tempoh konsesinya. Kalau tidak, apakah pampasan yang dikeluarkan, yang diberi oleh pihak kerajaan untuk membolehkan kenaikan kadar tol ini dengan lebih sederhana. Sebab walaupun perjanjian itu tidak pernah diumumkan, tetapi Yang Berhormat Menteri sering mengatakan bahawa kalau kita tidak membenarkan pihak pemegang konsesi menaikkan kadar tol memang mereka akan menuntut pampasan menurut perjanjiannya. Adakah pihak kementerian sudah membuat kajian ke atas perjanjian ini? Kalau ada, sama ada usaha ini disiapkan.

Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan-soalan yang pendek ini walaupun susah hendak dijawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

8.50 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan tambahan di bawah Kementerian Kerja Raya. Saya suka memaklumkan di sini bahawa peruntukan sebanyak RM109,512,000 adalah yang telah diperlukan dan telah pun dibayar oleh pihak PLUS atas kerja-kerja tambahan yang telah dilaksanakan atas arahan kerajaan. Kerja-kerja tambahan ini adalah di luar daripada obligasi PLUS Berhad, di bawah perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan. Ianya dibayar kepada pihak PLUS oleh kerana bagi memenuhi arahan kerajaan bagi membuat perubahan kepada reka bentuk iaitu penukaran daripada pembinaan kaedah jointed concrete pavement kepada continuous reinforce concrete pavement, dengan izin, kepada Lebuhraya Utara-Selatan sejauh 153 kilometer.

Kalau saya boleh bacakan di sini pecahannya, iaitu Tanjong Malim ke Sungai Selangor sejauh 21 kilometer, Sungai Selangor ke Rawang sejauh 21.40 kilometer, Rawang ke Sungai Buloh sejauh 12.40 kilometer, Sungai Buloh ke Damansara sejauh 7 kilometer, Subang ke Damansara sejauh 1.7 kilometer, Bukit Raja ke Subang sejauh $5\frac{1}{2}$ kilometer, Bukit Lanjan ke Jalan Duta sejauh $4\frac{1}{2}$ kilometer, Point C 35 ke Tapah sejauh 18 kilometer, Tapah ke Bidor sejauh $11\frac{1}{2}$ kilometer, Bidor ke Sungkai sejauh 13.2 kilometer, Sungkai ke Slim River sejauh $18\frac{1}{2}$ kilometer dan Slim River ke Tanjong Malim sejauh 17.8 kilometer, semuanya berjumlah 153.199 kilometer yang berharga sebanyak RM109,512,000.

Tuan Pengerusi, kerja-kerja tambahan ini telah pun dilaksanakan sebelum Lebuhraya Utara-Selatan siap dilaksanakan pada tahun 1994. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa kaedah ini digunakan kerana satu tujuannya adalah untuk mempelbagaikan corak jalan yang dibina pada waktu itu dan didapati bahawa walaupun harga kos pembinaan dengan CRCPnya agak tinggi daripada bitumin ataupun premix, tetapi ianya lebih lama dari segi hayatnya. Maknanya ia boleh bertahan sampai 40 tahun tanpa maintenance dibandingkan dengan premix ataupun bitumin selama 5 hingga 7 tahun perlu diadakan penyelenggaraan semula. Kos penyelenggaraannya juga lebih rendah, strukturnya lebih baik dan lebih kuat dan panduan keselesaan memandu lebih baik kerana ianya anti skip, dengan izin. Pada waktu itu memang secara kebetulan industri simen kita menghadapi masalah, maka eloklah kerajaan fikirkan pada waktu itu bahawa industri simen digunakan bagi membekalkan simen kepada projek jalan pada waktu itu. Jadi, dengan sendirinya membantu industri simen negara pada waktu yang sama.

Yang kedua, Yang Berhormat telah menimbulkan soal kadar tol yang telah dikenakan pada awal tahun ini, telah dikurangkan daripada 11.24% kepada 10.50%. Perlu dimaklumkan di sini, dalam concession agreement,

dengan izin, walaupun perkara-perkara kenaikan tol telah dibuat secara automatik, tetapi ini tidak bererti setiap tahun atau setiap 3 tahun pihak concession seperti PLUS berhak menaikkan tol secara automatik. Ianya perlu mendapat kelulusan kerajaan iaitu Kabinet sebelum sebarang kenaikan dibuat. Walaupun kerajaan telah bersetuju dan pihak PLUS juga bersetuju mengurangkan kadar tol daripada 11.24% kepada 10.50%, sama ada kerajaan akan membayar ganti rugi sebagai pampasan kepada pihak PLUS, perkara ini masih lagi dirundingkan dengan pihak PLUS. Tetapi ingin saya memberi jaminan di sini bahawa sebarang kenaikan tol walaupun ianya termaktub di dalam setiap concession agreement yang telah ditandatangani, ianya tidak semestinya automatik naik pada tahun-tahun yang telah ditentukan.

Ingin juga saya maklumkan bahawa bermula daripada tahun 1996, sebarang kenaikan tol ataupun sebarang perkara yang berhubung dengan tol yang akan dimuatkan dalam perjanjian concession tidak lagi automatik, ianya akan berdasarkan unjuran trafik pada satu-satu waktu di satu-satu tempat. Jadi, itulah keadaannya pada masa-masa yang akan datang. Saya percaya kita dapat menerima bahawa walaupun kita terpaksa membayar tol di tempat-tempat berkenaan, dan kerajaan sentiasa menjamin bahawa kenaikan tol sentiasa terkawal.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja saya perlu sampaikan kepada Dewan yang mulia ini berhubung dengan peruntukan tambahan Kementerian Kerja Raya pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM109,512,040 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1997 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM109,512,040 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1997.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.

